

# PENYATA RASMI

## MESYUARAT KEDUA PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT

### DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

18 NOVEMBER 2016 (JUMAAT)

Kandungan	Muka Surat
<b>SOALAN-SOALAN LISAN</b>	
Soalan No. 22 – Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim)	4
Soalan No. 23 – Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhammad Yusoff Bin Mohd Noor)	8
Soalan No. 24 – Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen)	10
Soalan No. 25 – Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd. Zain Bin Ahmad)	10
Soalan No. 26 – Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey)	13
Soalan No. 27 – Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):	18
<b>SESI PERBAHASAN PEMBENTANGAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAHUN 2017 DAN USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN TAHUN 2017</b>	
Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan	22
<b>PENGUMUMAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI</b>	22
Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) menyambung perbahasan	23
<i>Dewan ditangguhkan pada jam 12.20 tengah hari</i>	
<i>Dewan disambung semula pada jam 3.00 petang</i>	
<b>SAMBUNGAN SESI PERBAHASAN PEMBENTANGAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAHUN 2017 DAN USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN TAHUN 2017</b>	
Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan	35
Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan	50
<i>Dewan ditangguhkan pada jam 5.00 petang.</i>	

# LAPORAN PERSIDANGAN

## MESYUARAT KEDUA PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT

### DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

Tarikh : 18 NOVEMBER 2016 (JUMAAT)

Masa : 9.30 Pagi

Tempat : Dewan Undangan Negeri  
Lebuh Light, George Town  
Pulau Pinang.

#### HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua, Dewan Undangan Negeri
3	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Timbalan Ketua Menteri I / Pantai Jerejak
4	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II /Perai
5	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7	YB. Chong Eng	Padang Lalang
8	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
10	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
11	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
12	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
13	YB. Dato' Haji Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
14	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
15	YB. Ong Kok Fooi	Berapit
16	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
17	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
18	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
19	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
20	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
21	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
22	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
23	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
24	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
25	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
26	YB. Teh Lai Heng	Komtar
27	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
28	YB. Soon Lip Chee	Jawi
29	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubok
30	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
31	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
32	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggal
33	YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria	Sungai Aceh
34	YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
35	YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
36	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
37	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang
38	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

#### **TIDAK HADIR**

Bil.	Nama	Jawatan
1	YB. Datuk Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad	Pulau Betong
2	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas

#### **AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.**

Bil.	Nama	Jawatan
1	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2	YB. Dato' Anas Bin Ahmad Zakie	Penasihat Undang-Undang Negeri
3	YB. Puan Sarul Bahiyah Binti Haji Abu	Pegawai Kewangan Negeri

#### **TURUT HADIR**

- Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri  
 Encik Mohd Roshidi Bin Azmi - Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

**Dewan mula bersidang pada jam 9.30 pagi.**

**Setiausaha Dewan:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Bacaan doa.

**Timbalan Setiausaha Dewan:**

Bacaan Doa.

**Setiausaha Dewan:**

Soalan Lisan.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Silakan Ahli Yang Berhormat Sungai Pinang.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

YB. Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 22.

- No. 22. Beberapa projek perumahan mengalami masalah penyelenggaraan di bawah pentadbiran JKP Sdn. Bhd. seperti di Mutiara Idaman 1, Medan Tengku Blok 1 dan Blok 3 di KADUN Sungai Pinang. Apakah usaha/tindakan yang boleh diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap syarikat-syarikat pengurusan rumah pangsa yang tidak bertanggungjawab sehingga pengurusan ditinggalkan sahaja? Terima kasih.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih YB. Sungai Pinang. YB. Dato' Speaker, soalan yang ditujukan kepada perumahan yang mengalami masalah penyelenggaraan dan dirujuk pada beberapa Projek JKP seperti Mutiara Idaman 1, Medan Tengku di KADUN Sungai Pinang dan apakah usaha ataupun tindakan yang boleh diambil oleh Kerajaan Negeri. Dato' Speaker, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pesuruhjaya Bangunan ataupun COB boleh mengambil tindakan terhadap syarikat pengurusan yang gagal melaksanakan tanggungjawab rumah pangsa dengan memfailkan tindakan mahkamah di bawah peruntukan Seksyen 48, Akta Pengurusan Srata 2013 [Akta 757]. Akta berkenaan juga menggariskan bahawa mana-mana pemaju yang tidak mematuhi peruntukan seksyen tersebut, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM250,000.00 atau dipenjarakan selama tidak melebihi tiga tahun atau pun kedua-duanya sekali.

Dato' Speaker, selanjutnya Seksyen 86 Akta tersebut memberi kuasa kepada COB untuk melantik ejen pengurusan bagi membuat perjanjian pengurusan dengan pemaju, badan pengurusan bersama atau perbadanan pengurusan seterusnya menjalankan tanggungjawab menguruskan rumah pangsa yang berkenaan. Bagi tujuan tersebut, apa-apa saraan atau fi ejen pengurusan akan dibayar melalui akaun penyenggaraan sepertimana dipersetujui oleh ejen pengurusan, pemaju, badan pengurusan bersama atau perbadanan pengurusan dan adalah tertakluk kepada persetujuan COB. Sekian Dato' Speaker.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Soalan tambahan, terima kasih YB. Datok Keramat kita nampak kegagalan pengurusan perumahan amat ketara. Jadi di bawah pentadbiran JKP yang disebutkan oleh saya macam Mutiara Idaman 1, Medan Tengku Blok 1 dan Blok 3. Mereka mengalami banyak masalah penyelenggaraan di mana isu-isu elektrik tertunggak dan *railing* tangga dan *railing* koridor yang reput yang *broken*. Pernah ada insiden di mana seorang budak terjatuh dari tingkat 3. Nasib baik tidak ada kematian yang dicatatkan.

Dan di sini saya nak tanya Tabung TP1M sekarang dan HAPPY sepatutnya untuk menolong membantu rumah-rumah pangsa untuk membuat penyelenggaraan, tetapi adakah berapa projek yang telah diluluskan dan saya nampak memang di Medan Tengku mereka ada memohon tetapi tidak diluluskan dan saya berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana mereka datang cari saya dan Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah peruntukan untuk membaiki *railing* tangga dan *railing* koridor untuk menjamin keselamatan penduduk di sana. Saya nak tanya bagaimana dengan TP1M sekarang dan HAPPY?. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih YB. Sungai Pinang ini satu soalan begitu baik untuk kita tangani statusnya. Of course apabila Ahli Kawasan Sungai Pinang nyatakan isu tentang isu penyelenggaraan, merujuk balik kepada soalan pokok yang ditujukan kepada saya iaitu masalah penyelenggaraan yang serius khusus kepada beberapa projek JKP. Saya percaya ini bukan sahaja kepada projek-projek JKP tetapi banyak projek perumahan yang dihuni oleh golongan berpendapatan rendah iaitu Rumah Mampu Milik Jenis A, atau jenis rumah yang terdahulunya dikenali sebagai Rumah Kos Rendah dan Rumah Mampu Milik Jenis B atau yang terdahulunya dikenali sebagai Kos Sederhana Rendah.

Kita dapat ada satu peratusan keingaran bayar *charge* penyelenggaraan yang begitu tinggi mungkin sebabkan mereka ini dari golongan berpendapatan rendah dan mereka ada sebab-sebab yang *genuine if I can say* untuk ingkar. Kerana mereka adalah daripada golongan yang susah dan kita perlu ambil kira hakikat ini dan apa yang telah berlaku ialah bukan sahaja di peringkat Negeri tetapi juga di peringkat pusat *I think* gejala ini bukan sahaja berlaku di Negeri Pulau Pinang tetapi keseluruhan Malaysia kita dapat lihat melalui penubuhan tabung di peringkat pusat iaitu Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia. *It is acknowledgement* memang kerajaan mahupun pusat ataupun negeri *at the pusat level is* TP1 Malaysia ini adalah satu pengiktirafan permasalahan ini berlaku.

Kalau kita ada keadaan yang ideal YB. Dato' Speaker, iaitu semua penghuni di dalam semua taman-taman perumahan membayar *charge* penyelenggarannya tak perlu tabung ini diwujudkan. *In fact* mungkin *mind set* kita perlu berubah *I think even sometimes* bukan sahaja di rumah-rumah pangsa RMM A dan B Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah, rumah pangsa juga mereka enggan bayar. Ini satu permasalahan *mind set* yang perlu berubah saya selalu cerita kepada rakan-rakan saya tentang satu lawatan kerja yang saya buat ke Singapura *I think most slightly* sudah saya beritahu di DUN ini tetapi relevan untuk saya ulangi Yang Berhormat yang hadir kerana relevan soalan tambahan Ahli Kawasan Sungai Pinang.

Apabila saya pergi ke Singapura dan pergi ke *Housing Development Board* atau HDB atau Badan Perumahan Kerajaan Negara Singapura di mana Singapura 80% daripada perumahan adalah dimiliki kerajaan iaitu melalui flat-flat HDB. Saya tanya mereka dan flat-flat ini apabila saya masuk ke flat ini ianya tiada tembok atau pagar siapa-siapa pun boleh masuk. Tiada permasalahan jenayah dan sebagainya *of course that is another issue*. Berbalik kepada isu penyelenggaraan saya tanya kepada mereka apakah usaha Kerajaan Negara Singapura untuk membantu penduduk-penduduk ini dalam usaha penyelenggaraan, bagaimana diwujudkan apa-apa tabung dan sebagainya. Mereka tidak faham soalan saya. Apabila saya tanya mereka, mereka tanya saya balik *can you please explain what do you mean?* Saya cakap ini adalah rumah-rumah awam so kita perlu bantu mereka yang susah so mungkin ada tabung *just wanted to know* apa mekanisme mereka so saya boleh banding dengan Negara Malaysia dan Negeri Pulau Pinang.

Dan dia kata ini tidak berlaku kerana mereka bayar penyelenggaraan dan saya kata ya soalan seterusnya penyelenggaraan boleh dibayar tetapi mungkin bukan sepenuhnya. Dan mereka kata di Negara Singapura it is between 95% to 100% penyelenggaraan dikutip, jadi tidak ada permasalahan itu tetapi di Singapura terbalik di sini. Soalan YB. Sungai Pinang begitu tepat masanya kerana Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia yang diwujudkan oleh Kerajaan Malaysia adalah untuk membantu semua negeri di mana flat-flat RMM A atau B ataupun Kos Rendah atau Kos Sederhana Rendah terdahulunya boleh memohon kepada tabung ini untuk kerja-kerja kritikal iaitu termasuk lif membaik pulih lif atau mengganti lif, tangki air dan bawah TP1M cat pun dibenarkan, di mana ia dikatakan ini ialah projek-projek kritikal, so yang penting ialah Kerajaan Pusat perlu mengagihkan dan menyalurkan dana ini kepada semua negeri secara adil, secara saksama.

Untuk makluman YB. Dato' Speaker, lebih daripada 140 permohonan kalau saya tidak silap telah pun dimasukkan sejak penubuhan TP1 Malaysia ini daripada melalui kedua-dua PBT, permohonan untuk Tabung Penyelenggaraan Malaysia melalui PBT MBPP atau pun MPSP. *More than* 140 lebih 140 permohonan dibuat tetapi sehingga kini cuma dalam 20 lebih kalau tak silap 26 yang telah diluluskan dan ini adalah satu angka begitu tidak memuaskan dan untuk makluman YB. Dato Speaker, yang diluluskan itu pun pada tahun dahulu sekarang kita di bulan November hampir Disember, YB. Dato' Speaker.

*For this year*, satu pun tak diluluskan saya dimaklumkan wakil-wakil PBT di dalam MMK Perumahan yang baru-baru berlangsung *so this whole year* TP1 Malaysia tidak berlaku. Di bawah TP1 Malaysia Dato' Speaker apa yang berlaku RMM A kalau saya pohon kos projek saya akan dapat 90%, untuk RMM B Kos Sederhana Rendah saya akan dapat 70%, *so* 10% dan 30% masing-masing yang *balance* atau baki perlu dibayar oleh penghuni tetapi di Negeri Pulau Pinang salah satu negeri sahaja keseluruhan Malaysia kita prihatin kepada beban di atas bahu penduduk-penduduk yang berpendapatan rendah ini kita tubuhkan satu lagi tabung yang dikenal pasti sebagai *HAPPY Housing Assistance Penang YES Programme* di mana *balance* 30% dan 10% masing-masing di KSR dan KR atau RMM A dan B tersebut akan dibiayai akan dibiayai oleh Kerajaan Negeri. Dan walaupun kita sedia untuk menampung baki ini kita tidak boleh menampung baki ini sekiranya permohonan TP1 Malaysia tidak diluluskan terlebih dahulu. *If they don't approve it we can't give the balance 10% and 30%* dengan izin.

So saya berpendapat bahwa *in fact* saya telah menyatakan beberapa kali di sini dan juga telah mengemukakan pandangan saya berkenaan Tabung HAPPY ini yang sekiranya TP1 Malaysia ini tidak bergerak Tabung HAPPY ini sia-sia sahaja tidak digunakan ia adalah satu pembaziran wang lebih baik saya cadang kepada Kerajaan Negeri supaya kita salurkan dana tak perlu ke HAPPY tetapi kepada dana tabung lagi satu yang kita ada iaitu Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80% Negeri Pulau Pinang. Kerana kita ada banyak projek di situ yang mana kita boleh terus bantu tanpa menunggu apa-apa daripada Kerajaan Pusat dan saya harap ini mungkin dapat diambil kira *in fact* YB. Sungai Pinang adalah di dalam Jawatankuasa Tabung Maksimum 80% ini dan kita pun telah pun baru-baru ini bersidang beberapa kali dan sedang dalam berusaha menambah baik proses pengagihan dan penyaluran wang melalui tabung ini dan kita lihat berapa banyak projek yang telah pun kita bantu di Negeri Pulau Pinang melalui tabung ini dan saya ingat saya berpendapat bahawa tak perlu lagi kita ada tabung HAPPY ini kita salurkan terus ke Tabung Maksimum 80% ini tetapi sekiranya Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia ada kelulusan apabila ia berlaku *then* kita boleh ambil wang daripada Tabung 80% 20% sama seperti mekanisme dan berlaku untuk HAPPY tetapi untuk *park* wang dalam satu tabung untuk tidak diguna adalah satu pembaziran.

Akhir kata Ahli Kawasan Sungai Pinang yang penting sekali Negeri Pulau Pinang sepetimana yang kita nyatakan kita sering kali mengutamakan sentiasa mengutamakan pembekalan Perumahan Mampu Milik pelbagai jenis Mampu Milik daripada Kos Rendah atau RMM A sehingga Mampu Milik biasa iaitu RM250,000 di bahagian seberang dan RM300,000 di bahagian pulau. Itu memang keutamaan yang kita berikan dan sehingga hari ini, memang kita ada banyak projek yang akan membekalkan perumahan sebegini kepada rakyat Negeri Pulau Pinang. Tetapi, yang kedua saya selalu nyatakan, pembekalan perumahan mampu milik adalah satu perkara yang pertama tetapi setelah ia dibekalkan, isu kemudian yang penting adalah penyelenggarannya.

Oleh itu, kita adalah TP1M, Happy atau Tabung Maksimum 80% di Negeri Pulau Pinang tetapi malangnya, TP1M tak diluluskan pun dan saya harap mungkin rakan saya dari Sungai Dua yang hadir bagi pihak pembangkang dan Kerajaan Pusat mungkin boleh panjangkan keluhan saya ini kepada Kerajaan Pusat kerana mesti ingat, saya selalu kata jangan politikkan perumahan termasuk penyelenggaraan kerana dalam flat-flat ini, walaupun di dalam Pilihanraya Ketiga Belas lalu mungkin daripada 10 orang mengundi untuk Pakatan, daripada 10 orang yang mengundi, 7 orang mengundi Pakatan, jangan lupa Sungai Dua, 3 orang juga mengundi untuk Kerajaan Pusat dan mereka duduk juga dalam flat-flat ini. Mesti bantu mereka. Jangan politikkan ini. Tanya apa yang berlaku kepada *balance* 120 lagi permohonan TP1M? Kalau boleh bantu luluskannya. Itu sahaja Dato' Speaker.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):**

Soalan tambahan. YB. Datok Keramat telah menyebut tentang banyak permohonan TP1M itu tidak diluluskan di Pulau Pinang samada Datok Keramat tahu tentang permohonan-permohonan di negeri-negeri lain ada samada diluluskan atau tidak. Samada kelulusan di situ, banyak atau pun lebih kurang sama tak banyak seperti Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Saya tiada maklumat tersebut YB. Bukit Tengah. Tetapi saya boleh semak. Tapi, saya percayalah mungkin ia adalah tidak sama ataupun tidak sekurang Negeri Pulau Pinang tetapi sekiranya pun sekurang Negeri Pulau Pinang, ini menunjukkan kekejaman Kerajaan Pusat bukan sahaja kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang tetapi kepada semua Kerajaan Negeri di Malaysia.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

YB. Datok Keramat, saya tertarik dengan Tabung Maksimum 80% tersebut. Sejauh manakah tabung ini dilaksanakan atau belum? sebab ada cadangan juga daripada pihak ADUN di mana sementara kita menunggu TP1M, bolehkah Tabung Maksimum 80% itu dilaksanakan dan tambah dengan peruntukan daripada ADUN yang 20% khasnya dari segi seperti contoh penyelenggaraan *lift* yang kemungkinan hanya merangkumi RM30 ribu untuk membuat satu *lift*. Maka, sekiranya Kerajaan gunakan tabung ini, *lift* tersebut dapat dibuat dan dipercepatkan dengan menggunakan peruntukan ADUN untuk menampung 20% tersebut. Saya nak dengar pandangan atau respon Yang Berhormat Datok Keramat.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih kepada YB. Machang Bubuk. *Thank you for the questions.* Dato' Speaker, sedikit berkenaan sejarah Tabung Maksimum 80/20 ini, sebelum ia dikenali atau dijenamakan semula sebagai Tabung Maksimum 80/20, ia adalah merupakan Tabung 80/20 sahaja. Di mana pada dahulu, kerja-kerja kritikal boleh diguna atau kita boleh pilih tabung ini untuk kerja-kerja kritikal sahaja iaitu tangki air, *lift*, pendawaian sebegitu. Macam cat semua tak campur kerana itu dikatakan kosmetik sahaja, bukan kritikal. So, apa yang berlaku, *in fact I'm very happy Dato' Speaker to be here today and to announce*, umumkan seakibat, kalau tidak silap, dua Dewan dahulu, ada cadangan, *end of last year, November, one year now*.

Di Dewan ini, cadangan dibuat oleh YB. Sungai Pinang, cadangan disokong oleh YB. Jawi, YB. Jawi tak ada di sini hari ini. Tapi cadangan tersebut adalah berkenaan penambahbaikan Tabung 80/20 kerana nombor satu, adalah cuma boleh digunakan untuk kerja kritikal tiga tersebut walhal mungkin ada kerja kritikal lain yang perlu dipertimbangkan. Itu satu cadangan untuk memperluaskan skop penggunaan tabung tersebut. Nombor dua, juga untuk lihat samada kita boleh guna pakai tabung ini kepada bukan sahaja unit-unit perumahan, RMMA, ataupun terdahulunya dikira kos rendah dan kos sederhana rendah. 80/20 kalau rumah kita tu lebih daripada RM72,500.00 pada waktu pembelian iaitu kos sederhana rendah, tak layak. Walhal ada banyak taman perumahan di mana apabila tarikh pembeliannya di beli pada RM85 ribu atau pun RM100 ribu. Perbezaan adalah tak begitu banyak dengan apa yang dibenarkan. Jadi ada banyak persoalan di luar mengapa mereka dibenarkan, saya tidak. *If you go by standard operating procedure, if you are RM80 thousand, tak lepas, because you have to be a kos sederhana rendah.* *That was something* yang kita lihat tak begitu adil juga. Jadi kita pertambahkan, perluaskan kelayakan perumahan terhadap kepenggunaan tabung ini kepada maksimum RM150,000 sekarang. Ada dua kategori, RM100,000 dan RM150,000. Berapa peratus boleh diberikan kepada dua kategori? Kita perluaskan. Itulah keprihatinan Kerajaan Negeri. Kita nak bantu lebih ramai. *We are opening it up but of course, maximum now is RM150,000.*

Untuk makluman YB. Dato' Speaker, tabung ini telah pun dijenamakan semula dalam bulan Februari atau Mac tahun ini dan prosedurnya pun telah diperkenalkan. Bagaimana hendak *apply* dan sebagainya. Kita telah pun bersidang beberapa kali, dan saya berani katalah disini, bahawa banyak yang telah pun diluluskan walaupun ada yang tak diluluskan kerana syarat-syarat tidak dipatuhi dengan sepenuhnya tetapi kita lihat bagaimana kita boleh perhalusi untuk menjadikan lebih efektif prosedur permohonan di bawah tabung ini. Kerana memang betul Machang Bubuk kata, ada projek *lift* di mana di Taman Bidara sudah *apply*. Saya ingat macam Bidara macam *sounds familiar*. Memang kita ada pertimbangkan, kalau tidak *I will look into it but one thing I just want to point out here*, apabila kita lihat

kepada 80/20, *I will always say this, at the end of the day*, tadi saya mulakan, apabila saya buat jawapan ini, walaupun panjang lebar *I just want to repeat Dato' Speaker because I said this at the beginning. The mindset* mesti berubah. Apabila kita ada caj penyelenggaraan, ia adalah bukan untuk membolehkan mana-mana pihak seperti badan pengurusan dan sebagainya mengaut keuntungan. *Please understand that.* Bukan, ia adalah untuk membolehkan mereka menyelenggarakan rumah kita, istana kita. Tukarlah, ubahlah *mindset* tersebut. Kalau perlu bayar RM100 atau berapa tiap-tiap bulan, bayar. Kerana ini akan diguna balik untuk menyelenggara projek perumahan kita. Jangan la kita tak bayar sampai projek perumahan kita menjadi dalam satu keadaan yang begitu buruk tak dapat dihuni, tak dapat dinikmati perumahan tersebut. *We have to change our mindset. That's why YB. Machang Bubuk kata "saya sedia sebagai ADUN untuk bayar 20%". I think maybe you want to reconsider, because if we are going to say that*, saya sedia untuk bayar 20% kepada semua penghuni di luar sana, ia adalah menunjukkan bahawa kita akan toleransi keingkaran mereka membayar caj penyelenggaraan tersebut. Adakah itu apa yang kita mahu. *I don't think so.* Kalau saya boleh bagi 80% *is more than enough already. You are ADUN of Kerajaan. The Kerajaan already give it 80%, why must you also pay the 20% at the very least* itu perlu la ada dalam tabung penyelenggaraan taman perumahan kita tersebut. *I think we must change the mindset. That's what I want to say but of course in certain circumstances, mindset is change. That is why we have TP1M, Tabung Maksimum 80%. One day hopefully when everything is ideal, cukup baik, mungkin kita mansuhkan tabung ini. But that day, has yet to come.* So sampai hari itu tiba, yes, Kerajaan Negeri memang ada tabung-tabung ini dimana kita sedia membantu golongan yang berpendapatan rendah di dalam usaha mereka menyelenggarakan projek-projek perumahan mereka, bukan seperti Kerajaan Barisan Nasional yang sehingga kini gagal meluluskan permohonan-permohonan di bawah Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia. Sekian YB. Dato' Speaker.

**YB. Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila YB. Sungai Dua.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Soalan saya soalan 23.

- No. 23. (a) Senaraikan program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membantu pertubuhan belia yang berdaftar di Negeri Pulau Pinang.
- (b) Berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada pertubuhan belia di Pulau Pinang?
- (c) Kemanakah halatuju Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam membangunkan belia dari segi pendidikan, ekonomi, kemasyarakatan, kepimpinan dan keagamaan?

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Terima Kasih Dato' Speaker juga YB. Sungai Dua. Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai program sebagai usaha untuk membantu pertubuhan belia yang berdaftar di Negeri Pulau Pinang melalui Penang Youth Development Corporation (PYDC). Sepanjang tahun 2015 dan 2016, sebanyak 17 program telah dilaksanakan bersama dengan beberapa pertubuhan belia di Pulau Pinang. Jadi, senarai itu akan dibagi melalui bertulis tapi di sini contohnya ialah *Hop A Bus Campaign: Smart Photography Contest* dan Program *Flicks Fiesta 2016* anjuran bersama KDU University College (PG) Sdn. Bhd. Juga program *Genxyoung Fiesta 2.0* anjuran bersama *Lions Club of Penang*, Program *17<sup>th</sup> Literary Competition For All Tamil School* anjuran bersama Indian Association of Penang, Program *USM Fit for Life* anjuran bersama Sekretariat Sukarelawan India USM, yang lain nanti dalam bertulis. Memandangkan Dasar Belia Malaysia akan dilaksanakan mulai 2018 bagi menggantikan Dasar Pembangunan Belia Negara 1997, Negeri Pulau Pinang berhasrat mengadakan dasar dan polisi yang sesuai kepada golongan belia dalam negeri supaya merangkumi semua sektor termasuk pendidikan, ekonomi, kemasyarakatan, kepimpinan dan keagamaan. Oleh itu, Pelan Tindakan Pembangunan Belia Pulau Pinang merupakan satu inisiatif yang akan menumpukan kepada keperluan dan usaha untuk membangun dan memperkasa kepentingan dan peranan belia dalam masyarakat.

Kerajaan Negeri sentiasa memberi perhatian kepada belia dalam pelbagai aspek. Contohnya, dalam bidang pendidikan, Kerajaan telah melaksanakan pembangunan latihan kemahiran dengan sokongan dan kerjasama Penang Development Corporation (PDC), Penang Skills and Development Centre (PSDC), Universiti Sains Malaysia dan institut-institut pengajian tinggi awam dan swasta yang lain untuk meningkatkan tahap pembangunan sumber manusia berteraskan latihan kemahiran. Dalam bidang ekonomi, Kerajaan Negeri telah menyediakan bantuan melalui program seperti Tabung Usahawan Tani Muda dan Program Titian Saksama Rakyat ataupun PTSR. Dalam bidang kemasyarakatan pula, pelbagai program di bawah Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan telah dilaksanakan termasuk menyediakan kemudahan sukan dan rekreasi yang boleh diguna oleh semua peringkat umur khasnya golongan belia. Kerajaan Negeri turut menganjurkan program-program kepimpinan seperti Program Sidang Muda Negeri Pulau Pinang. Sekian, terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Soalan tambahan. Pertubuhan Belia adalah merupakan *platform* untuk membina sifat kepimpinan dan melahirkan pelapis pemimpin. Banyak pemimpin lahir daripada pertubuhan belia. Jadi kita harap soal pembangunan belia tidak dipolitikkan kerana ini merupakan perkara yang penting untuk membangunkan pelapis kepimpinan. Malangnya apa yang saya lihat Kerajaan Negeri di MMK Belia mengambil langkah menjauhkan diri, meminggirkan pertubuhan belia yang telah sedia ada organisasinya dan banyak program, aktiviti boleh dilaksanakan melalui pertubuhan belia yang terdiri daripada pelbagai kaum Melayu, Cina dan India dan sebagainya dan Kerajaan Negeri lebih memfokuskan kepada PYDC dalam mendekati golongan belia. Soalan saya, adakah pelaksanaan program-program yang disusun melalui PYDC mampu mendekati akar umbi dan memberi kesan kepada belia-belia di peringkat bawahan, di peringkat akar umbi. Kedua, adakah kemungkinan pertubuhan belia dilibatkan dalam mesyuarat atau perbincangan di peringkat PYDC dan ketiga, peruntukan yang diberikan adakah ianya mencukupi untuk membangunkan belia dan pertubuhan belia yang begitu banyak di Negeri Pulau Pinang ini. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Terima kasih Ahli Yang Berhormat Sungai Dua yang selalunya prihatin tentang soalan belia. Negeri Pulau Pinang, dia tidak sama dengan negeri-negeri yang lain. Negeri-negeri yang lain, dia Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri dia adalah sama-sama Barisan Nasional. Jadi di negeri-negeri Barisan Nasional, jadi dia melalui kementerian dan dia menjalankan program-program di negeri tersebut tetapi kementerian, saya rasa kementerian sekarang, dia kurang melakukan program di Pulau Pinang. Jadi Pulau Pinang memerlukan satu agensi sendiri. Itulah sebabnya kita menubuhkan PYDC dan PYDC dia mula beroperasi tahun 2013. Dia ada banyak program. Selain daripada membantu pertubuhan-pertubuhan belia, dia ada program sendiri umpamanya STEM, pelajaran Sains, Matematik, English dan Teknologi. Dia itu dilaksanakan oleh PYDC. Sains Cafe, dia juga melalui PYDC. Jadi untuk sampaikan kepada akar umbi, kita ada melalui pusat-pusat khidmat ADUN-ADUN kerana ramai ADUN-ADUN juga mengadakan program belia dan tidak dilaporkan di sini. Saya rasa pihak sana pun ada melakukan, melaksanakan program belia kan? Jadi ini cara kita sampai ke akar umbi dan juga melalui JKJKK. Di bawah JKJKK juga ada satu sub komuniti ataupun biro belia dan sukan. Jadi melalui sana juga kita melaksanakan program-program ya. Jadi kita tidak semata-mata hanya bergantung kepada PYDC tetapi melalui beberapa *channel* dan mengenai sama ada belia-belia menghadiri mesyuarat, kita ada PYDC telah mengadakan atau menganjurkan dialog dengan pemimpin-pemimpin belia. Ia mewakili NGO-NGO dan kita akan meneruskan mengadakan dialog dengan semua jenis belia tidak kira bangsa, latar belakang mereka sama ada mereka Melayu, Cina atau India atau yang lain-lain. Jadi hasrat kita, memang kita juga faham bahawa belia adalah masa depan kita dan kita mahu memupuk satu kualiti kepimpinan belia yang berdikari, yang sanggup berkorban untuk masyarakat dan kita mahu belia memupuk satu nilai bahawa *don't ask what country can do for you but ask what you can do for the country, thank you*.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Soalan tambahan.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila YB. Bukit Tengah. Tiga (3) soalan tambahan telah pun ditanya oleh YB. Sungai Dua sekali. Peraturan mesyuarat.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):**

Soalan saya soalan nombor 24.

- No. 24. Memandangkan keadaan lalulintas di Jalan Juru (P176), di antara simpang Jalan Persekutuan dan simpang Ladang Juru semakin sesak terutamanya pada waktu pergi bekerja dan lepas bekerja, adakah pihak Kerajaan Negeri merancang untuk menaiktaraf jalan tersebut dalam masa terdekat? Sekiranya ya, bila akan dilaksanakan? Sekiranya tidak, apa alasannya?

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

YB. Dato' Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Kawasan Bukit Tengah. Melalui Rancangan Pembangunan Negeri Pulau Pinang 2016 hingga 2020, Kerajaan Negeri sememangnya telah mempunyai perancangan untuk menaik taraf Jalan Juru (P176), di antara simpan Jalan Persekutuan dan simpan Ladang Juru. Kerja ukur dan kerja penyiasatan tapak atau *soil investigation* bagi projek ini disasarkan bermula pada tahun 2017. Hasil dapatan dari kerja-kerja ukur dan kerja penyiasatan tapak akan membolehkan JKR menentukan keperluan perancangan termasuk penyediaan pelan pengambilan tanah, rekabentuk dan sekiranya kewangan negeri mengizinkan maka projek ini bolehlah dilaksanakan. Sekian sahaja.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):**

Soalan tambahan. Memandangkan kerja ukur dan juga penyiasatan *soil*, (dengan izin) akan dijalankan pada tahun depan, bolehkah saya tahu berapakah kos untuk kerja-kerja tersebut.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

YB. Dato' Yang di-Pertua, kerana projek ini masih dalam peringkat perancangan maka skop kerja iaitu menggaji *License Surveyor* dan juga *License Geo-technic* untuk menjalankan siasatan ini maka terlalu awal bagi kita menganggarkan jumlah kos yang diperlukan. Sekian.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seterusnya silakan Penaga.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd. Zain Bin Ahmad):**

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Soalan saya, soalan nombor 25. Terima kasih.

- No. 25. Banjir kilat sering berlaku di banyak tempat dalam Negeri Pulau Pinang dan tiada penyelesaian sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri.
- Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini?
  - Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memanfaatkan lebih air hujan untuk kegunaan pada musim kemarau.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih YB. Penaga atas soalan berhubung dengan banjir kilat. Saya percaya sudah pun dijawab secara menyeluruh semalam dan seterusnya berhubung dengan bahagian (b), Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memanfaatkan lebih air hujan untuk kegunaan pada musim kemarau?

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Insentif Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan Pulau Pinang atau SPAH yang bertujuan untuk mengurangkan kebergantungan pada air yang dirawat untuk tujuan bukan untuk minuman dan menggalakkan amalan air yang sihat di kalangan rakyat Pulau Pinang. *Penang Rain Harvesting Incentive* merupakan insentif yang diberi kepada pemilik bangunan komersial dan perumahan yang memasang sistem penuaian air hujan. Ini adalah selaras dengan inisiatif Kerajaan Malaysia untuk menggalakkan pelaksanaan sistem penuaian air hujan melalui pindaan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam Tahun 1984 atau UBBL.

Selain daripada bangunan komersial, MPSP juga telah memasang sistem ini di beberapa kawasan termasuk Pejabat Cawangan MPSP di Bukit Mertajam, Jalan Betik, Bukit Mertajam, SPT, Mahkamah Munisipal dan Medan Selera di Jalan Bagan Luar, Butterworth, Dewan Serbaguna dan Pasar Awam, Taman Kota Permai, Bukit Mertajam. Tambahan pula, JPS juga telah melantik perunding pada 1 September 2016 untuk menjalankan kajian *National Water Balance Study* di lembangan Sungai Muda bagi mengatasi masalah kekangan air pada musim kemarau. Dan pada tahun ini pun kita menghadapi satu keadaan yang amat genting dalam musim kemarau memandangkan air di Ulu Muda tidak dapat dilepaskan dalam kuantiti sehingga pertanian pun tidak dapat menggunakan air dari Sungai Muda bagi tujuan pertanian. Sepertimana diumumkan dalam bajet tambahan, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah umumkan satu langkah di mana RM50 juta diperuntukan untuk memasang satu paip untuk mengalirkan air yang mungkin berlebihan dalam musim hujan dari Empangan Air Itam ke Telok Bahang. Ini satu langkah untuk memastikan air hujan berlebihan itu dapat disalurkan ke takungan misalnya di Telok Bahang yang mempunyai kapasiti yang lebih besar bagi membolehkan air-air hujan ini tidak menjadi air bah pula, air banjir pula tetapi menjadi air yang boleh disimpan dalam empangan. Lebihan hujan di Pulau disimpan dalam Empangan Air Itam dan Telok Bahang semasa musim hujan supaya kapasiti takungan dapat dimaksimakan dan di Air Itam hari ini telah capai tahap yang maksima dan jika perlu mungkin, kalau ada paip yang dipasang itu, dapat disalurkan ke Telok Bahang. Takung ini boleh membekal air sepanjang musim kemarau yang selalunya berlaku pada bulan Januari sehingga bulan Mac. Strategi ini dilaksanakan pada tiap-tiap tahun. Ini telah terbukti berjaya.

YB. Dato' Yang di-Pertua, kerana Pulau Pinang adalah negeri yang tidak melaksanakan catuan air semasa musim kemarau seperti negeri-negeri yang lain. Jadi strategi ini amat berkesan dan kita ucapkan terima kasih kepada PBA atas pengurusan ini. Tambahan pula untuk makluman YB. Penaga, *Mengkuang Dam* sedang dinaiktarafkan dan dijangka siap untuk diguna pada Julai 2019. Bukan *jogging track* sahaja tetapi yang lebih penting, fungsi untuk takungan yang lebih dan setelah pembesaran Empangan Mengkuang ini siap ianya akan dapat menambah takungan daripada 22 juta meter persegi kepada 73.5 juta meter persegi iaitu tiga kali ganda. Ini boleh memastikan bekalan air yang mencukupi bagi Negeri Pulau Pinang pada masa hadapan. Maaf YB. Bagan Jermal, saya sudah ceroboh bidang kuasa Yang Berhormat sebab ini berkaitan dengan air yang lebihan. Itupun kita perlu uruskan. Kalau uruskan dengan baik mungkin air banjir itupun dapat dikawal melalui empangan-empangan ini. Sekian.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd. Zain Bin Ahmad):**

Soalan tambahan.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd. Zain Bin Ahmad):**

Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua dan terima kasih pada Padang Kota di atas jawapan yang diberi. Sebenarnya saya tanya soalan ini berhubung juga dengan apa yang berlaku pada awal tahun ini iaitu *Super El Nino* yang menyebabkan banyak kawasan ataupun sawah-sawah di kawasan Seberang Perai Utara khususnya tidak mendapat bekalan air. Jadi dalam jawapan yang diberi tadi, ada kajian telah dimulakan pada 1 September 2016 oleh JPS oleh JPS mengenai bagaimana untuk mengatasi masalah itu, persoalan saya yang pertama bilakah kajian itu akan siap dan yang lebih penting soalan kedua ialah apakah tindakan awal langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa petani-petani tidak akan mengalami masalah yang telah berlaku pada tahun ini disebabkan *Super El Nino* yang berlaku di kawasan Seberang Perai Utara. Sekian.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Terima kasih YB. Penaga, sementara kita menunggu National Water Balance studies di Empangan Sungai Muda siap dan saya pun tak ada maklumat bila ianya akan siap cuma sekadar perunding itu telah dilantik pada 1hb September ini. Sementara itu peranan PBA amat penting sebab PBA menggunakan sumber dari Sungai Muda itu sebagai *intake point* untuk mengalirkan air dari Sungai Muda ke *treatment plant* Sungai Dua dan juga menyalurkan air ke Mengkuang Dam, nampaknya perancangan untuk memperluaskan Mengkuang Dam adalah untuk tujuan menghadapi apa-apa kemungkinan *Super El Nino* sebab kapasiti itu sudah ditambah tiga kali ganda jadi pada musim-musim hujan air itu dapat disalurkan dan disimpan di Mengkuang Dam dan bila musim kemarau datang air dari Mengkuang Dam itu dapat dilepaskan untuk rawatan dan disalurkan ke seluruh negeri Pulau Pinang, Seberang Perai dan Pulau juga. Jadi antara langkah-langkah yang diambil oleh PBA adalah membawa isu ini ke peringkat nasional kerana pengurusan air ini satu perkara yang perlu ditangani di peringkat kebangsaan khususnya melibatkan dua atau lebih negeri yang mengkongsikan sumber air itu. Beberapa cadangan dan rundingan PBA dengan JPS dengan Pihak Berkuasa Negeri Kedah sedang diadakan dan selalu diadakan supaya datangnya kemarau yang akan datang dan PBA pun meramal pada tahun akan datang keadaan kemungkinan akan menjadi lebih rumit lagi jadi kita walaupun baru-baru ini hujan menyebabkan banjir kilat tetapi pada masa yang sama PBA selalu merasa lega sikit sebab empangan kita di Air Itam di Telok Bahang sudah capai tahap yang tinggi untuk membolehkan pertandingan perahu diadakan pun tetapi pentingnya kapasiti yang kita simpan di Air Itam yang lebih kecil kita tahu dan di Telok Bahang dan *ultimately* Mengkuang adalah *the life saver of Penang*, kalau ketiga-tiga empangan itu berfungsi di atas satu rejim pengurusan yang baik untuk *strike a balance between the three dams and all the rustle wall* maka kita dapat memastikan tak ada catuan air di Negeri Pulau Pinang kerana pengurusan yang dapat menangani cabaran-cabaran ini.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Soalan tambahan.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Penanti.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Saya *just* soalan sebab saya dah cari-cari semua soalan tentang PBA tiba-tiba kepada soalan tambahan saya saya *just* nak mintalah disebut tentang kemarau dan *so on* saya nak minta kalau PBA boleh mencari jalan jika tarif peniagaan khas iaitu tarif tiga itu tidak dikenakan di rumah-rumah Kampung / *know it not related* tapi macam ini sebab saya tak boleh jumpa dengan soalan berkenaan boleh tak tanya soalan ini, saya nak mohon jika sebab kalau orang-orang kampung tidak mampu untuk membayar yuran sebab sekarang ini saya nak mohon kalau PBA boleh mencari kewangan atau menggunakan kewangan untuk menggalakkan setiap rumah mengadakan satu rumah satu meter tapi *problemnya* untuk satu rumah satu meter tu harganya RM2000 dan sekarang ini untuk rumah kampung yang terpaksa berkongsi terpaksa membayar cas perniagaan iaitu tarif tiga dan sekarang ini banyak rumah kampung dia punya bil PBA sampai mencecah RM400 dan RM500 sebulan saya itu soalan saya jika di kawasan kampung yang mana rata-rata ramai orang miskin saya harapkan supaya tidak ada rumah-rumah yang tidak ada air saya mengharapkan supaya tarif perniagaan itu dikecualikan.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Penanti, soalan pokok tidak mengenai masalah yang ditimbulkan tetapi saya telah memberi peluang disampaikan di dalam Dewan EXCO nanti bila pengulungan sudah. Dipersilakan Pulau Tikus.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, soalan saya nombor 26.

- No. 26. Maklumat mengenai bilangan unit-unit rumah yang kosong di setiap KADUN adalah berguna untuk perancangan perumahan dan perancangan bandar. Unit-unit ini mungkin tidak didiami atau belum dijuak. Apakah pihak Kerajaan mempunyai data ini? Jika ya, apakah kekosongan buat masa kini? Jika tidak, apakah pendapat Kerajaan dalam hal ini.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih YB. Pulau Tikus. YB. Dato' Speaker soalan adalah berkenaan unit-unit rumah yang kosong di setiap KADUN dan apakah rancangan untuk unit-unit tersebut. Dato' Speaker Kerajaan Negeri tidak mempunyai maklumat berkenaan bilangan rumah-rumah kosong di setiap KADUN Pulau Pinang. Namun begitu, pemantauan dan semakan ke atas rekod 15,041 unit kediaman termasuk rumah sewa dan Projek Perumahan di bawah seliaan Kerajaan Negeri sebanyak 788 unit adalah kosong adalah iaitu 5.24% telah dapat kita kesan. Kebanyakan kekosongan ini adalah disebabkan urusan pusaka yang tidak diselesaikan ataupun pemilik ataupun penyewa asal yang berpindah tanpa memaklumkan Pejabat Rancangan Perumahan yang berkenaan.

Dato' Speaker, Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa meneruskan usaha untuk berhubung dan menasihatkan pihak waris kepada pemilik atau penyewa supaya menyelesaikan segera masalah mereka. Antara kesan daripada penangguhan urusan ini termasuk kerugian hasil kepada Kerajaan Negeri dan hartanah yang terlibat tidak dapat dijual atau dimanfaatkan oleh waris. Penangguhan ini turut memberi kesan yang sama kepada unit-unit rumah kosong yang dimiliki oleh individu ataupun pihak swasta. Sekian.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Soalan tambahan, YB. Datok Keramat tahukah anda di misalnya di kawasan perumahan yang di atas tanah tambakan laut di sebelah Tanjung Bunga ada maklumbalas-maklumbalas daripada penduduk-penduduk di mana walaupun rumah di situ telah lama didirikan tapi kebanyakannya rumah tidak didiami maka apabila mereka balik rumah pada waktu malam kadang kala amat menakutkan kerana perasaan kosong, tak ada orang so mungkin satu jalan satu dua rumah sahaja didiami. Ini adalah satu situasi yang sangat penting kerana bukan sahaja dari segi masalah keselamatan rakyat tetapi juga dari segi perancangan bandar, kemampanan sektor perkhidmatan termasuk *retails*, kedai-kedai dan sebagainya dipengaruhi sama ada perumahan yang dirancang dan diluluskan itu adalah berpatutan dengan *demand* untuk didiami jadi apakah usaha oleh pihak Kerajaan untuk mungkin untuk mendalamai atau lebih memahami permintaan perumahan yang sedia ada pemintaan perumahan untuk didiami dan taburan permintaan tersebut agar kita boleh mengelakkan situasi ini memandangkan juga perumahan-perumahan yang akan dibuka di The Light, di Batu Kawan dan mungkin di SRS dan sebagainya. Jadi ini sememangnya adalah satu usaha yang sangat penting dan adakah sudah dimulakan oleh pihak Kerajaan? Terima kasih.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih YB. Pulau Tikus, berkenaan isu keselamatan akibat unit-unit perumahan dibiarkan kosong ini adalah isu yang mungkin di luar kawalan kita kerana mereka yang membeli rumah itu mempunyai pilihan sama ada mereka nak mendudukinya atau tidak. Ada banyak yang membeli sebagai satu pelaburan dan mereka tidak duduk di situ sementara menunggu ia dapat disewa atau dijual semula tetapi saya ingat isu penting yang dibangkitkan oleh Pulau Tikus adalah apakah kita ada membuat satu analisa berkenaan dengan keperluan unit-unit perumahan dan perancangan dibuat mengambil kira keperluan tersebut jawapannya ialah positif ya memang itu adalah satu perkara yang kita ada di dalam minda kita *is in the forefront of mind when we plan for your information* Dato' Speaker di peringkat ini di Negeri Pulau Pinang kita ada 1.66 juta penduduk di kedua-dua bahagian Pulau dan Seberang dan kita ada beberapa anggaran *population growth* antara lain daripada Jabatan Statistik Malaysia dan ada beberapa agensi lain seperti Penang Institute dan sebagainya di mana dinyatakan pada 2020 anggaran adalah dalam 1.73 juta hingga 1.75 juta dan by 2030 *conservatively* anggaran boleh di dalam lingkungan 2 juta tetapi ada juga beberapa pihak yang kata yang mungkin lebih mengambil kira migrasi dan

penghijrahan selain daripada *population growth* di Negeri Pulau Pinang sehingga 2.2 juta atau 2.3 juta pun apabila kita sampai pada 2030.

Mengambil kira ini kita lihat kepada anggaran dan juga apa yang dinyatakan jumlah penghuni dalam seunit rumah dikatakan sekarang dahulu dalam lima yang telah turun kepada 4.5 dan sekarang 3.98 bilangan penghuni dalam seunit rumah, so mengambil kira lebih kurang 4 *in one..(gangguan)* seunit rumah tersebut maka kita lihat pada *population growth* apa yang kita lihat dalam 2030 *atleast another 200,000 another 50,000* lebih kurang 50,000 unit perumahan adalah diperlukan itu adalah *estimate , conservatively estimate require us to have another 50,000 at the planning stage from now to cope with population growth...(dengan izin) Dato' Speaker* dan untuk ini saya cuma nak nyatakan pada Dewan ini bahawasanya sekarang di peringkat Kerajaan Negeri melalui PDC kita sudah pun ada dalam rancangan 14 projek di kelima-lima daerah di Negeri Pulau Pinang yang akan dilihat kepada bekalan 26,250 unit pelbagai jenis rumah Mampu Milik dan juga dari pihak swasta kita ada diperingkat ini 11,550 unit yang telah dimasukkan permohonan untuk dirancang di peringkat PBT yang membawa lebih kurang 37 *just under 38000* unit kita lihat bahawa dengan adanya projek-projek lain *including* dari Pusat PRIMA dan sebagainya mungkin kita tiada masalah untuk mencapai sasaran *at least 50* unit perumahan tersebut dan ini Dato' Speaker, bukan sahaja berkenaan rumah mampu milik. Selain daripada rumah mampu milik juga, ada dari pihak swasta rumah adalah boleh dijual pada pasaran terbuka dan oleh demikian kita berpendapat memang ada bekalan yang mencukupi.

Tetapi seperti mana dinyatakan Y.A.B. Ketua Menteri semalam cabaran terutama terhadap pemilikan perumahan terutamanya perumahan pertama adalah kadar penolakan pinjaman oleh pihak bank yang begitu tinggi dan ini saya begitu gembiralah semalam apabila YB. Telok Ayer Tawar bersetuju untuk bersama-sama buat satu usul kepada Kerajaan Pusat supaya dapat ditangani bersama-sama cabaran ini. Tetapi, memang saya ambil perhatian apa YB. Pulau Tikus kata kerana ini memang satu perkara yang memang senantiasa di dalam apa-apa rancangan pun di peringkat JPPD ini memang diambil kira. Sekian, terima kasih.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Soalan tambahan....(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Machang Bubuk.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih YB. Datok Keramat, Dato' Speaker. Soalan tambahan saya setujukah YB. Datok Keramat bahawa adalah *over supply* untuk rumah-rumah mewah ini yang menyebabkan *over supply* bukan tidak dapat dijual tetapi disebabkan pelaburan atau lebih pelaburan untuk spekulasi yang menyebabkan rumah-rumah mewah ini hanya dipegang oleh orang yang berkemampuan untuk memiliki rumah tersebut. Dan mereka tidak tinggal di sana dan adakah kerajaan boleh lebih proaktif lagi dengan memperkenalkan cukai ke atas unit pengosongan ini yang khasnya kepada rumah-rumah yang mewah, rumah-rumah banglo, bukan banglo dan kondominium yang mewah ini yang mereka pembeli-pembeli beli untuk dijual dan tidak tinggal. Saya rasa ini adalah salah satu masalah yang kita tengok fenomena hari ini. Apa pandangan YB. Datok Keramat terhadap perkara ini.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Saya selalu kata begini, ini adalah satu pasaran terbuka (*open market*), ekonomi terbuka apabila ada permintaan, maka secara kebetulan harga perumahan akan naik, dan saya selalu juga kata permintaan ini akan berlaku apabila negeri atau pun negara itu adalah satu negeri atau negara adalah begitu menarik. Dan apabila Pakatan Harapan mengambil alih pada 2008, apabila kita mengamalkan pentadbiran yang berdasarkan 'Cekap, Akauntabiliti dan Telus', apabila kita ada cogan kata '*Cleaner, Greener, Healthier, Safer*' dan di kawasan Seberang sekarang Dato' Maimunah kata '*Happier*' juga.

Penang, ini menjadikan Pulau Pinang begitu menarik. Semua hendak sebahagian kek Negeri Pulau Pinang, *every body want a slice of Penang*. Dan apabila itu berlaku, mereka juga hendak membeli rumah. Apabila mereka hendak beli rumah, oleh itu pemaju-pemaju boleh terus bina rumah-rumah yang mewah kerana ada permintaan. Kalau tidak ada permintaan, tidak akan pemaju nak bina rumah tersebut.

*That is a normal economical perspective when it comes to building properties.* Saya selalu kata, mungkin kita adalah mangsa keadaan, *we are victim of our circumstances and that circumstance in Penang is our success.* But, saya selalu kata kita tidak boleh membenarkan diri kita menjadi mangsa kejayaan kita, *we can not allowed ourself to become the victim of our success.* While, kita tidak boleh halang pemaju daripada bina kerana ada permintaan *like I said* kalau tidak ada permintaan tidak akan dia bina. Walaupun kita tidak boleh menghalang mereka bina kerana ada permintaan yang baik dan sambutan yang begitu menggalakkan daripada pembeli-pembeli mahupun di Pulau Pinang atau pun dari luar, kerana mereka mempunyai hak untuk membeli harta tanah seperti mana termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan kita.

Kalau kita nak menghalang mereka dari membeli, mungkin kita mesti lihat daripada segi perundangan. Tapi yang penting saya kata, apabila kita tidak mahu memangsakan diri kita seakibat kejayaan kita, *'we do not want to be victim of our success'*.

Sebagai Kerajaan Negeri prihatin di dalam EXCO Perumahan, yang penting untuk saya adalah untuk menjaga kepentingan rakyat Pulau Pinang untuk mendapat 'Satu Rumah Satu Keluarga'. Dan dari segi itu, yang penting adalah untuk pastikan ada bekalan perumahan mampu milik pelbagai jenis daripada RM42,000.00 sehingga RM300,000.00 untuk dimiliki oleh pembeli pertama rumah di Negeri Pulau Pinang. (gangguan) Nanti saya belum habis.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Saya nak jelaskan soalan saya. Saya bukan kata nak menghalang orang membeli dan juga... (gangguan)

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

*You wanted to...(gangguan). Info cukai dan sebagainya.*

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Ya, info cukai ke atas pembeli.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

*I will come to that. I will come to that, let me explain first the background before I come to that. So, dari isu yang dibangkitkan I just want to come to that walaupun kita tidak boleh menghalang. Nombor satu saya kata kita tidak boleh dipermansakan benarkan kita jadi mangsa kejayaan kita, jadi Kerajaan Negeri memang prihatin perlu ada bekalan rumah yang mampu dimiliki. That's the first question.*

Kerana sekarang banyak yang mewah, yang kosong *will come to that in short while* tapi memang ini adalah misi dan visi Kerajaan Negeri Pulau Pinang *like I said* kita ada cadangan rancangan untuk membina sehingga 50,000 unit perumahan mampu milik pelbagai jenis yang sudah akan bermula secara fizikal akan disediakan pada akhir tahun ini oleh PDC di Bandar Cassia, *our first batch of Phase One of Bandar Cassia, this is definitely something we are going to do* dan apabila kita lihat kepada isu spekulasi saya kata, ada beberapa perkara yang menyebabkan harta tanah naik.

Satu, betapa menarik kerajaan tersebut dan Kerajaan Pulau Pinang memang satu kerajaan yang begitu menarik sekali dan oleh itu permintaan ada. Yang kedua, *very important* Machang Bubuk *pointed out is aktiviti spekulasi. It is a devil, the speculative activities is another thing that we have to compared.* Dan untuk itu kita juga telah memperkenalkan beberapa langkah untuk pastikan tiada aktiviti spekulasi untuk jenis perumahan RMMA atau pun kos rendah dan RMMB atau pun kos sederhana rendah, kita ada moratorium, di mana kalau saya beli pada hari ini untuk 10 tahun saya tidak boleh jual.

Untuk RMM lain jenis sehingga RM300,000.00, monotorium lima (5) tahun dari tarikh perlaksanaan perjanjian jual beli. Ini adalah untuk kespekulatif aktiviti selain daripada rumah mampu milik, *coming to your question*. Memang sudah ada kita perkenalkan cukai, *is one way of looking at it* tapi *it is* satu jenama.

Kita ada satu cara lagi yang kita telah perkenalkan untuk spekulatif aktiviti rumah bukan mampu milik *thats mean outside of RMM the KR, KSR and RMM the normal one with in three years of purchase* kalau kita jual unit perumahan tersebut, kita akan dianggap sebagai jual kerana aktiviti spekulatif. *If we sell a property outside of RMM range...(dengan izin) Dato' Speaker, with in three years principal purchase you are deem to be engaging speculative activity.*

Dan untuk aktiviti tersebut sekiranya transaksi itu berlaku dalam tempoh tiga (3) tahun daripada tarikh belian, kita telah pun perkenalkan satu *fee kelulusan* akan dikenakan terhadap penjual unit perumahan tersebut iaitu 2% di atas harga jualan. *That is one way that we have done. So, we are actually* sedang menangani isu ini tetapi berkenaan hendak *imposed* lagi cukai atau apa-apa cara kaedah lain untuk tanggani isu bagaimana ada banyak unit-unit yang kosong mungkin kita boleh buat satu kajian.

*I'm always open like I said nothing is a case in sold policy is always there to be review if necessary but you have to look at liability of it* dan juga kita perlu buat mungkin satu kajian tentang betapa banyak mana unit-unit rumah yang kosong dan sebagainya, dan mungkin juga ia berbeza dari satu daerah kepada daerah yang lain. Tapi, *of course* kalau ada pun banyak isu berkenaan aktiviti spekulasi ini yang perlu kita tanggani, kita boleh *revisit* apa yang telah pun kita putuskan sekarang iaitu pengenaan *fee kelulusan* sebanyak 2% terhadap unit-unit perumahan tersebut yang dijual dalam tempoh 3 tahun dari tarikh pembelian. Sekian.

#### **Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Soalan tambahan. Sejak permulaan penggal ini pada tahun 2013, sudah beberapa kali frasa *big data* telah pun digunakan di Dewan yang mulia ini. Memandangkan Kerajaan Negeri dan pihak ADUN-ADUN seolah-olah mementingkan dan mengambil berat dan minat tentang *big data* ini saya rasa ini mencerminkan bahawa kami mementingkan data, kami menghargai data. Jika kami tidak pentingkan data, tidak hargai data maka tidak perlulah kami membuat *big data*. *In this direction*, saya rasa data adalah amat penting dan data untuk kekosongan perumahan juga adalah penting. Dengan ini sebenarnya cadangan saya bercanggah dengan cadangan YB. Machang Bubuk. Saya ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri menawarkan subsidi atau pun subsidi cukai, mungkin cukai pintu yang lebih rendah bagi rumah yang tidak didiami. Dan subsidi ini haruslah terbuka kepada warga asing dan juga rakyat Malaysia, tetapi dalam permohonan subsidi ini mereka perlulah menyatakan mereka adalah warga asing atau pun rakyat Malaysia. Tujuan tawaran subsidi ini adalah untuk memberi kita peluang untuk merekodkan rumah mana yang kosong kerana jika denda mungkin orang tidak suka. Tetapi juga, jika insentif pandangan saya mungkin mereka akan melaporkan bahawa rumah mereka tidak didiami dan dengan itu kerajaan boleh memperolehi data tersebut. Dan walaupun dari segi *surface* kita nampak seolah-olah boleh merugikan kerajaan, tetapi pandangan saya bukan saja pada jangka masa panjang tetapi juga jangka masa dekat akan memanfaatkan kami kerana kami ada data kekosongan dan akan membantu kita dalam perancangan perumahan, perancangan bandar dan memaklumkan kita sebenarnya apakah status di Pulau Pinang ini tentang kekosongan rumah mewah *and* sama ada rumah mewah atau pun rumah mampu milik dan sebagainya. Tetapi itu cadangan, bukan soalan.

Soalan adalah berkaitan dengan data juga, berkaitan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta setiap tahun ada mengeluarkan laporan rumah-rumah yang tidak dijual yang pihak pemaju swasta masih belum dapat menjualkan rumah yang dibina itu lagi. Tetapi, apabila saya lihat laporan-laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta tersebut, saya rasa setiap negeri tidak melaporkan dengan tepat dan teliti.

#### **YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Okey soalan.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yeap Soo Huey):**

Okey. So, apakah status mungkin dialog antara kerajaan dengan persatuan seperti REDHA dalam memahami situasi sektor pembinaan ini berkaitan dengan kebolehan mereka menjual rumah di Pulau Pinang kerana rekod rasmi juga data tidak mencukupi tidak tepat *but I'm sure it impact the bottom line so*, apakah status perbincangan dan dialog? Apakah luaran mereka dan apakah usaha Kerajaan Negeri dalam hal ini. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih YB. Pulau Tikus. Berkennaan isu subsidi cukai cadangan yang dinyatakan tadi saya difahamkan sememangnya diwujudkan sebelum ini tetapi telah tidak diteruskan mungkin untuk unit-unit komersial. Tetapi kita akan ambil perhatian tentang cadangan tersebut dalam perbincangan kita apabila kita membuat kajian berkenaan data-data yang sedang dikumpul tersebut.

Yang kedua dan yang penting adalah berkenaan kebolehan pemaju-pemaju menjual *infact* apabila kita memperkenalkan langkah-langkah penyejukan pasaran harta tanah di Negeri Pulau Pinang seperti mana diumumkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri melalui Bajet 2013 yang lalu yang mana sekarang dalam tahun ketiga pelaksanaannya dan di mana kebiasaannya apabila langkah-langkah pelaksanaan ini diperkenalkan ia cuma dapat lihat hasil dalam dua (2) ke tiga (3) tahun pelaksanaannya seperti mana kita dapat lihat daripada bidang-bidang kuasa ataupun negara lain seperti Singapura dan Hong Kong di mana mereka juga telah mengalami kenaikan harga secara mendadak. Harta tanah di dalam tempoh lima (5) tahun kebelakangan ini terutamanya di Singapura, kita lihat langkah-langkah mereka telah berkesan, ada menunjuk hasil walaupun negara-negara seperti itu berbanding di Pulau Pinang. Kalau kita lihat harta tanah kita mahal kalau kita pergi ke Hong Kong atau Singapura, harta tanah mereka berkali ganda mahal berbanding dengan kita, tapi itu tak bermakna duduk dan tak buat apa saja. Oleh itu kita ada langkah-langkah penyejukan dan sebagainya. Apabila ia diperkenalkan, saya telah mencadangkan *private public partnership* kepada Y.A.B. Ketua Menteri yang bersetuju dimana kita keluarkan satu garis panduan 100% perumahan mampu milik untuk pihak swasta di mana kita beri insentif kepada mereka.

Saya selalu kata, pihak pemaju dalam mata mereka cuma ada angka ataupun huruf R dan M sahaja, Ringgit Malaysia satu saja mereka cari jadi kalau *margin* tak berapa baik mereka tak akan buat apa-apa projek, dan apabila diperkenalkan Garis Panduan tersebut pada bulan September 2014, sekarang sudah dua (2) tahun. Saya was-was tak pasti sama ada mana-mana pemaju akan datang dan buat kerana *margin* apabila kita kira cuma dalam 5, 6% dan kebiasaannya pemaju tak akan buat sekiranya *margin* tak mencelik 20%, tapi apa yang berlaku, *it was a perfect storm in that sense when we introduced the guideline, because the world economy took a beating, it took a dip*, bukan saja ekonomi dunia sekarang ada persoalan, *of course now with Donald Trump in the picture* menjadi persoalan *but it was a perfect storm that guideline probably came in the right time*. Kita selalu ada perbincangan dengan REHDA dan semua pihak-pihak berkepentingan lain seperti FIABCI ataupun Penang Chinese Chamber dan sebagainya. Kita selalu ada perbincangan ini bukan apabila ada isu yang berbangkit saja tetapi secara berkala untuk dibincang apa yang perlu dibuat dan *of course* apabila kita lihat kepada kekangan ekonomi sedunia dan juga Malaysia dan Negeri Pulau Pinang tidak bukan saja yang mempunyai kesan terhadap pemaju-pemaju di dalam dari segi kebolehan menjual unit-unit perumahan tersebut, tetapi mereka juga sedar bahawa apabila kita lihat ada isu tentang kekangan ekonomi, kebolehan membeli mempunyai kesan ataupun menjelas kebolehan menjual tetapi kalau kita lihat kekangan ekonomi, kebolehan masih ada kerana ada pihak-pihak yang perlukan rumah pertama tetapi kebolehan membeli itu cuma kebolehan membeli yang mampu dimiliki.

Oleh itu saya kata *it was a perfect storm* kita perkenalkan garis panduan tersebut. Banyak pemaju menggunakan garis panduan tersebut kerana dalam garis panduan tersebut kita pastikan harga perumahan yang boleh dijual itu mampu dimiliki, *there is a big waiting list of people who can buy affordable housing*.

*So that is why they come it and for information* YB. Pulau Tikus *I just want to point out one thing*. Apabila kita lihat pada langkah-langkah penyejukan dan salah satu daripadanya perkenalan garis panduan 100% mampu milik ini dan juga PDC dengan Kerajaan Negeri yang melaksanakan projek-projek mampu milik kita sendiri. Pada *quarter* satu (1) suku pertama tahun ini, saya nak laporkan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, *NAPIC* iaitu property statistik agensi telah melaporkan di Negeri Pulau Pinang

penjualan unit-unit perumahan *residential duelling, the thought was those bawah RM500,000, 79% of duelling solds in Penang in the 1<sup>st</sup> quarter in this year, that means its from earlier quarter, quarter to quarter was nearly 80%* dan menunjukkan memang ada *demand* untuk perumahan mampu milik dan ini menunjukkan pemaju-pemaju pun sekarang mereka minat untuk buat projek-projek perumahan mampu milik kerana ada pembeli *like I said if there is no pembeli, no pemaju will buy, you must understand* apabila kita melihat kepada rumah mewah, masih ada pembeli di luar di situ yang boleh Mampu membeli mereka unit unit tersebut dan oleh demikian kita lihat ada proje-projek mewah, kita mesti ada satu *balance there must try balance between insuring the provision of the quick affordable housing and also allowing normal price luxury condominium to be build because at the end of the day*, satu tarikan daripada negeri Pulau Pinang kepada orang asing juga adalah orang di luar Negeri Pulau Pinang adalah kualiti perumahan kita kerana kita ada banyak pemaju yang memajukan projek-projek mewah yang begitu tinggi kualitinya dan mereka telah dapat banyak anugerah dan sebagainya, ada banyak permintaan, masih ada demand untuk perumahan mampu milik, *but I agree and its important for us YB. Pulau Tikus to have data berkenaan demand. Adalah untuk apa tetapi yang sedikit saya dapat kongsi tadi adalah data yang saya dapati daripada NAPIC and of course now its November, I probably we will get the 2<sup>nd</sup> quarter very soon and hope to see trend tersebut berterusan iaitu permintaan adalah untuk perumahan mampu milik dan seru di sini di dalam Dewan Undangan Negeri ini kepada semua pemaju-pemaju, I am not a developer, I am not a businessman, but going by the numbers, it is better to deal in affordable because its a big numbers people waiting to buy an affordable housing out there.* Terima kasih Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Silakan, YB. Seri Delima.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Terima kasih Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya takut soalan no. 27 tak sampai.

- No. 27. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memantapkan dan meningkatkan ciri-ciri keselamatan di semua pejabat-pejabat Kerajaan Negeri termasuklah Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dengan memasang alat-alat pengesan letupan (bomb detector) seperti yang terdapat di lapangan-lapangan terbang kerana ancaman penganas yang makin berleluasa sekarang?

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sampai.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Soalan yang agak penting juga, Terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, menjawab persoalan No. 27 soalan YB. Seri Delima Kerajaan Negeri tidak bercadang memasang alat pengesan bom di semua pejabat dan bangunan kerajaan. Pada masa sekarang, tahap keselamatan pejabat dan bangunan kerajaan di pantau dan diselaraskan bersama oleh pihak jabatan-jabatan / agensi-agensi dengan pihak berkuasa keselamatan seperti Polis Diaraja Malaysia (PDRM). Sekiranya terdapat nasihat daripada pihak-pihak berkuasa keselamatan bagi menambah dan meningkatkan usaha keselamata, Kerajaan Negeri akan melaksanakannya demi keselamatan dan kepentingan awam.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Soalan tambahan. Saya ingin menunjukkan satu gambar juga dalam surat khabar *The Star, The people's paper* dan juga pada masa yang sama Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri menunjukkan

satu alat *mobile* pengesan bom yang digunakan petikannya “*visitor attending the hari raya open house at Sri Perdana in Putrajaya under going security checked*” Ketika itu rumah terbuka Perdana Menteri di mana pelawat-pelawat yang hadir di situ dikehendaki menjalani pemeriksaan keselamatan mengesahkan bom.

Soalan saya bukankah alat sebegini boleh di pasang umpamanya semasa di sidang Dewan Undangan Negeri, nombor 1. Keduanya di pejabat-pejabat kerajaan kerana sejak kebelakangan ini kita dikejutkan dengan macam-macam kejadian umpamanya di Bangsar di mana pada awal pihak polis mengatakan bahawa ia tidak melibatkan sebarang pengganas tetapi selepas penyiasatan dilakukan didapati kejadian di Puchong, terima kasih YB. Seberang Jaya memang melibatkan kumpulan-kumpulan pengganas. Jadi saya risau dengan keselamatan, maklumkan KOMTAR ini bangunan yang tinggi macam-macam perkara yang boleh berlaku dan kita juga dikejutkan dengan kenyataan-kenyataan Menteri Keselamatan Dalam Negeri bahawa di Malaysia sudah pun merebak aktiviti ISIS dan Daesh dan sebagainya. Ini adalah persoalan saya sama ada mungkinkah sudah sampai masanya Kerajaan Pulau Pinang mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa tahap keselamatan di Dewan Undangan Negeri semasa persidangan dan juga KOMTAR pintu masuk utama di mana pas pelawat diberikan, maklum ramai yang hanya menyerahkan IC dan mengambil pas pelawat membawa beg membawa handbag, macam-macam boleh dibuat, macam-macam boleh berlaku. Ini adalah perkara yang saya rasa Kerajaan Negeri wajib memberi perhatian. Saya rasa tak banyak juga pun kalau nak dibelanjakan Yang Berhormat Batu Maung cuba lihat alat tersebut, saya boleh tunjukkan nanti, boleh dipasang di pintu masuk di Tingkat 3, di KOMTAR bagi tujuan memantapkan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Ada ucapan ke? Itu ucapan, nanti kita buat boleh tak?

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ada, dia dah bagi dua (2) soalan dah.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Jadi.....apa pasal macam kera kena belacan?

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Yang Berhormat ini soalan ke ucapan?...(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Dia dah bagi dua (2) soalan, habiskan YB. Seri Delima ....(gangguan). YB. Teluk Bahang sudah.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Alat ini seperti ini boleh di beli dipasang dengan serta merta, terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Menjawab persoalan YB. Seri Delima, saya mintalah YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri kalau soalan sedang dinyatakan janganlah ada lain-lain Ahli-ahli Yang Berhormat...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Yang ini ucapan, ini ucapan...(gangguan) jawablah!..(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Cukup!..cukup!

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

YB. Teluk Bahang duduk!....(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Cukup!...cukup!..(gangguan). Ini awal pagi, cukup!

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Yang menganggu adalah YB. Teluk Bahang!!...(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ya.. ya..saya tau!..saya tau!...duduk!

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Macam kera kena belacan...(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Saya tau!, saya tau! yang lain duduk!..yang lain duduk!...yang lain duduk!...(gangguan). Teluk Bahang yang lain duduk. Balik ke Peraturan Mesyuarat tolong ya, yang seorang sedang berucap yang lain diam, ada peluang sampai, bila ada bahas nanti bahas yang jawab, jawab, (gangguan) yang sudah tanya, tanya..

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Ini adalah perkara yang melibatkan semua....(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sudah..sudah!.. biar EXCO yang jawab. Soalan sudah dituju EXCO jawab...(gangguan). Okey yang lain diam! Diam!...(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

YB. Seri Delima menjawab soalan tambahan, saya minta jangan ada lain yang mengacau jawapan saya ..(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Perangai buatlah macam manusia punya perangai, itu manusia kah tu? Jawablah?

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang lain jangan ganggu, yang lain jangan ganggu! (gangguan) yang nak tanya, tanya...(bising) sudah!..sudah!.. YB. Seri Delima sudah! YB. Teluk Bahang pun sudah...(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Apa berhubung dengan keselamatan, keselamatan kita mempunyai agensi-agensi yang mempunyai kepakaran dan juga mempunyai maklumat-maklumat yang boleh yang akan menasihati Kerajaan Negeri. Kita juga bertuah kerana Pulau Pinang kita masih lagi berterus mengadakan Majlis Keselamatan Negeri. Ini adalah satu perkara yang baik yang berlaku di Pulau Pinang sejak 2008, Majlis Keselamatan Negeri ini membincang keadaan-keadaan keselamatan dari semasa ke semasa dan saya menjawab persoalan YB. Seri Delima, kita akan meminta nasihat dan pihak keselamatan akan menasihati kita, perkara pertama, perkara yang kedua YB. Seri Delima kerana kalau kita melihat masalah keselamatan ini Kerajaan Negeri mempunyai *approach* yang mana kita lebih lagi berhasrat untuk mengwujudkan keadaan harmoni, keadaan muhibbah dan juga menggunakan agensi-agensinya untuk kita memberi penerangan tentang masalah-masalah yang ditimbulkan oleh YB. Seri Delima iaitu tentang keganasan, tentang kefahaman *Daesh* dan sebagainya so ini adalah *approach* kita dan untuk *hardware* yang dicadangkan oleh YB. Seri Delima itu kita akan meminta dan kita akan menunggu daripada pihak agensi keselamatan untuk memberi nasihat kepada Kerajaan Negeri, terima kasih.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Batu Uban.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Ya, soalan tambahan saya andaikan ada kejadian bencana apakah *emergency response plan* yang dibuat seperti di KOMTAR.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

YB. Batu Uban, pihak Kerajaan Negeri di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedia ada Jawatankuasa dan *Immediate Response Plan*, dengan izin atau pun bencana ini memang ada di peringkat Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri Pulau Pinang baru-baru ini telah mempertingkatkan lebih usaha, kita telah mewujudkan satu sistem iaitu *Penang Alert* seperti mana yang dicadangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dalam ucapan Yang Amat Berhormat. Itu adalah sebahagian daripada usaha kita untuk mempertingkatkan usaha-usaha ini jika terdapat perkara-perkara seperti *disaster*, banjir besar, kebakaran dan juga minta sim panglah, seperti mana yang dibangkitkan soalan oleh YB. Seri Delima, jika terdapat masalah-masalah tentang *terrorists* dan sebagainya. Kita sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan usaha dan salah satunya seperti mewujudkan satu sistem baru iaitu *Penang Alert*. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Soalan tambahan.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sudah habis. YB. Seri Delima tanya dua (2), YB. Batu Uban tanya satu (1), sudah tiga (3) soalan. Ahli-ahli Yang Berhormat, 1 jam 30 minit untuk soalan lisan telah pun tamat selaras dengan Sub Peraturan 26(7) Peraturan-peraturan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

**YB. Timbalan Ketua Menteri I:**

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, jawapan kepada soalan-soalan lisan telah dijawab tadi dan akan diletakkan atas meja Ahli-ahli yang bertanya sebentar lagi dan akan dimasukkan di dalam penyata rasmi.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Sesi Perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan Tahun 2017 dan Usul Anggaran Pembangunan Tahun 2017 disambungkan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang berminat ingin menyertai sesi perbahasan, dipersilakan. YB Jawi?

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Selamat Pagi, Salam Sejahtera dan Salam Bersih. Terima kasih YB. Dato' Speaker. Tahun 2017 sekali lagi adalah satu tahun yang lebih mencabar daripada tahun 2016 sejak Kerajaan Persekutuan menguatkuasakan pelaksanaan GST mulai 1 April 2015. Kehidupan rakyat jelata menjadi susah dan pendapatan adalah tidak mencukupi. Tahun lepas ada kenaikan harga tol dan tahun ini ada kenaikan harga minyak masak dan petrol. Kenaikan harga barang-barang ini akan memberikan impak yang besar kepada semua rakyat jelata di negara kita. Barang-barang yang dikenakan kenaikan harga adalah barang keperluan harian rakyat. Ini belum mengambil kira lagi aspek ekonomi yang merosot, skandal 1MDB yang belum selesai hingga hari ini.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

YB. Jawi sekejap ya, tadi saya keluar ke tandas, tidak sempat. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, selaras dengan Peraturan Mesyuarat 6A(1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya memohon supaya masa persidangan pada hari ini 18 November 2016 (Jumaat) dilanjutkan sehingga jam 6.30 petang.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ada sokongan?

**YB. Timbalan Ketua Menteri I:**

Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Y.A.B. Ketua Menteri telah pun mengemukakan usul di bawah Peraturan 6A(1) untuk melanjutkan tempoh masa persidangan hari ini 18 November 2016, hari Jumaat sehingga jam 6.30 petang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju katakan "Ya".

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya"

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, katakan "Tidak".

**Ahli-ahli Pembangkang:**

Tidak.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Lebih suara bersetuju, usul dipersetujui. Saya minta YB. Jawi sambung dengan perbahasan.

### **Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Terima kasih YB Yang di-Pertua. Skandal 1MDB yang belum selesai sehingga hari ini, nilai ringgit yang semakin jatuh hingga nilai tukaran wang asing menjadi RM4.50 bersamaan dengan USD\$1. Menurut angka rasmi daripada Kerajaan Malaysia pada tahun 2015, hutang Kerajaan Pusat mencecah RM582 bilion atau 54.5% daripada Kewangan Dalam Negeri Kasar iaitu KDNK, hampir mencecah tahap 55% yang disifatkan sebagai kritikal oleh Kementerian Kewangan sendiri. Pendapatan GST ternyata tidak kembali dalam bentuk faedah kepada rakyat jelata seperti yang dijanjikan oleh Kerajaan sebelum melaksanakan GST. RM39 juta setahun GST habis untuk bayar faedah hutang luas sahaja. Adakah Kerajaan Persekutuan mengambil sebarang tindakan segera untuk mengatasi masalah ini. Sesebuah kerajaan mesti mempunyai pemimpin yang berkaliber dan berjiwa rakyat, sedia membantu rakyat dan negara. Tetapi kita dapat melihat Malaysia dengan pemimpin Barisan Nasional menjadikan rakyat kehilangan keyakinan dan hala tuju masa depan untuk anak-anak dan cucu kita. Harapan rakyat jelata terhadap Kerajaan Persekutuan semakin menurun, jika dibandingkan dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang dipimpin oleh Pakatan Harapan di mana urus tadbir yang Cekap, Akauntabiliti dan Telus dalam masa 8 tahun dari tahun 2008 sehingga kini telah dapat nampak banyak perubahan dan kejayaan. Contohnya Kerajaan Pulau Pinang dapat memperolehi lebihan dalam akaun dalam tempoh 8 tahun ini jika dibandingkan dengan kerajaan di bawah pimpinan Barisan Nasional sepanjang 50 tahun pentadbiran dari tahun 1957 hingga 2007.

Dato' Yang di-Pertua, dari segi pelaburan, ramai pelabur melabur di Pulau Pinang dari tahun 2008 hingga tahun 2015 kerana mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap pimpinan Kerajaan Pakatan Harapan dan juga pimpinan kita yang cekap tanpa rasuah. Pelaburan pembuatan dalam 8 tahun ini telah meningkat sebanyak 87% kepada RM54.9 bilion jika dibandingkan dengan RM29.4 bilion, tahun 2000 sehingga 2007. Kenaikan bilangan peluang pekerjaan sebanyak 20% iaitu 128,317 jika dibandingkan antara tahun 2000 hingga 2007 iaitu sebanyak 106,583. Kadar pengangguran di Pulau Pinang juga paling rendah di Malaysia iaitu hanya 1.6% dan kini terdapat kekurangan pekerja seramai 20,000 di Pulau Pinang.

Sektor penternakan ikan juga berkembang pesat daripada 2,714.60 tan metrik pada tahun 2007 di bawah pimpinan Barisan Nasional kepada 28,964.95 tan metrik pada tahun 2015 iaitu peningkatan yang hampir 10 kali ganda. Ini adalah satu bukti yang kita boleh lihat seperti di Sungai Undang, kawasan KADUN Sungai Aceh memang telah menjadi satu tempat untuk sektor penternakan ikan yang paling besar di Malaysia dan Kerajaan Negeri juga sentiasa mempromosi tempat itu dan menggalakkan serta memberi TOL kepada sesiapa yang ingin menternak ikan di laut. Untuk penternakan kerang, dulu TOL ini dikeluarkan kepada persatuan tetapi sejak tahun 2008 di bawah pimpinan Pakatan Harapan TOL ini diberi terus kepada penternak-penternak kerang dan tidak perlu lagi melalui orang tengah. Inilah satu contoh yang baik, Kerajaan Cekap, Akauntabiliti dan Telus serta boleh menjaga kepentingan dan kehidupan rakyat jelata.

Hutang Negeri Pulau Pinang telah menurun sebanyak 90% sejak tahun 2008 dan berada pada tahap paling rendah iaitu RM69 juta pada akhir tahun 2015. Ini satu prestasi yang cukup cemerlang kerana hutang yang kurang tidak akan menjadi beban kepada rakyat terutama di Negeri Pulau Pinang, tidak seperti Kerajaan Persekutuan di mana hutang yang tinggi sebanyak RM582 bilion dan rakyat dikenakan pelbagai jenis cukai seperti GST untuk membantu bayar balik hutang negara. Adakah kerajaan ini masih boleh dipercayai, ada harapan dan tahukah pemimpin-pemimpin Barisan Nasional untuk memimpin Negara Malaysia? Jika terus dipimpin oleh Barisan Nasional maka hutang negara akan terus meningkat.

YB. Dato' Speaker, isu yang ingin bahaskan lagi adalah isu menambah kemudahan awam. Hospital adalah amat penting untuk sesebuah negara dan juga sebuah negeri. Di Negeri Pulau Pinang ada 6 buah hospital kerajaan iaitu Hospital Pulau Pinang, Hospital Seberang Jaya, Hospital Kepala Batas, Hospital Bukit Mertajam, Hospital Balik Pulau dan Hospital Sungai Bakap. Di Hospital Sungai Bakap dan Hospital Balik Pulau tidak ada doktor pakar, maka setiap kali penduduk-penduduk di kawasan KADUN Jawi, Bukit Tambun, tempat kawasan Dato' Speaker, Sungai Bakap, tempat kawasan Timbalan Speaker, Sungai Aceh pergi ke Hospital Sungai Bakap semasa berlaku kecemasan, tetapi malangnya

Selepas dihantar ke Hospital Sungai Bakap, didapati mereka terpaksa merujuk kepada doktor pakar di Hospital Seberang Jaya. Ini adalah satu proses yang betul-betul menyusahkan pesakit di kawasan tersebut. Mengapa Kerajaan Persekutuan dan Kementerian Kesihatan tidak merancang menambah doktor pakar di Hospital Sungai Bakap dan Hospital Balik Pulau dan menaikkan taraf seperti Hospital Seberang Jaya atau pun Hospital Pulau Pinang. Ini adalah satu keperluan asas yang penting terutama dalam keadaan kos rawatan hospital swasta yang semakin tinggi dan juga kos-kos kehidupan yang semakin meningkat. Saya percaya juga kemudahan dan peralatan untuk kegunaan pakar-pakar juga tidak cukup dan tidak lengkap di Hospital Sungai Bakap dan Hospital Balik Pulau. Jadi macam mana dengan nasib rakyat di daerah SPS dan Daerah Barat Daya. Rakyat yang ada kemampuan mungkin boleh mendapatkan rawatan di hospital swasta tetapi macam mana dengan mereka yang tidak ada kemampuan dan perlu mendapatkan rawatan pakar di hospital kerajaan. Yang amat mengecewakan bukan semua hospital kerajaan boleh memberikan rawatan pakar ini. Saya percaya hospital di negeri-negeri lain juga menghadapi masalah sebegini. Adakah Kerajaan Persekutuan dan Kementerian Kesihatan melihat perkara dan masalah ini secara serius. Apakah tindakan yang diambil oleh mereka.

Dalam Bajet 2017, RM536 juta diperuntukkan untuk naik taraf kemudahan yang termasuk peralatan rawatan kardiologi di hospital serdang Pulau Pinang, Sultanah Aminah JB, dan 100 *ambulance* tetapi macam mana di hospital lain, di daerah lain, di Pulau Pinang dan juga di negeri lain. Hospital bersalin pula, di Negeri Pulau Pinang mula ditutup pada bulan Disember 2014 atas sebab keselamatan bangunan keselamatan tersebut dan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 Hospital Pulau Pinang telah diluluskan bagi pembinaan sebuah blok wanita dan kanak-kanak bagi menggantikan hospital bersalin yang lama. Kerja-kerja pembinaan dijangka akan bermula pada bulan Ogos 2017. Dan mula beroperasi pada penghujung tahun 2020. Ini bermakna semua wanita warga Pulau Pinang yang ingin bersalin di Hospital Pulau Pinang terpaska pergi ke tempat lain atau wad yang lebih sempit dengan katil yang tidak mencukupi dalam tempoh enam (6) tahun ini. Ini telah *experience* oleh isteri saya pada 18 Mei 2016 hari jadi untuk anak perempuan saya yang hari jadi yang sama dengan Ketua Pembangkang kita. Jika sehari saya minta Ketua Pembangkang akan bawa isu ini juga. Ambil perhatian. Ini betul-betul yang dilalui oleh saya dan juga isteri di Hospital Pulau Pinang. Jika sehari lima (5) orang anak akan dilahirkan di Hospital Pulau Pinang ini bermakna setahun sebanyak 1,825 ibu dan *baby* yang dilahirkan akan berada dalam keadaan yang sempit ataupun keadaan seperti yang saya sebut tadi, dalam masa enam tahun ini sebanyak 10,950 ibu dan *baby* akan menghadapi masalah yang sama seperti yang saya sebut di atas. Hospital adalah amat penting terutama hospital bersalin di mana Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedang melancarkan program anak emas dengan menggalakkan warga Pulau Pinang beranak tetapi dengan keadaan hospital bersalin sekarang mungkin akan *demotivate*...(dengan izin) YB. Dato' Speaker, warga wanita kita, Kerajaan Persekutuan.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan. Minta laluan. Terima kasih Ahli Jawi, mungkin Ahli Jawi tidak maklum bahawa sebenarnya kerajaan telah pun meluluskan untuk membina hospital ibu bersalin yang baru di Pulau Pinang dan akan dilaksanakan tidak lama lagi. Ini untuk makluman.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Dengan izin YB. Dato' Speaker, mungkin juga Ketua Pembangkang tadi tidak mendengar hujah-hujah saya sebut di mana hospital bersalin akan dibina saya telah sebut tadi akan dimulakan kerja pada Ogos 2017 dijangka siap tahun 2020. Yang saya membuat kiraan ini selama enam tahun ini adalah sampai 2020. Jika hospital ini dapat disiapkan tahun 2020. Jika tidak maka angka ini akan lebih lagi tambah *baby* dan juga ibu akan menghadapi masalah ini. Hospital....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Minta laluan. Minta pandangan Yang Berhormat boleh tak kita minta supaya rakan-rakan di sebelah sana jika sebab projek ini sepatutnya sudah tiga (3) tahun kita pindahkan seperti yang saya jawab semalam dipindahkan tiga (3) tahun tetapi masih lagi tak berjalan projek ini dan dia bukan dalam RMK yang terbaru, RMK sebelum-sebelum ini pun telah disebut tentang projek ini, jadi mungkin YB. Jawi kita boleh minta komitmen daripada rakan-rakan di sebelah sana, kita Kerajaan Negeri akan terus memantau perkembangan projek ini jika by Ogos 2017 masih lagi tidak bermula, saya minta rakan-rakan di sebelah sana untuk sama-sama juga dengan bersama-sama Kerajaan Negeri untuk mendesak supaya

projek ini dimulakan kerana kita dah lama sangat tertangguh sebab saya sendiri, saya anak tak bersalin sutilah, tetapi saya sendiri pernah berkhidmat di situ. Masa saya berkhidmat di sana pun dah diceritakan nak buat hospital baru ini lama dah kami dengar tetapi sampai sekarang masih tak dilaksana, jadi kalau betul janji nak dicapati pula, ditepati maka rakan-rakan belah sana kena beri komitmen yang sama untuk bantu mendesak supaya hospital ini dibina.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Terima kasih kepada YB. Seberang Jaya, EXCO Kesihatan, memang saya setuju cadangan daripada EXCO Kesihatan iaitu, ADUN daripada Seberang Jaya di mana kita sama-sama memantau dan kita mintalah kita ada sepuluh ADUN daripada pihak Barisan Nasional termasuk Ketua Pembangkang adalah seorang wanita yang kuat dalam Parti UMNO dan Parti Barisan Nasional kita tidak mahu sehingga Ogos 2017 hospital ini masih tidak boleh memulakan kerja kita mahukan kerja-kerja ini dilaksanakan dan disiap pada tahun 2020 jika tidak dimulakan kerja pada bulan Ogos 2017 marilah kita bersama-sama untuk sampaikan *message* dan surat kepada Kementerian Kesihatan. Sebenarnya saya juga... (gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Minta laluan.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Silakan.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Sikit sahaja. Kerajaan Barisan Nasional memang mengakui keperluan rakyat untuk menangani masalah kesihatan ini adalah keperluan asas, dan perlu diberi perhatian dan memang kita semua terutama sekali Ahli-ahli Barisan Nasional di sini memang menyokong penuh dan mendesak, menggesa supaya di *implement* kan dan dibina dengan segera hospital ini bahkan Pusat Onkologi di Hospital Seberang Jaya telah dilengkapkan peralatan itu pun berjuta-juta ringgit, pembinaan blok tambahan di Seberang Jaya pun telah bermula dan kita akan memantauah perlaksanaan projek yang YB. Jawi sebut tadi untuk memastikan bahawa janji ditepati, terima kasih.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Terima kasih kepada YB. Telok Ayer Tawar, Ketua Pembangkang kita memang kita sedia untuk membantu walaupun ini adalah tugas Kerajaan Persekutuan dan Kementerian Kesihatan saya berasa amat kesal kerana di Negeri Pulau Pinang kita ada satu Timbalan Menteri Kesihatan yang di kawasan Parlimen Balik Pulau saya tidak tahu bahawa beliau sama ada tahukah perkara-perkara berlaku di Hospital Pulau Pinang di mana hospital bersalin ini yang setiap hari ibu, *baby* dan juga suami kadang-kadang juga menghadapi masalah yang sama, sebenarnya mengapa saya nak membawa isteri saya pergi bersalin di Hospital Pulau Pinang kerana saya sendiri nak merasakan macam mana keadaan tersebut, saya juga tidak menyebutkan kepada sesiapa di hospital bahawa saya adalah seorang ADUN saya masuk buat seperti biasa dan kerana di sana tak ada *first class*, *second class*, semua sama, petang ini masuk saya ceritakan sedikit, petang ini dia masuk dibilik bawah, lagi empat jam saya pergi semasa selepas Dewan ini saya pergi dia ditingkat dua, keesokkan hari saya pergi dia sebelah kiri, sebelum dia masuk bersalin, dia di sebelah kanan katil, inilah pengalaman-pengalaman yang saya hadapi dan isteri saya juga, saya di sini terangkan keadaan ini kerana saya percaya banyak rakyat-rakyat jelata di mana isteri mereka pergi ke sana bersalin memang *service* bagus, doktor ada semua tapi kerana keadaan sana mereka terpaksa cari tempat ruang untuk letak katil ataupun katil tempat tak cukup kerana dia dipindah daripada hospital bersalin dan masukkan di bangunan lama ini.

Saya haraplah Menteri-menteri kita dapat menjalankan tugas mereka dan tanggungjawab mereka walaupun mereka isteri mereka tidak bersalin di sana tapi mereka kalau dilantik menjadi Menteri Kesihatan ataupun Timbalan Menteri Kesihatan inilah tugas mereka kalau mereka tidak mahu mengambil tahu perkara-perkara sebegini maka mereka tidak layak menjadi Menteri bagi peluang ini kepada sesiapa yang ingin membantu Negara kita ataupun rakyat jelata kita.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Minta laluan. Terima kasih YB. Jawi sentuh tentang isu hospital bersalin ini saya ada memori bersama YB. Jawi. Atas nasihat saya, dia pergi ke Hospital Bersalin Pulau Pinang. Saya rasa sangat kesal bahawa sangat penting untuk seorang bapa. Sebelum itu isteri YB. Jawi ada pergi ke hospital swasta. Atas nasihat saya dan kita percaya, kita ada *confident* dengan kepakaran Hospital Besar Pulau Pinang. Jadi dia pun pergi ke Hospital Bersalin Pulau Pinang saya tidak tahu bahawa kekangan tempat itu sangat sempit. Dia telah kehilangan peluang untuk melihat kita, menyaksikan saat-saat bila anaknya dilahirkan. Kita memupuk dan menggalakkan supaya bapa, peranan bapa untuk rasa bagaimanakah anak itu dilahirkan? Bagaimanakah kesakitan isterinya tetapi dia kehilangan peluang....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Saya minta laluan.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Baik. Biar saya habiskan. Soalan bertulis saya pun juga ada bangkitkan bilakah? Saya difahamkan bahawa hospital bersalin ditutup pada Disember 2014 dan sekarang sudah dua (2) tahun? Tetapi bilakah ia akan dibina? Kita rasa ia adalah satu keperluan yang sangat penting. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Minta laluan. Terima kasih. Saya nak tanyakan kepada YB. Sungai Pinang, Yang Berhormat dahada berapa orang anak? Lima, berapa orang yang dilahirkan hospital Kerajaan?

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Okey. Saya ada tiga (3) anak yang dilahirkan di Hospital Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Okey. Terima kasih. Dan adakah ketiga-tiga anak itu di Hospital Pulau Pinang ini kelahirannya disaksikan oleh suami Yang Berhormat pada masa tersebut?

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Ya, betul. Pada masa tersebut.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Okey. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Ya sebelum ia ditutup. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Okey. Sebelum ditutup. Saya nak cerita.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sebenarnya kalau soalan peribadi saya tak maulah.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Ini bukan soalan peribadi. Ini bukan soalan peribadi cuma ingin saya nyatakan di sini bahawa apabila YB. Sungai Pinang menyatakan bahawa peluang YB. Jawi yang tidak dapat melihat kelahiran anak beliau di hospital saya rasa perkara ini bukanlah terjadi kepada YB. Jawi seorang. Semua ibu bapa yang melahirkan anak di hospital kerajaan peluang untuk berada bersama-sama di *labour room* itu amat tipis. Sebab ramai yang mengambil peluang nak melahirkan anak di hospital kerajaan cuma ingin saya nyatakan di sini saya juga anak enam (6) orang anak Yang Berhormat, YB. Dato' Speaker, keenam-enam orang anak ini saya lahirkan di hospital swasta sebab saya percaya kalau saya menggunakan khidmat hospital kerajaan saya juga menyumbang kepada *congestion*, saya juga menyumbang kepada kesesakan di hospital tersebut. Bagi mereka yang berkemampuan sepatutnya sebolehnya gunalah khidmat hospital swasta dan sebagainya sebab berilah peluang kepada mereka yang memerlukan perkhidmatan di hospital-hospital kerajaan ini, itu satu, *Insya-Allah*, kalau kita menggunakan khidmat hospital swasta, kalau nak tengak isteri bersalin, saya rasa boleh masuk seminggu sebelum, *contraction* pun boleh, duduk bersama, minta tidur bersebelahan setiap hari bersama. Semua boleh tetapi janganlah kita menggunakan peluang kegagalan untuk melihat isteri bersalin itu sebagai isu untuk kita meletakkan hospital kerajaan ini pada tempat yang agak rendah. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Penjelasan.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sudah. Cuma sebelum ini YB. Jawi peringatan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat sejak kita membuat penambahbaik dalam peraturan mesyuarat, soalan lisan rasanya pun sudah ditambahkan, banyak soalan-soalan yang bersabit dengan soalan lisan saya beri peluang ditanya secukup-cukupnya dijawab secukup-cukupnya. Maka dengan itu bila datang ke sesi perbahasan, tolong ada yang tak perlu berulang-alik itu, sila. Jangan berulang-alik dengan soalan yang sama hujah yang sama, ataupun kod *and* kod, cerita yang sama tapi Jawi, silakan.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Saya nak jawab kepada Bertam. Sebenarnya saya hendak menyebut di dalam Dewan yang mulia ini, isu pokok yang saya hendak menyentuh, hari ini saya sebagai ADUN bukan katakan Hospital Kerajaan cuma untuk orang yang miskin atau orang yang tidak berkemampuan. Hospital adalah untuk perkhidmatan semua orang, mengapa pada hari saya pergi dan nasib baik saya pergi dan nasib baik isteri saya bersalin di sana dan hari jadi bersama Ketua Pembangkang, kerana jikalau hari saya tidak pergi, saya tidak berpeluang untuk membincangkan isu-isu yang penting di mana kalau keadaan yang sempit maka ia akan menyusahkan setiap ibu dan anak, isu yang penting, saya faham YB. Bertam mungkin ia hendak pilih hospital swasta, sesiapa pun berhak untuk memilih mana-mana hospital tetapi, kalau ada peluang lagi saya minta YB. Bertam membawa isteri untuk melahirkan anak di hospital kerajaan dan untuk YB. Bertam merasai bagaimana keadaan di sana, macam mana semua rakyat-rakyat jelata hendak menyampaikan mesej kepada siapa, adakah mereka akan menulis surat kepada YB. Bertam, tidak ada, mereka sakit di dalam hati dan mereka tidak boleh menjawab apa-apa pun, inilah forum peluang yang saya hendak ucapkan beribu-beribu ibu dan anak mungkin tidak boleh bercakap lagi, tapi bagaimana keadaan mereka, keadaan tidak cukup katil, inilah keadaan yang ada dan inilah yang saya hendak sampaikan mesej ini, kerana kerajaan mengutip GST, bukanlah untuk membayar hutang, kutipan GST seperti yang dijanjikan oleh Kerajaan Persekutuan utamakan kebijakan, berikan kepada rakyat apa yang keperluan asas seperti yang dipersetujui oleh Ketua Pembangkang dan hospital adalah keperluan asas, hospital bersalin juga adalah keperluan asas, betulkah Ketua Pembangkang?

Kerajaan Persekutuan dan Kementerian Kesihatan bertanggungjawab untuk membantu merancang dan menyenggarakan hospital-hospital di seluruh negara, Kementerian Kesihatan patut mengambil tindakan yang segera tidak inisiatif untuk menyelesaikan keadaan peralatan hospital, kerusi roda, wad dan katil di hospital pada masa sekarang adakah mencukupi atau tidak, ini pun kita ada mendengar YB. Seri Delima mengatakan bahawa keadaan kerusi roda tidak mencukupi, wad tidak cukup, katil tidak cukup, adakah Kementerian Kesihatan atau Menteri Kesihatan mengambil tahu perkara

tersebut, tambahan pula di Negeri Pulau Pinang, kalau kita cakap kita malu kerana Timbalan Menteri Kesihatan adalah dari Negeri Pulau Pinang, kenapa keadaan di hospital tidak dapat diselesaikan, walaupun Timbalan Menteri Kesihatan berasal dari Balik Pulau, Hospital Balik Pulau lebih seratus tahun, mengapa beliau tidak ada rancangan untuk membantu dan menaik tarafkan Hospital Balik Pulau sekurang-kurang ada Doktor Pakar. Adakah beliau faham bahawa niat peminta-peminta dan penduduk-penduduk di Balik Pulau, adakah beliau berada di Balik Pulau sekarang, berapa lama dia balik ke Balik Pulau, berapa kali beliau melawat Hospital Balik Pulau untuk mengetahui masalah ini termasuklah juga Hospital Sungai Bakap, adakah hospital di Pulau Pinang seperti Hospital di Seberang Jaya, Hospital Bukit Mertajam, Hospital Kepala Batas dan Hospital Balik Pulau di mana dawai-dawai elektrik adakah ditukar kepada yang baru, adakah Kementerian Kesihatan mengambil langkah untuk menyemak semua bangunan hospital di Negeri Pulau Pinang termasuk juga hospital-hospital di negeri-negeri lain, kita tidak mahu keadaan kejadian kebakaran yang berlaku di Hospital Johor yang meragut lima nyawa, kita tidak mahu perkara ini berlaku di negeri kita, inilah perkara yang amat menyediakan kerana hospital sepatutnya satu tempat yang paling selamat untuk pesakit.

**Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):**

Minta laluan, terima kasih YB. Jawi. Saya rasa ini adalah perkara yang penting bagi kedua-dua kerajaan, Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri untuk mereka mencari jalan untuk menolong rakyat jelata di Pulau Pinang iaitu dari Jabatan Kesihatan, EXCO Kesihatan, EXCO Masyarakat Penyayang, EXCO Kebajikan dan *of course* EXCO Keluarga dan Komuniti untuk duduk bersama-sama berbincang bagaimana boleh menolong soalan YB. Jawi kepada Kerajaan Negeri. Saya berharap apa yang saya sebut pada tahun lepas, iaitu Negeri Pulau Pinang semakin menghadapi rakyat keluarga emas yang meningkat dan sekarang ekonomi yang merosot, kebanyakannya rumah tangga menghadapi masalah kewangan, kalau ada sesiapa kawan atau saudara mereka yang di rumah jatuh sakit mereka mesti mendapat rawatan yang cukup dan juga kewangan yang cukup untuk merawati ahli-ahli keluarga mereka dan saya harap Kerajaan Negeri dapat mencari dan menyelesaikan masalah ini dari EXCO Kebajikan, EXCO Masyarakat Penyayang yang saya sebut tadi dan saya berharap Kerajaan Pusat juga mengambil berat tentang apa yang YB. Jawi sebutkan tadi, itu memang penting untuk rakyat, terima kasih.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Minta laluan, terima kasih YB. Jawi. Saya ingin menyatakan di sini ingin menjawab pandangan YB. Jawi yang mengatakan bahawa saya sendiri apabila tidak membawa isteri melahirkan anak di hospital kerajaan maka saya tidak memahami perasaan apa yang dialami pesakit-pesakit di wad bersalin di hospital kerajaan, saya rasa YB. Jawi selaku ADUN tidak semestinya kalau kita tidak menghantar isteri kita ke hospital kerajaan kita tidak memahami apa yang berlaku di sana ya, kita sebagai Yang Berhormat, kita boleh dapat maklumat dan merasai melalui perbualan, laporan dan sebagainya, begitu juga dengan mangsa banjir, saya memahami masalah-masalah banjir dan tidak semestinya saya kena berpindah ke kawasan banjir. Satu lagi berkenaan dengan Kerajaan Persekutuan, saya yakin hari ini boleh dikatakan hospital kita adalah di antara yang terbaik di dunia, maksudnya di Negara-negara Asia, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat lihat Hospital Kepala Batas *for instant*. Apabila dibina Hospital Kepala Batas kita menjangkakan bahawa kita cuma akan menerima pesakit-pesakit di persekitaran Parlimen Kepala Batas dan Tasek Gelugor dan sebagainya. Tetapi pada hari ini Hospital Kepala Batas dibina pada zaman Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, bukan sahaja pesakit yang datang dari Kepala Batas, Parlimen Tasek Gelugor dan sebagainya, malah dari Baling, Sungai Petani dan sebagainya menyebabkan hari ini kalau kita pergi ke wad tiga, wad dua, wad bersalin tiada tempat hendak meletak pesakit-pesakit ini, ramai jumlah pesakit yang meningkat ini disebabkan oleh keadaan semasa. Walau bagaimanapun saya memuji YB. Jawi yang sanggup mengambil pendekatan yang sampai macam itu dan saya rasa sebagaimana juga YB. Berapit kerjasama antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dalam soal kesihatan ini sepatutnya digandingkan bersama.

**YB. Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Saya rasa hendak menjawab kepada YB. Bertam, mungkin YB. Bertam salah faham, bukan saya hendak katakan YB. Bertam tidak faham keadaan di hospital, YB. Bertam boleh rasakan macam mana keadaan di sana bersama-sama dengan ibu, suami dan lain-lain pihak. Rasai dan ambil tahu itu cerita lain sekarang mungkin kawasan Bertam terdapat banjir, telefon YB. Bertam okey, tidak mengapa saya akan menghubung Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengenai semua tidak dapat tidur tidak mengapakah,

kita aturkan dewan untuk mereka tidur, bukan kita kata YB. Bertam tidak mengambil tahu perkara tersebut, ambil tahu juga, setujukah kalau tidak setuju saya cabar YB. Bertam bolehkah pergi tetapi mesti ada peluang, kalau tidak ada peluang tidak bolehlah. Sebagai ADUN saya sanggup menghantar isteri saya ke Hospital Pulau Pinang bukan seperti yang YB. Bertam kata tadi, oh kita mestilah memberi peluang kepada orang lain, ini salah kebetulan pada hari ini saya pergi kalau tidak mungkin saya tidak faham keadaan sebenarnya di sana dan juga

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Baharuddin):**

Adakah Yang Berhormat sedar jika kalau kita lihat, sebenarnya masalah kesesakan hospital-hospital ini semua adalah kerana kegagalan Kerajaan Barisan Nasional untuk membuat perancangan yang sewajarnya dan membelanjanya wang rakyat dengan seelok-eloknya kerana kalau kita lihat saya membuat kiraan secara rambang tadi jika RM 42 bilion hutang MDB....(gangguan) inilah UMNO bila sebut 1MDB hendak melompat, dah tu kalau tidak salah duduklah diam-diam, saya beri contoh perkiraan RM42 bilion katakanlah satu hospital RM300 juta kita belanja kita boleh membina lebih 140 buah hospital di seluruh negara, maka kalaularah duit ini diselamatkan tidak berlaku seperti berlaku dalam 1MDB sekarang ini. Satu dunia tahu masalah yang kita hadapi ini, saya percaya kita tidak akan menghadapi masalah kesesakan hospital yang melampau, jadi ini adalah bukti kegagalan Barisan Nasional untuk mentadbir negara ini maka menyebabkan kita rakyat terpaksa sengsara bayar GST, harga minyak naik ada Perdana Menteri nama Najib Abdul Razak.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ya, YB. Jawi ke isu yang lain.

**YB. Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh YB. Seberang Jaya kerana kita juga tahu, mereka Parti Pembangkang dengan izin Dato' Speaker...(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tak perlu.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Hutang Kerajaan Persekutuan mencecah RM582 bilion. Kerana kalau kita tidak tinggi punya hutang keadaan rakyat jelata akan berasa dan berada dalam keadaan yang sempurna, harmoni dan keselesaan dan tidak perlulah sesak nafas sehingga setiap orang kena cari *part time* punya kerja untuk menyara hidup keluarga mereka.

Isu yang lain, isu keselamatan. Di kawasan Seberang Perai terdapat 24 buah kuari yang beroperasi dimana 12 adalah berlesen dan 12 lagi tidak dikeluarkan lesen kerana status tanah *first grade* dan tertakluk kepada kelulusan pelan kerja tanah PBT dan pelan kebenaran merancang. Jika kuari yang beroperasi tanpa permit akan disabit kesalahan di bawah Seksyen 426, Kanun Tanah Negara 1965, individu boleh dikenakan denda tidak melebihi RM50,000.00 atau dipenjarakan untuk tempoh tidak melebihi lima (5) tahun atau kedua-duanya. Saya di sini ingin mengambil kesempatan bahawa di kawasan SPS terdapat banyak lori yang membawa lebihan muatan dan lebihan kelajuan di atas jalan raya semasa mengangkut pasir, batu dan tanah merah yang keluar dari kuari ke tapak pembinaan setiap hari terpaksa juga kawasan Bukit Tambun, KADUN Dato' Speaker, KADUN Sungai Bakap, Timbalan Speaker termasuk juga KADUN Sungai Acheh, dan juga KADUN Jawi. Lori-lori yang membawa lebihan muatan in, tanah merah, batu dan pasir jatuh dari lori ke atas jalan raya. Ia amat membahayakan kepada penunggang motosikal dan basikal dan menyebabkan kemalangan kerap berlaku di kawasan SPS.

Pihak JKR dan MPSP kena kerap kali mencuci jalan raya. Salah satu jalan di KADUN Jawi, iaitu Jalan Changkat Bharu, ada lori yang membawa lebihan muatan yang melalui tempat tersebut setiap hari. Setiap minit ada sebuah lori yang melalui Jalan Changkat Bharu ni dan lebih kurang 90% daripada lori tersebut membawa lebihan muatan. Saya minta SPAD, JPJ dan PDRM membuat operasi di tempat

tersebut dengan lebih kerap kali. Saya diberitahu bahawa pada 2015 hingga Mac 2016, sebanyak 154 operasi telah dijalankan oleh SPAD (Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat) dan sebanyak 334 kes telah direkodkan bersalah. Pihak JPJ ada juga menjalankan penguatkuasaan tiga bulan awal tahun 2016, iaitu dari bulan Januari hingga Mac 2016 dimana sebanyak 3,235 buah kenderaan telah diambil tindakan atas kesalahan lebihan muatan dan sebanyak 181 buah kenderaan telah diambil tindakan atas kesalahan membawa muatan secara bahaya. Pada pendapat saya, selain daripada operasi dan saman yang dikeluarkan oleh SPAD, JPJ dan PDRM, saya ingin mencadangkan Kerajaan Negeri dan pihak Berkua Tempatan boleh mengenakan syarat baharu iaitu setiap kuari yang beroperasi disyaratkan untuk membina stesen timbang JPJ di tapak kuari itu supaya semua lori yang keluar masuk kuari diwajibkan untuk ditimbang sebelum keluar ke jalan raya. Ini adalah salah satu cara dapat memastikan lori dari kuari tidak membawa lebihan muatan dan kebarangkalian pasir, batu dan tanah merah jatuh di atas jalan raya dapat dikurangkan. Cadangan saya ini adalah untuk menjaga keselamatan pengguna jalan raya terutama penunggang motosikal dan basikal. Saya ingin ambil maklum di mana pihak-pihak Kerajaan termasuk pihak DO SPS, saya ingat setuju juga bahawa lori-lori yang membawa muatan ini amat bahaya kepada penunggang motosikal dan juga basikal dan pengguna jalan raya. Saya tidak mahu melihat kemalangan maut berlaku baru tindakan serius diambil. Pada masa yang sama, kemalangan maut memang pernah berlaku ke atas lori-lori yang bawa lebihan muatan beberapa tahun yang lepas.

Pihak PDC, saya cadangkan, boleh juga tidak membenarkan lori-lori yang membawa lebihan muatan masuk ke tapak pembinaan PDC. Syarikat lori yang membawa lebihan muatan haruslah disenaraikan oleh pihak PDC kerana saya berpendapat pihak PDC adalah bertanggungjawab juga ke atas lori yang membawa lebihan muatan yang ingin masuk ke tapak pembinaan PDC seperti di Batu Kawan. Satu lagi masalah untuk keselamatan adalah aktiviti Mat Rempit dan perlumbaan motosikal haram yang kerap kali berlaku di atas lebuh raya dan jalan raya...*(gangguan)*.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Mohon laluan. Saya nak tanya sama ada YB. Jawi telah bertanya kepada Pejabat Daerah ataupun Pegawai Daerah sama ada tindakan kuari dari segi perlesenan boleh diambil seperti di Penanti juga kita banyak kuari dan SPAD telah membuat operasi dan menahan lori-lori yang lebih muatan yang boleh menyebabkan kemalangan motor dan macam-macam. Tetapi mengikut SPAD dia tidak ada kuasa, pihak berkua di kawasan itu untuk menarik lesen dan sebagainya jadi ada tak pihak Jawi mendapat apa-apa ulasan ke atau apa-apa penyelesaian bagaimana perkara ini boleh diselesaikan kerana kawasan Penanti pun penuh dengan kuari juga. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Terima kasih kepada YB. Penanti, saya juga kena jawab kepada YB. Penanti di mana syarat-syarat untuk memohon lesen untuk beroperasi kuari memang tidak tertakluk kepada lori-lori yang membawa lebihan muatan di mana saya tadi cadangkan bolehkah Pihak Berkua Tempatan dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengeluarkan syarat baru kepada sesiapa yang ingin beroperasi kuari atau pun memperbaharui lesen kuari harus membina satu stesen timbang JPJ supaya semua lori yang keluar mereka akan ditimbang dan buat sementara salah satu syarat yang dikenakan kepada kuari semasa mereka beroperasi adalah untuk membuat takungan air yang cukup untuk cuci tayar tapi kebanyakan juga lori-lori melanggar peraturan tersebut kerana mereka nak cepat, mereka tidak cuci tayar-tayar lori mereka dengan bersih maka tanah-tanah merah yang keluar daripada kuari tersebut akan mengotorkan sepanjang jalan raya dan terpaksalah MPSP dan juga JKR akan tolong untuk membantu mencuci jalan raya.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Minta penjelasan. Terima kasih YB. Jawi. Tahukah YB. Jawi bahawa ada juga lori-lori yang melebihi muatan melalui kawasan perumahan di lorong-lorong rumah dan perkara ini juga berlaku di taman perumahan di Machang Bubuk dan saya difahamkan bahawa Kerajaan Tempatan juga tidak boleh menghalang lori tersebut melalui lorong tersebut. Adakah itu benar atau tidak? Dan adakah perkara ini berlaku di kawasan yang lain?

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Saya ingin menjawab soalan kepada YB. Machang Bubuk. Semasa Pelan Kebenaran Merancang di MPSP maupun di MBPP, syarat telah tertakluk pada syarikat pemaju di mana mereka akan menjalankan tambun tanah, mereka kena pohon kelulusan untuk pelan kerja tanah. Selepas kelulusan tersebut, maka mereka boleh menambun tanah-tanah di tapak pembinaan mereka. Masa inilah lori-lori mereka akan mengambil kesempatan dan syarat semasa kelulusan dalam jawatankuasa OSC ini memang syarikat pemaju ini disyaratkan mereka menggunakan jalan mana untuk lori-lori membawa tanah merah masuk ke tapak pembinaan tersebut. Memang telah disenarai dan disyaratkan tapi ada juga lori-lori mereka cari *short cut*...(dengan izin) Dato' Speaker dan juga untuk cari jalan mana yang cepat sampai ke tapak tersebut dan inilah sebagai ADUN dan juga Ahli Majlis MPSP, kita sentiasa mendapat aduan daripada penduduk, tiba-tiba mereka bangun sebelum pergi kerja, lori membawa tanah merah sudah melalui depan rumah mereka sebelum 8.30 dan mereka terkejut. Sejak satu, dua minggu ini kerja penambunan tanah di tapak tersebut tidak ada lori melalui tapak tersebut tapi hari ini muncul...(gangguan).

Bagi saya habis sentence itu dan tiba-tiba munculah lori-lori yang membawa tanah merah depan rumah mereka. Setengah itu lori-lori itu telah mengotorkan jalan-jalan di depan kawasan perumahan. Maka MPSP terpaksa mengeluarkan amaran atau pun notis atau pun saman kepada lori-lori ataupun syarikat pemaju tersebut supaya mereka tidak menggunakan jalan ini. Mereka kena menggunakan jalan yang disyorkan semasa kelulusan Pelan Kebenaran Merancang dan Jawatankuasa OSC. Seperti tadi EXCO Perumahan menyatakan bahawa pemaju cuma ada 'R' dan 'M'. Saya di sini ambil kesempatan beritahu pemaju ikutlah syarat-syarat janganlah cuba melanggar peraturan, janganlah cuba mencabar peraturan atau undang-undang yang sedia ada. Janganlah cuba untuk menyusahkan rakyat-rakyat atau penduduk di sekitar tempat tapak pembinaan syarikat pemaju itu. Silakan YB. Teluk Bahang.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Jawi saya peringatkan mesra. Dah satu (1) jam YB. Jawi telah guna pakai. YB. Teluk Bahang.

**Ahli Kawasan Teluk Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Saya nak tanya soalan pun dah hilang. Dato' Yang di-Pertua kacau. Saya cepat-cepat tarik *don't worry*. Yang tak boleh cepat tarik dua,tiga orang saja. Saya nak tanya Jawi, apakah maksud Jawi. Adakah agensi yang berkaitan tidak efektif untuk mengawal masalah ini dan beberapa agensi yang jaga, kalau tak salah saya, Pejabat Daerah dan Majlis Bandaraya? Masalah lori dan kuari tertakluk kepada dua (2) jabatan ini. Adakah Yang Berhormat nak beritahu di sini bahawa Pejabat Daerah tidak ada penguatkuasaan yang baik dan tidak efektif? Itukah maksud Yang Berhormat?

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Sebenarnya saya tadi telah terangkan bahawa...(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Saya pun boleh hafal dah.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

YB. Dato' Speaker pun boleh hafal. Sebenarnya JPJ dan PDRM yang ada kuasa untuk mengenakan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Teluk Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Bukan Yang Berhormat, soalan saya Yang Berhormat tak faham. Minta maaf Dato' Yang di-Pertua. Saya nak tahu, salah ni di mana? Tak kan PDRM? Yang beri lesen tu Pejabat Daerah. Takkannya nak salah JPJ? Itu saya nak tanya ni. Penguatkuasaan Perundangan Pejabat Daerah dengan Majlis Bandaraya ni macam mana?

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Soalan dan jawapan adalah senang. Salahnya adalah syarikat-syarikat dan juga pemandu-pemandu lori yang membawa lebihan muatan tanah merah pasir dan batu yang berjalan di atas jalan. Adakah mereka bukan tak ada belajar undang-undang? Mereka bukan tak tahu syarat berapa ketinggian yang boleh membawa tanah-tanah sebegitu. Salah siapa? Salah dia sendiri kerana dia mahu ambil lebih muatan. Kerana dia dah guna jalan raya-jalan raya yang lebih dekat, *short cut*. Saya masuk kepada soalan mat rempit dimana masalah-masalah Mat Rempit dan perlumbaan motosikal haram yang kerap kali berlaku di atas lebuh raya dan jalan raya. Ini amat membahayakan keselamatan pengguna jalan raya dan lebuh raya. Berapakah operasi yang dijalankan oleh pihak polis trafik? Adakah operasi ini berkesan dan dapat mengurangkan aktiviti merempit dan perlumbaan motosikal haram ini. Mungkin YB. Telok Bahang nak tanya ini perkara salah siapa? Saya berpendapat operasi dan tangkapan di atas jalan raya perlu dibuat lebih kerap kali. Tempat-tempat tertentu pada waktu malam. Atau tengah malam dan juga pada hari Jumaat, Sabtu, Ahad termasuk cuti umum. Saya difahamkan mat rempit akan dikenakan hukuman yang lebih berat iaitu hukuman penjara mandatori di bawah Seksyen 42 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 dipinda berikutkan hukuman yang sedia ada ke atas samseng jalan raya yang disabitkan kesalahan iaitu denda minimum RM5,000 atau penjara tidak lebih lima (5) tahun. Ini lah jawapan yang saya dapat daripada soalan bertulis saya. Tindakan yang sama juga boleh dikenakan terhadap ibu bapa dan pemilik motosikal kerana mereka membenarkan penggunaan motosikal tersebut. Saya berpendapat, ibu bapa ada tanggungjawab juga untuk memastikan anak-anak mereka tidak melibatkan diri dalam aktiviti tersebut.

Isu perumahan. Kerajaan Negeri juga telah melancarkan Rumah Mampu Milik sebanyak 26,255 unit di semua daerah Pulau Pinang termasuk skim sewa beli yang melibatkan 155 unit di Seberang Perai Selatan. Ini adalah satu tindakan yang baik ataupun satu titik permulaan yang baik. Saya berpendapat Kerajaan Negri Pulau Pinang dapat memperluaskan skim sewa beli di tempat lain supaya golongan miskin dapat memiliki rumah juga dan pada masa yang sama ia dapat selesaikan masalah rumah yang dikosongkan. Di kawasan KADUN Jawi, terdapat beberapa rumah pangsa flat dikosongkan seperti di flat Taman Bestari, jumlah unit rumah yang ada adalah sebanyak 120 unit. Unit yang diduduki adalah 55 unit. Unit yang dikosongkan adalah lebih iaitu berjumlah 65 unit. Di flat Nibong Tebal Jaya, jumlah unit rumah yang ada adalah sebanyak 90 unit. Unit yang diduduki adalah 55 unit, unit yang dikosongkan adalah 35 unit. Di Flat Jawi Jaya, jumlah rumah yang ada adalah sebanyak 240 unit. Unit yang diduduki berjumlah 150 unit. Unit yang dikosongkan adalah 90 unit. Di Flat Taman Sinar Indah, jumlah rumah yang ada berjumlah 130 unit, unit yang diduduki berjumlah 27 unit. Maka unit yang dikosongkan berjumlah 130 unit. Di Flat Bukit Panchor, jumlah unit rumah yang ada sebanyak 90 unit. Unit yang diduduki berjumlah 35 unit. Unit yang dikosongkan berjumlah 55 unit. Di Flat Bukit Panchor Indah jumlah unit rumah yang ada sebanyak 100 unit, jumlah yang diduduki berjumlah 55 unit, unit yang dikosongkan berjumlah 41 unit. Kesemua statistik rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah ini adalah dibina oleh pemaju. Jangan salah faham. Bukan dibina oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan. Terima kasih YB. Jawi. Saya terkejut juga dengan fakta-fakta yang baru diberi oleh YB. Jawi. Ini menunjukkan bahawa apa yang saya sebut di dalam ucapan saya itu betul bahawa terdapat *mix match* dari segi penawaran dan permintaan rumah kerana rumah-rumah ini tidak didiami, saya percaya ianya telah ditawarkan tetapi pembeli tak mahu duduk di Jawi sebab mungkin peluang pekerjaan kurang di situ dan saya minta supaya diberi penjelasan kenapa boleh jadi situasi begini setelah lapan (8) tahun Kerajaan Pakatan Harapan memerintah.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Terima kasih kepada YB. Telok Ayer Tawar, Ketua Pembangkang. Inilah sebab kerana ucapan saya belum habis, tapi soalan ditanya. Ini adalah rumah yang telah dibina lebih 10 tahun oleh syarikat pemaju, pemilik rumah pernah memiliki rumah tersebut, tetapi kerana mereka membuat pinjaman dan mereka tak, *not afford* dengan izin tak mampu untuk membayar ansuran-ansuran bulanan, mereka pindah keluar dan ada juga yang telah mengalami keadaan bankrups, dan rumah-rumah ini telah dilelong oleh bank dan sekarang kebanyakan adalah dimiliki oleh bank. Rumah-rumah ini dikosongkan tidak ditawar oleh Jabatan Perumahan. Jangan salah faham YB. Telok Ayer Tawar. Dan juga jangan mengelirukan kerana rumah-rumah ini pernah...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan. Saya ingat kalau dilelong pun, tak mungkin sampai ke semua 50 unit dilelong. Saya ingat kita kena dapatkan maklumat sebenar kenapa jadi macam ini. Belum pernah terjadi lagi sebab kita menguruskan juga, pihak bank di Pulau Pinang ini tidaklah terdapat begitu masalah yang besar dari segi lelongan sebab lelongan akan diiklan dalam surat khabar. Kita tak lah tengok berapa muka surat khabar di iklan tentang bangunan nak dilelong. Jadi, saya ingat Kerajaan Negeri mempunyai data permohonan rumah yang diminta oleh rakyat dan kalau ada masalah, ianya boleh dirujuk balik kepada pihak perumahan, kalau pembeli tak boleh beli kerana masalah kewangan, dia orang ada lagi data maklumat pemohon-pemohon yang lain yang boleh diganti.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Saya ingin menjawab kepada YB. Telok Ayer Tawar kerana memang betul mereka tidak mampu membayar sehingga rumah mereka dilelongkan dan semasa lelongan tidak juga ada *bidder* ... (dengan izin) ataupun sesiapa yang ingin pergi membeli tawaran tersebut kerana keadaan-keadaan di sana telah dikosongkan satu demi satu dan ia telah menjadikan tempat pembuangan sampah, pembakaran sampah, dan juga rumah tumpangan untuk penagih dadah. Mungkin YB. Telok Ayer Tawar tidak ada pergi ke kawasan itu, kalau ada masa saya boleh jemput YB. Telok Ayer Tawar. Jom kita pergi. Mungkin YB. Telok Ayer Tawar akan rasa macam mana keadaan yang begitu teruk sampai rumah yang ditawarkan sewa RM50.00 pun tidak ada pemilik nak pergi sewa kerana keadaan di sana telah menakutkan dan banyak rumah yang dikosongkan. Masalah-masalah lain seperti, lampu kaki lima tidak menyala, besi pemegang tangga dicuri, dinding diconteng dan keadaan di persekitaran flat kotor. Ini menyebabkan penduduk menduduki dengan tidak selesa dan ke semua flat ini tidak ada JMB dan tiada MC. Inilah salah satu isu pokok kerana tidak ada kerja-kerja penyelengaraan oleh MC dan JMB. Maka, penduduk-penduduk pun tidak ingin membayar *maintenance fees*. Seperti contoh di Flat Taman Bestari, sejak tahun 2013, Kerajaan Negeri telah membantu dengan projek 80 20, sementara tunggu program HAPPY kalau tak silap yang ditawarkan oleh Kerajaan Persekutuan. Minta maaf, TP1M dan Kerajaan Negeri telah membantu. Saya telah membantu memperbaiki tangki air dengan 80% kos adalah ditanggung oleh Kerajaan Negeri yang 20 kos itu memang tidak dapat dikutip daripada penduduk pun. Tidak ada *management corporation* di sana. Terpaksa saya bantu mereka untuk selesaikan yang 20% itu.

Tahun 2014 juga salah satu tangki lagi bocor. Tahun ini 2016 baru-baru kos-kos pemberaan sedikit tangki itu juga mereka tidak mampu. 80/20. kos pemberaan itu juga mereka tak mampu cari yang 20% ini. Inilah keadaan-keadaan di sana. Di sini saya nak cadangkan minta Jabatan COB daripada MPSP pernah turun banyak kali untuk membantu penubuhan MC dan JMB, tetapi malangnya semasa surat-surat dihantar dan pada hari tersebut tidak ada penduduk yang berminat untuk tubuhkan MC ataupun JMB. Selepas dipanggil oleh Jabatan COB daripada MPSP. Saya ingin cadangkan kepada Kerajaan Negeri mungkin boleh memperluaskan skim sewa beli di Jawi di mana flat-flat yang telah dikosongkan kebanyakannya pemilik adalah bank. Jabatan perumahan boleh dapatkan maklumat yang lebih terperinci dan mengatur sesi perjumpaan dengan bank-bank tertentu untuk berbincang supaya Kerajaan Negeri ataupun Jabatan Perumahan dapat membeli balik unit-unit rumah itu daripada bank. Di samping itu, Jabatan Perumahan juga menghadapi masalah penyewa rumah PPR Projek Perumahan Rakyat yang tidak menjelaskan sewa dan kos penyelenggaraan flat. Tunggakan sewa dan kos menyelenggara unit PPR sehingga tahun 2016 September adalah sebanyak RM6.9 Juta. Dan melibatkan sebanyak 2,082 penyewa. Saya minta Jabatan Perumahan ambil tindakan untuk tuntut balik tunggakan tersebut.

Isu Pendidikan, EXCO Perai ingin juga membantu. Peruntukan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan kepada Perpustakaan Negeri Pulau Pinang untuk membeli buku dan bahan-bahan bacaan telah dikurangkan sebanyak 53.1% iaitu dari tahun 2014 peruntukan sebanyak RM1.9 Juta. Untuk tahun 2015 peruntukan dikurangkan sehingga RM1.5 Juta. Dan untuk tahun 2016 diturunkan sebanyak 53.1% iaitu sehingga RM720,700 sahaja. Ini adalah satu tanda yang tidak sihat di mana telah menunjukkan Kerajaan Persekutuan tidak mementingkan pendidikan dengan tidak memberi tumpuan kepada golongan untuk meningkatkan ilmu mereka. Rakyat jelata pergi ke perpustakaan untuk membaca, meminjam buku dan juga bahan bacaan. Tetapi malangnya peruntukan dikurangkan sebanyak 53%. Ini akan menjelaskan pertambahan buku – buku baru di perpustakaan. Sebaiknya Kerajaan Negeri Pulau Pinang masih kekal memperuntukan RM8 juta setiap tahun kepada Perpustakaan Negeri Pulau Pinang termasuk Perpustakaan Desa dan juga Perpustakaan Bergerak.

Isu untuk kebajikan. Saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya dapat mempertimbangkan untuk membina pusat jagaan untuk orang yang terencat akal. Saya berpendapat pusat ini adalah penting supaya ibu bapa dapat menghantar anak mereka ke pusat jagaan ini pada waktu bekerja dan mengambil anak mereka selepas waktu kerja. Terdapat segelintir golongan keluarga yang miskin di mana salah seorang ibu bapa mereka terpaksa berhenti kerja untuk menjaga anak mereka yang terencat akal dan menyebabkan beban kehidupan mereka lebih berat. Isu pekerja asing dan penempatan warga asing. Berdasarkan perangkaan daripada Bahagian Warga Asing di Imigresen Negeri Pulau Pinang, bilangan pekerja asing yang berdaftar di Negeri Pulau Pinang adalah seramai 16,311 orang. Yang mereka meliputi dalam sektor berlainan seperti sektor pembantu rumah sebanyak 1,311 orang, sektor pembinaan 1,243 orang, sektor perkhidmatan sebanyak 2,155 orang, sektor perlilangan yang paling banyak adalah 11,218 orang, sektor perladangan sebanyak 29 orang sahaja, dan sektor pertanian sebanyak 155 orang. Kita mendapati bahawa kebanyakan daripada mereka bekerja di sektor perlilangan di mana mereka akan sewa rumah di kawasan perumahan yang akan mendatang masalah-masalah kacau ganggu, kebersihan di persekitaran rumah dan juga isu takungan air akan menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes. Ada juga mereka sembelih ayam di depan rumah dan sisa-sisa ini dibuang merata tempat mengikut statistik di kawasan Seberang Perai terdapat sejumlah 410 unit kediaman yang diduduki oleh warga asing. Sebanyak 64 unit rumah di SPU, di SPT pula sebanyak 208 dan di SPS sebanyak 138. Saya ingin meminta Kerajaan Negeri secepat mungkin untuk membuat pembinaan asrama warga pekerja asing supaya dapat selesaikan masalah kebersihan dan kacau ganggu di kawasan perumahan serta warga tempatan dapat hidup dalam persekitaran yang lebih bersih dan selesa. Silakan.

#### **Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Minta laluan. Tadi tak sempat minta laluan semasa bincang tentang pusat jagaan untuk kanak-kanak terencat akal. Saya minta laluan kerana saya rasa isu ini adalah penting juga dalam negara kita di mana satu kita elakkan daripada menggunakan terma terencat akal, ini mereka yang ada masalah pembelajaran mungkin. Masalah di negara kita, sistem kebajikan masih menganggap mereka yang kurang upaya sebagai satu (1) golongan yang tidak berupaya dan perlu dijaga. Format baru untuk negara-negara maju adalah bukan untuk mengadakan pusat jagaan tetapi pusat pemulihan. Perkataan pemulihan ini bersifat membantu mereka (dengan izin)....*to become people who are enabled and empowered*. Bukan untuk menjaga mereka tetapi untuk membantu mereka sebaik mungkin mendapat pengetahuan kemahiran kebolehan agar boleh menjadi berdikari dengan sebaik mungkin. So saya rasa *the format* untuk kebajikan, *format* untuk mengendalikan mereka yang kurang upaya itu adalah amat penting dan tanggapan yang betul-betul perlu di negara kita Pulau Pinang dan Jawi dan mana-mana harus ke arah tanggapan yang lebih betul iaitu untuk membolehkan mereka yang kurang upaya dan bukan untuk menjaga mereka. Terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Terima kasih kepada YB. Pulau Tikus. YB. Dato' Yang di-Pertua pada tahun 2015, Kerajaan Negeri telah mencadangkan bahawa supaya penjaja tidak boleh mengambil pekerja asing untuk memasak masakan tempatan. Pada tahun 2016 sebanyak 45 peniaga telah dikeluarkan kompaun dan surat amaran oleh MBPP dan di MPSP pula sebanyak 31 penjaja warga asing telah diambil tindakan rampasan dan tangkapan. Saya berpendapat bahawa operasi tangkapan haruslah dijalankan lebih kerap kali dan jika mendapati ada pekerja asing, pekerja warga asing yang memasak makanan tempatan, lesen penjaja tersebut haruslah digantung. Ini ialah untuk memastikan kualiti makanan tempatan terutama makanan di Negeri Pulau Pinang yang telah terkenal makan yang enak dan lazat bukan sahaja di Negara Malaysia tetapi juga di tahap Antarabangsa. Sila.

#### **Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Untuk para EXCO, dalam hal ini saya ingin memberi sedikit banyak maklum balas daripada pihak penjaja. Kerana ada penjaja yang melaporkan berasa bahawa polisi ini buat masa kini adalah tidak mencukupi dari segi perhalusan faktor-faktor. Maksud saya ada penjaja yang sebenarnya persiapan di rumah masakan di rumah masakan oleh orang asing pekerja asing mereka, mereka bawa makanan sudah siap dimasak pergi ke gerai dan mereka jual. Jadi gerai-gerai di tepi mereka tahu bahawa masakan memang daripada pekerja asing dan mereka rasa bahawa mengapa ada yang kena denda ada yang tidak kena denda walaupun masakan oleh pekerja asing. Jadi mereka rasa pelaksanaan polisi ini ada faktor-faktor tidak diambil kira. Tambahan lagi misalnya di Pesiarian Gurney, Anjung Gurney dihadapan

Sunrise Tower ada gerai yang telah diberi pengiktirafan oleh kerajaan dengan *sticker*. Kata “*oh ini dimasak oleh orang tempatan*”. Masalah dia mereka hanya memberi *sticker* kepada jenis makanan yang ada telah dipilih oleh kerajaan, misalnya laksa dan makanan yang kami fikir adalah lebih unik kepada Pulau Pinang. Tapi pelancong mereka tidak tahu apakah maksud *sticker* itu dan akhirnya apabila tidak di laksanakan dengan lebih teliti, siapa yang dapat dan siapa yang tidak dapat, garis panduan tidak di dalami, tidak dihalusi, maka wujudnya situasi dimana pelancong datang mereka salah faham *sticker*. Mengakibatkan impak kepada mereka yang tidak ada *sticker*. So actually ini bukan perkara yang boleh bawa bergurau kerana kena ada memang ada impak kepada bisnes mereka, memang ada impak ke atas tanggapan pelancong dan saya rasa semoga pihak MMK itu boleh medalam sikit polisi ini impak di mana kalau pekerja asing yang sediakan di rumah macam mana dan apakah pandangan pelancong tentang *sticker* ini, adakah kami teliti dengan cara *sticker* ini diedarkan. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Saya setuju apa yang dicadangkan oleh YB. Pulau Tikus. Di mana kebanyakan penjaja-panjaja tempatan masakan-masakan seperti kuah mereka, sup mereka, kuey teow sup, hokkien mee mereka dimasak dirumah. Persiapan semua dibuat di rumah dan kemungkinan besar masakan-masakan adalah dimasak oleh pekerja asing. Maka seharusnya Pihak Berkuasa Tempatan MBPP mahupun MPSP sepatutnya tahu sesiapa yang ada lesen menjaja, mestilah mereka adalah premis untuk pemilik lesen ini seperti mereka yang menjaja dan mereka menduduki, di mana mereka masak, haruslah di tinjau dan juga dipantau supaya dapat pastikan bukan sahaja masakan perlulah dimasak oleh warga tempatan, warga Malaysia. Tambahan juga keadaan di sekitar tempat atau dapur untuk menyediakan masakan-masakan makanan untuk dijual kepada pembeli ini, Kena bersih. Terutama dapur, di mana kita setiap kali dapat lihat MPSP, Jabatan Kesihatan bersama Kementerian Kesihatan ada untuk membuat operasi terhadap restoran-restoran di mana untuk menyemak sama ada dapur keadaan restoran itu bersih atau macam cara mereka menyediakan masakan ini adalah penting tetapi sama juga kalau Kerajaan Negeri ingin mensyaratkan dimana penjaja haruslah untuk dijaja oleh pemilik ataupun penduduk warganegara kita dan bukan pekerja asing, maka juga kena buat *sport check* kepada dengan izin Dato' Yang di-Pertua, *sport check* ini kena dibuat ke atas premis mereka yang menyediakan masakan terutama di dapur dan saya sampaikan penghujung untuk perbaasan hari ini. Marilah kita sama-sama bersatu padu untuk memajukan Negeri Pulau Pinang supaya Negeri Pulau Pinang boleh terus maju kekal di tempat pertama yang hutang yang paling rendah di Negara Malaysia dan tidak mahu mencontohi apa-apa aktiviti ataupun sikap-sikap pemimpin yang lain seperti pimpinan Barisan Nasional, saya ingin mohon menyokong supaya negeri lebih bersih.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat. Dewan ditangguhkan untuk henti rehat dan kita sambung pada jam 3.00 petang nanti.

**Dewan ditangguhkan pada jam 12.20 tengah hari.**

**Dewan bersambung semula pada jam 3.00 petang.**

**Setiausaha Dewan:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan disambung semula.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Terima kasih YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua Dewan. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam Sejahtera. *Alhamdulillah* kita semua dapat sekali lagi menghadiri Persidangan Dewan Undangan Negeri bagi Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang Ketiga Belas. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato'

Timbalan Yang di-Pertua Dewan kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam Perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan dan Usul Anggaran Pembangunan 2007 yang telah dibentangkan melalui Ucapan Bajet 2017 oleh Ketua Menteri di Dewan Undangan Negeri ini pada 15 November 2016.

Saya bersyukur diberi peluang untuk berucap di petang Jumaat yang mulia ini memandangkan ini adalah merupakan penghulu segala hari dan sebagai menghormati hari Jumaat ini dan Dewan yang mulia ini saya akan berusaha untuk menyampaikan ucapan saya, perbahasan saya dengan berhemah dan beretika.

Memetik kata-kata Ketua Pembangkang Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar, YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid pada Penggal Persidangan Keempat Mesyuarat Pertama di dalam usul ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas ucapan beliau yang berbunyi... (dengan izin) "Sistem Persekutuan berdasarkan demokrasi berparlimen yang diamalkan di Malaysia ini telah berjaya menyatukan semua Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu dan selepas itu Sabah dan Sarawak menjadi sebuah negara aman dan damai di Malaysia sejahtera, unik di dalam suasana kepelbagaian seindah pelangi. Perpaduan dan kedamaian dalam *diversity* atau kepelbagaian ini perlu dipelihara dan dijaga dengan penuh teliti kerana ianya rapuh dan sangat bergantung kepada sikap saling menghormati di antara satu sama lain dan rasa tanggungjawab kepada negara."

Oleh itu kita perlu menolak sebarang mainan politik sempit yang menanam sebarang sifat kebencian di antara kita dan memanipulasikan perasaan ketidakpuasan hati, cemburu, serta iri hati di kalangan kita. Di mana demi meraih kuasa untuk mendapat sokongan serta melunturkan keyakinan rakyat kepada suatu pihak yang lain, mainan politik atau *political games* kebencian adalah *trend* merbahaya yang akan membawa kemusnahan kepada negara. Apa yang berlaku dan dipertontonkan di dalam Dewan ini adalah cermin atau manifestasi apa yang berlaku di luar Dewan. Politik kebencian itu seperti garam untuk menambah kelazatan pada hidangan yang akan dimakan tetapi garam akan menjadi racun kalau sudah berlebihan, memudaratkan dan memusnahkan. Oleh yang demikian di petang yang mulia ini, saya akan berbahas berdasarkan fakta-fakta semata-mata, yang putih saya akan katakan putih yang hitam akan saya katakan hitam walaupun hakikatnya yang putih tidak semestinya menawan, yang hitam pula tidak semestinya tidak menarik.

Saya ingin merujuk kepada Ucapan Bajet 2017 para 10 di muka surat 4, "Pulau Pinang mencatat bajet lebihan dengan jumlah lebihan sebanyak RM574 juta bagi tempoh lapan (8) tahun dari 2008 hingga 2015". Saya yakin fakta-fakta yang dikemukakan ini adalah satu fakta yang benar dan saya melabelkannya sebagai sesuatu yang putih. Tetapi putih tidak semestinya menawan. Kecenderungan Kerajaan Negeri membandingkan pencapaian Kerajaan Negeri di bawah Pakatan Harapan yang mentadbir Negeri Pulau Pinang selama lapan (8) tahun dari tahun 2008 hingga 2015.

Berbanding dengan pencapaian di bawah pentadbiran kerajaan di bawah Barisan Nasional selama 50 tahun bermula dari 1957 hingga 2007 bagi saya adalah sesuatu yang tidak menawan. Ini adalah satu perbandingan yang tidak adil sama sekali memandangkan keadaan ekonomi Kerajaan Negeri pasca merdeka pada 1957 adalah amat berbeza. 1957 sekaki tanah di Pulau Pinang mungkin sekitar RM0.50 sen malah ada yang bernilai RM1.00 tetapi hari ini harga sekaki tanah di Pulau Pinang ada yang melebihi RM1,000 sekaki. Begitu juga dengan harga rumah dan sebagainya.

Tahun 1980-an rumah-rumah kluster di Bayan Baru cuma berharga RM14,000.00 sebuah. Tetapi hari ini rumah-rumah tersebut dijual pada harga melebihi RM300,000.00 sebuah dan mungkin lebih. Di Kepala Batas tahun 70-an menyaksikan rumah-rumah kos rendah dijual dengan harga RM7,000.00 sebuah sahaja. Begitu juga dengan harga komoditi lain seperti pakaian dan sebagainya yang dijual pada harga yang amat-amat rendah dan murah.

Dalam tempoh pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional juga negara mengalami kemerosotan ekonomi di tahun 1987 diikuti dengan kemerosotan ekonomi lagi di tahun 1997 yang turut menyumbang kepada pengecutan ekonomi negeri. Perbandingan ini juga boleh kita ibaratkan keadaan di mana kita sendiri membandingkan kejayaan yang kita capai hari ini dengan kejayaan yang dicapai oleh bapa kita pada usia yang sama tetapi kita lupa bahawa separuh dari usia bapa kita dihabiskan untuk membesar kita, menyekolahkan kita dan sebagainya. Perbandingan ini diibaratkan sebagai sesuatu yang tidak adil.

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua Dewan saya seterusnya merujuk kepada para pengurusan pencegahan banjir sebanyak RM220 juta di dalam Ucapan Bajet. Saya tertarik dengan ungkapan di dalam ucapan Ketua Menteri di para 23, "Sungguhpun Kerajaan Persekutuan hanya meluluskan RM152 juta Kerajaan Negeri mengalu-alukan dan akan terus meminta baki RM200 juta untuk melengkapkan RTD Sungai Pinang". Sikap ini harus dipuji bila kita meminta kita minta dengan baik. Berapa kita terima kita ucapkan terima kasih sebagai tanda kesyukuran. Di dalam ajaran agama baik Islam dan agama-agama lain juga sesiapa yang bersyukur tentulah akan mendapat nikmatnya yang lebih satu hari nanti. Saya percaya penderitaan rakyat Pulau Pinang yang menghadapi masalah banjir ini tidak akan dipandang sepi dan remeh oleh Kerajaan Persekutuan. Pembayaran sumbangan sebanyak RM150 juta tersebut adalah merupakan permulaan *Insya Allah*.

Kerajaan Negeri telah mengenal pasti dua jenis banjir yang berlaku di Pulau Pinang terutama yang berlaku di kawasan bandar iaitu banjir besar sungai dan banjir kilat. Banjir kilat berpunca daripada longkang, sungai ataupun perparitan tersumbat atau kejadian air pasang tinggi semasa hujan lebat dan ia berlaku di sesuatu lokaliti. Para 27, Ucapan Bajet Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sebanyak RM150 juta pada tahun 2017 kepada JPS seperti berikut:-

Sungai Permatang Rawa di Daerah Seberang Perai Tengah berjumlah RM12.6 juta;

Padang Lalang, Kampung Permatang Rawa Daerah Seberang Perai Tengah RM19.1 juta;

Bukit Tengah Daerah Seberang Perai Tengah berjumlah RM19 juta diikuti dengan;

Taman Manga, Juru atau Jalan Juru Daerah Seberang Perai Tengah berjumlah RM11.5 juta;

Alma Daerah Seberang Perai Tengah berjumlah RM9.6 juta;

Mak Mandin Daerah Seberang Perai Utara RM40 juta;

Sungai Relau Bayan Baru, Taman Iping Daerah Barat Daya dan Kampung Naran di Daerah Barat Daya. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan bahawa di kawasan saya pun ada berlaku kejadian banjir kilat. Kawasan Lahar Ikan Mati, kawasan Kampung Sentul, Kampung Datuk adalah kawasan yang sering dilanda banjir kilat.

JPS ada memberi jawapan pada saya pada penggal yang lepas bahawa masalah banjir di kawasan-kawasan tersebut telah dikenal pasti dan akan dapat diatasi setelah projek pelebaran jalan dari Jambatan Tuanku Abdul Rahman ke Jambatan Merdeka di Bumbung Lima dilaksanakan. Persoalan saya adalah adakah sebarang rancangan jangka pendek oleh Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan banjir-banjir di kawasan yang saya sebutkan tadi. Merujuk kepada para 24 Ucapan Bajet bahawa banjir kilat berpunca daripada longkang, sungai yang tersumbat.

Saya bersetuju dengan pandangan YB. Machang Bubuk semalam yang turut disokong oleh YB. Seri Delima yang menyatakan bahawa punca berlakunya masalah-masalah ini adalah disebabkan oleh sikap masyarakat kita, individu-individu, peniaga-peniaga yang masih tidak sensitif tentang penggunaan dan juga pembuangan sampah dan sebagainya. Longkang-longkang parit-parit menjadi sasaran. Saya merujuk kepada para 67 Ucapan Bajet di mana Pulau Pinang merupakan satu-satunya negeri yang melaksanakan *no free plastic bag* setiap hari.

Ini memberi gambaran bahawa *plastic bag* masih luas penggunaannya. Sekiranya pengguna sudi membayar maka mereka adalah dibolehkan untuk menggunakan beg-beg plastik. Bagi saya tujuan Kerajaan Negeri adalah untuk mengurangkan penggunaan beg plastik tetapi dengan membayar RM0.20 sen pengguna boleh dibekalkan dengan beg-beg plastik. Charge RM0.20 sen adalah terlalu kecil. Anak-anak kecil hari ini pun tidak meletak nilai pada duit RM0.20 sen. Bagi pengguna yang berbelanja di *supermarket* tentulah jumlah RM0.20 sen sesuatu yang *negligible*. Saya mencadangkan agar kutipan RM0.20 sen ini dinaikkan kepada satu nilai yang memberi kesan kepada pengguna untuk berfikir dua kali untuk membeli beg-beg plastik yang ditawarkan.

### **Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Minta laluan, sejak tahun 2009 Kerajaan Negeri telah mula dengan kesedaran hari tanpa *plastic bag* percuma dan pada hari ini jika Kerajaan Pusat berusaha bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang saya berkeyakinan bahawa ini boleh diselesaikan. Warga Negeri Pulau Pinang memang pada kini, kebanyakan mereka telah ambil *recycle bag* atau *eco bag* atau *shopping bag* ke *supermarket*. Apa yang Negeri Pulau Pinang hadapi adalah pelancong-pelancong tempatan atau negara asing. Mereka tidak sedar. Jika kami berusaha sebagai satu untuk dan demi alam sekitar. Saya mencadangkan Kerajaan Pusat boleh ambil inisiatif Negeri Pulau Pinang untuk ke seluruh Malaysia. Saya telah banyak kali mengatakan yang Pulau Pinang *didn't copyright* cara untuk *no free plastic bag day*. Tetapi saya ingin bahawa Kerajaan Pusat, *copy it right* kerana Kerajaan Pusat hanya gunakan dua (2) hari, hari Sabtu dan Ahad. Serta cara kutip kewangan, mereka biar kepada *supermarket*. Negeri Pulau Pinang, kami kutip RM0.20 sen, mereka serah kepada Kerajaan Negeri atas nama Bendahari Negeri. Akan tetapi, untuk lain-lain, mereka boleh kutip kewangan dan pakai secara mana mereka boleh. Ini adalah dasar Kerajaan Pusat tetapi saya lagi yakin dalam Mesyuarat MEXCOE, saya telah beritahu rakan-rakan EXCO yang hadir mesyuarat ini, saya merayu pada mereka untuk ikutlah Negeri Pulau Pinang.

Negeri Pulau Pinang sebagai satu *center of excellent* yang telah dirakamkan dan juga di juga diarahkan oleh United Nations Environment Programme sedia untuk bantu mereka. Johor, Selangor, Perak, Melaka telah mengikut. Saya merayuh mari kita bersatu hati untuk seragamkan untuk seluruh Malaysia dan itulah satu cara *the way forward* dan juga saya memohon agar mereka juga mengikut sama seperti Pulau Pinang *total banned of polystyrene food container* untuk *direct food consumptions*. Ini rayuan saya.

### **Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Terima kasih YB. Sungai Puyu atas penjelasan. Saya juga merujuk kepada Para 26 yang masih di bawah banjir. Bagi mengatasi dan mengurangkan kejadian banjir kilat, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang telah diarah untuk menggiatkan lagi kerja-kerja pengurusan sungai, membaiki tebing-tebing sungai yang runtuh, menyelenggara infrastruktur saliran dan menyelaras projek-projek mitigasi banjir di seluruh negeri. Saya ingin merujuk Dewan kepada satu laporan atau pun artikel di dalam Berita Harian bertarikh 13.10.2016. Tajuk artikel "masalah saliran tahap kritikal". Izinkan saya membaca Yang Berhormat. "Pulau Pinang dijangka menghadapi banjir kilat lebih kerap jika masalah saliran tidak diselesaikan segera. Hasil kajian Pusat Penyelidikan Kejuruteraan dan Saliran Bandar, Universiti Sains Malaysia, mendapati ketika ini Pulau Pinang menghadapi masalah saliran yang kritikal berikutan kepadatan kawasan akibat pembangunan yang tidak terkawal. Pengarah REDAC USM, Professor Dr. Nor Azazi Zakaria berkata, kedudukan geografi Pulau Pinang yang turut bergantung kepada pasang surut air laut menyebabkan masalah banjir kilat bertambah buruk terutama ketika hujan lebat. Cuma, apa yang saya nak kongsikan di sini adalah cadangan beliau agar kita memitigasikan selain daripada yang disenaraikan di dalam perenggan 26.

Sehubungan itu, katanya antara kaedah sesuai dilaksanakan bagi menangani masalah banjir kilat adalah dengan membina kolam takungan bagi mengumpul air permukaan dari longkang sebelum dialirkan terus ke sungai. Katanya, disebabkan Pulau Pinang sudah tidak mempunyai kawasan lapang untuk membina kawasan tадahan air, ia tetap boleh dilaksanakan menerusi sistem takungan menggunakan tangki. Ini adalah cadangan beliau selaku seorang profesor. Jika setiap rumah atau bangunan mempunyai tangki takungan, ini boleh menakung sekurang-kurangnya 1 meter padu air ketika hujan lebat. Saya percaya Pulau Pinang tidak akan berhadapan banjir kilat lagi. Air yang ditakung itu akan dilepaskan di sungai selepas hujan reda atau boleh juga digunakan untuk mencuci kereta sekaligus menjimatkan penggunaan air katanya. Jadi, tujuan saya berkongsi artikel ini adalah untuk menyarankan kepada pihak EXCO berkenaan untuk kita mempertimbangkan cadangan profesor ini dan beliau pun hanya berada di USM, dekat sahaja. Itu yang saya maksudkan.

Saya seterusnya merujuk di bawah pengurusan alam sekitar yang mampan. Perenggan 66 Ucapan Bajet "Kerajaan Negeri tidak pernah membenarkan pembalakan di hutan simpan kekal di Pulau Pinang malah tidak seinci pun boleh ditebang. Malah Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan untuk penanaman 271 ribu batang pokok baru di seluruh negeri sejak tahun 2008. Pada tahun 2017, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM1.9 juta kepada Jabatan Perhutanan Negeri untuk melaksanakan antara lain program pengurusan sumber hutan, memelihara dan perlindungan, publisiti

dan pengembangan. Pertama, saya ingin memuji pendirian Kerajaan Negeri dengan prinsip dan dasar kerajaan yang tidak membenarkan sebarang aktiviti pembalakan di hutan simpan. Malah, seinci pun tidak boleh. Kedua, saya ingin merujuk Kerajaan Negeri bahawa dasar dan pegangan Kerajaan Negeri tersebut mungkin telah diceroboh. Saya merujuk kepada surat khabar The New Straits Times, kalau Yang Berhormat Seri Delima suka menggunakan khidmat paper *The Star*, *The People's Paper*. Saya menggunakan *The New Straits Times* bertarikh 13/10/2016 tapi saya tak tahu... (gangguan). *The New Straits Times* dia menyokong YB. Phee Boon Poh. Dia tak tulis *whose paper*, tapi dia tulis "made from 100% recycled paper". Ini menyokong juga.

Izinkan saya membaca tajuk utama surat khabar tersebut, "*Penang under threat again....(dengan izin), the 105 year old Bukit Relau permanent forest reserve is one of at least two state reserves that have been encroached on for agricultural use. Large tracks of land have been cleared, streams have been narrowed due to water being siphoned to farms. And land slides are an imminent risk.* Jadi di sini, saya harap sangat-sangat kejadian *encroachment* tanah-tanah *reserve* dan sebagainya, tanah-tanah yang berhampiran dengan *reserve land* ini haruslah di ambil tindakan segera dan tindakan yang boleh menghentikan sebarang *encroachment* dengan serta-merta sebab kalau dibiarkan saya percaya, *reserve land* ini tetap akan diceroboh dalam skala yang besar.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Terima kasih. Kenyataan NST saya telah menjawab. Saya telah tunjuk dengan bukti yang kukuh bahawanya mereka tidak mengukur akan tetapi mereka melihat tanda *sign board* ini masuk ke hutan simpan dan mereka telah menggunakan ini sebagai satu gambar untuk kata ini adalah hutan simpan dan telah dicerobohi. Di sini, saya boleh beritahu jika kami buat semakan, kebanyakan pencerobohan adalah warisan kerajaan ini. Seperti yang dikatakan di Relau, di mana apabila PDC ambil tanah di sana, mereka terus biar penduduk-penduduk di sana walaupun telah dibayar untuk membangkang aktiviti di sana. Jika Ahli Yang Berhormat begitu nak tahu kisah benar, saya boleh susun atur dengan kereta, bawa Yang Berhormat pergi sana dengan *surveyor*, tengok apakah benar. Kalau kami kata NST, saya boleh kata tidak boleh percaya kerana NST ini dia memang selalu *play out issue* tanpa siasatan kerana NST difahamkan adalah organ propaganda Barisan Nasional.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Jadi wartawan-wartawan NST di luar, sila ambil perhatian.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya bersetuju dengan apa yang telah dibahaskan oleh Yang Berhormat bahawa masalah-masalah pencerobohan bukit, penerokaan bukit, harus diberi perhatian. Tetapi adakah Yang Berhormat setuju dengan saya, di Pulau Pinang kalau kita lihat, kejadian yang berlaku yang dilaporkan sehingga hari ini adalah kejadian di Bukit Botak. Di mana, di atas desakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, tindakan telah diambil terhadap penceroboh, pemaju berkenaan. Pertamanya. Kedua, walaupun desakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, EXCO, Ketua Menteri mendesak supaya tindakan yang lebih tegas diambil, tindakan mendakwa pemaju tersebut terletak kepada budi bicara Jabatan Peguam Negara. Yang Berhormat sendiri yang merupakan seorang peguam, sedia maklum tentang perkara tersebut. Perkara yang saya ingin menarik perhatian adalah begini, jika dibandingkan dengan kejadian-kejadian di Pahang, Kelantan, Genting Highland, Cameron Highland, kejadian yang jauh lebih teruk. Yang Berhormat setuju dengan saya, tiada sebarang inisiatif daripada Kerajaan Negeri Pahang, Kerajaan Negeri Kelantan, mendesak Jabatan Peguam Negara untuk mengambil sebarang tindakan berbanding dengan satu sahaja kejadian pencerobohan di Pulau Pinang di mana Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah pun menyarankan supaya tindakan diambil.

Dan untuk makluman Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sendiri maklum bahawa selepas Mahkamah Tinggi mengenakan denda RM30,000. Kerajaan Negeri ataupun di atas permintaan Ketua Menteri, Pejabat EXCO YB. Jagdeep telah pun menulis surat meminta rayuan dibuat ke Mahkamah Rayuan supaya denda itu ditambahkan. Adakah apa-apa perkara yang sama dilakukan oleh kerajaan? Mungkin Yang Berhormat tidak berada di dalam kedudukan untuk menjawab, tapi sekurang-kurangnya kita sedia maklum bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak memandang ringan terhadap pencerobohan-pencerobohan sebegini.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Terima kasih YB. Seri Delima. Berkennaan dengan Bukit Botak, kes-kes yang dibawa terhadap Bukit Botak, saya rasa perkara itu telah berulang-ulang kali kita sebut dalam Dewan ini. Untuk pengetahuan semua, saya juga telah difahamkan bahawa program mitigasi Bukit Botak telah selesai cuma program restorasi belum bermula. Walau bagaimanapun, soalan Yang Berhormat Seri Delima samada saya mempunyai maklumat, pengetahuan tentang negeri-negeri lain, tentulah tidak. Walau bagaimanapun, tindakan Kerajaan Negeri, yang merayu dan sebagainya, saya rasa itu menurut lunas undang-undang bagi sebuah kerajaan yang peka. Walau bagaimanapun, ingin saya katakan di sini bahawa kejadian *encroachment* dan sebagainya, ini sebagai satu *precaution*. Bukan satu tuduhan. Jangan kata saya meletakkan seolah-olah Kerajaan Negeri membiarkan sebab *encroachment* ini bukan sesuatu yang halal. Nama pun *encroachment*. Saya harap pihak YB. Seri Delima boleh faham apa yang telah saya maksudkan. Di bawah tajuk banyak sungguh dengan YB. Phee ini. Di bawah tajuk Negeri Kebajikan saya ingin merujuk kepada laporan *Penangkini* berkenaan dengan laporan yang dibuat oleh Pengerusi Jawatankuasa Alam Sekitar, Kebajikan dan Masyarakat Penyayang Negeri, YB. Phee Boon Poh yang mengatakan masalah pengemis dan kutu rayau yang kian meningkat di Pulau Pinang sesuatu yang amat membimbangkan. Dalam tempoh 9 bulan pertama tahun ini, sebanyak 432 individu telah ditahan dan sebagai usaha menjadi sebuah negeri kebajikan seperti dalam pembentangan bajet 2017... (gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Sebelum awak pergi ke lain tempat, jangan kata ditahan, diselamat. Ditahan dan diselamat itu tidak serupa. Kami selamatkan mereka, kami bagi mereka tempat duduk, bagi makan, kami serah balik kepada keluarga. So jika Yang Berhormat menggunakan perkataan tahan, saya buat bantahan. Tetapi harus kata diselamatkan. *Thank you.*

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Saya tidak ada masalah untuk membuat *correction* sebab ini adalah daripada laporan yang saya petik. Ini cetakan. Walau bagaimanapun, kalau mereka diselamat sekalipun, cuma soalan saya, apakah usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menangani isu pengemis dan kutu rayau ini? Sebagaimana Yang Berhormat cakap tadi, ditahan dan diselamat adalah dua (2) perkara yang berbeza dan soalan saya pun, apakah usaha untuk menangani, *to solve this problem*, pengemis dan kutu rayau ini? Adakah hendak jawab sekarang atau penggulungan?

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Ya, saya akan jawab sekarang. Di sini seperti di Dewan, pada masa saya duduk di kerusi Ketua Pembangkang, saya telah tanya Kerajaan Negeri bahawa Kerajaan Negeri telah bagi sebidang tanah, lebih kurang tujuh (7) lebih ekar tanah di SPS untuk membinakan satu pusat, di mana yang diselamatkan akan hantar di sana. Jawapan adalah ini adalah terserah kepada Kerajaan Persekutuan, *Federal*. Saya lagi merayu dan dia kata, kemungkinan akan ada dalam *rolling plan*, dia *rolling "mai pusing mai pusing pi"* sehingga kini pun belum bina. "Pi mai pi mai tang tu" juga. Baru-baru ini bila kami kata, bila hendak bina? Dia kata, ini adalah dalam kerja tanah sudah mula tetapi sudah dua tahun kerja tanah dimulakan. Apabila Menteri datang ke Pulau Pinang, dia kata saya mencadangkan pusat ini jadi macam ini, jadi macam ini. "Pi mai pi mai tang tu". Jikanya 10 tahun yang dahulu pusat ini telah dibina, kami boleh selesaikan banyak perkara. Saya juga mencadangkan untuk menggunakan tapak di Rotary Department di Jalan Gurdwara. Tetapi apabila kami tulis surat pada mereka, tidak dapat jawapan. Sana terbiar kosong, tanah lapang sepatutnya *federal list* tanah kosong, pada kini mereka tidak boleh, mereka sewa pada orang. Tetapi untuk Kerajaan Negeri untuk selesaikan masalah ini memang mereka tidak bersetuju. Kemungkinan kami hendak buat kerja ini, kemungkinan kami mahu buat macam ini. Berilah kami menyelesaikan masalah ini kerana jika hari ini Kerajaan Pusat boleh membenarkan saya menggunakan ini *Rotary Department*, di sana telah siap sedia ada tapak dan bangunan, saya boleh ubah suai. Dalam enam bulan, saya ada keyakinan boleh wujudkan satu orang kata *halfway house* untuk mereka.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

YB. Sungai Puyu, itu nanti dalam penggulungan. YB. Bertam tidak boleh tanya lagi lain kali. Buat perbahasan sahaja. Silakan.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

YB. Timbalan Dato' Speaker, saya hendak bagi...(gangguan).

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Nanti, nanti.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Saya hendak bagitahu kerana dia orang baharu, dia tidak tahu...(gangguan).

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Bagi laluan buat YB. Telok Ayer Tawar.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

YB. Bertam bagi laluan kepada saya. Terima kasih YB. Sungai Puyu. Saya ingin memaklumkan kepada YB. Sungai Puyu dan saya rasa YB. Sungai Puyu pun sedia maklum bahawa memang sudah ada inisiatif bagi pihak Kerajaan Negeri sendiri di bawah Barisan Nasional dahulu untuk menyediakan *halfway house*....(dengan izin) dan EXCO Kebajikan masa itu mendiang Subaiyah, tengah berurusan dan kita bertukar tangan. Saya, *I was hoping*, berharap kerajaan yang pegang ambil alih ini boleh meneruskan usaha itu. Jadi tadi kalau sudah ada tapak, sudah buat permohonan? Jadi kalau buat permohonan, kita semua boleh sokong, tidak ada masalah. Tetapi kena ada inisiatif daripada Kerajaan Negeri, berusaha untuk menyelesaikan masalah ini.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Silakan YB. Bertam teruskan. Nanti tanya pi, tanya mai lagi...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

YB. Dato' Speaker...(gangguan).

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Saya minta teruskan. Tidak mengapa, nanti peluang Yang Berhormat untuk gulung banyak. Nanti habis modal pula.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Kalau pada kini, saya minta ruang masa. Nanti boleh kurangkan masa saya masa penggulungan. YB. Dato' Timbalan Speaker, kerana ini adalah satu jawapan, satu kenyataan yang tidak bertanggungjawab kerana pada masa itu tanah telah diserahkan kepada Kerajaan Pusat. So bila telah serah kepada Kerajaan Pusat, Kerajaan Pusat ambil tanggungjawab untuk membina. Saya kata, bila saya memohon, mereka kata dalam *rolling plan*, *rolling plan* bermaksud pusing, pusing sehingga kini.

Tahun yang lepas 2015, baru buat pecah tanah sahaja. Kalau hendak tahu, saya percaya bahawa Ahli Yang Berhormat daripada Sungai Aceh sudah tahu kerana dia daripada SPS, dia tahu ini semua tetapi buat diam.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Jangan jawab. Sila-sila YB. Bertam teruskan.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud bin Zakaria):**

YB. Dato' Speaker, sebenarnya sepatut yang tahu ialah YB. Jawi tetapi saya hendak jelaskan, tanah ini adalah tanah di Sungai Daun, Jalan Kaladonia kerja-kerja tanah sudah siap dibina dan tender untuk *building* telahpun telah ditawarkan kepada kontraktor. Saya ingat *roughly* RM4.4 juta. Kalau tidak tepat, minta maaf. Maknanya YB. Sungai Aceh tahu lebih daripada YB. Sungai Puyu. Terima kasih.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Teruskan. Duduk semua.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Dia tahu sebab dia kerja di Pejabat Daerah. Soalan pokok....(gangguan).

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Nanti buat dalam penggulungan.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Yang penting sekali, bilakah tanah ini telah serah kepada Kerajaan Pusat untuk maksud dan tujuan, bila? Sudah berapa tahun? Adakah lebih daripada 10 tahun. Dan jika hendak kata YB. Jawi, memang YB. Jawi orangnya baru, seperti Penaga, dia tidak tahu.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Saya tahu, saya tahu. Duduk semua.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Tahu memang tahu. Sudah berapa tahun? Kalau tidak salah tanah ini terserah kepada Kerajaan Pusat, 15 tahun. Kalau tidak salah.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Saya teruskan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

YB. Bertam, sedikit sahaja mengenai kutu rayau.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Sudah. YB. Seri Delima sudah. Kita tidak tidur dah.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sedikit sahaja. Saya dimaklumkan bahawa ada sindiket di mana di kawasan saya sendiri, saya telah buat laporan kepada Jabatan Kebajikan, ada van yang menghantar pengemis-pengemis. Lepas mereka melaksanakan tugas mereka mengutip, mengemis di situ, van mengambil balik mereka. Itu adalah perkara yang saya minta pihak kebajikan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Saya sebenarnya, saya mempersoalkan apakah usaha Kerajaan Negeri untuk menangani isu pengemis dan kutu rayau, untuk pengetahuan semua, ini bukan satu yang boleh diselesaikan dalam satu malam. Sebab pengemis hari ini adalah pengemis yang memilih mengemis itu sebagai satu profesion. *It's a profession.* Dulu kita tahu, miskin, dibuang keluarga dan sebagainya dan mengemis. Tetapi hari ini pengemis merupakan *professional*. Dilaporkan baru-baru ini ada pengemis yang boleh buat sehari RM700. Kutipan RM700 sebab kalau orang seperti saya, tidak boleh tengok pengemis, hati saya belas. Mesti saya bagi, orang macam 'Tok Mud' pun bagi, YB. Seri Delima saya kurang pasti. Bagi tidak?

Begitu juga dengan kutu raya ataupun gelandangan. Gelandangan ini kalau kita baca, itu pun ada setengahnya, bukan semua, memilih untuk berada dalam situasi berikut. Sebab itu sebelum kita menubuhkan apa-apa *center* sekalipun, mereka akan tetap kembali kepada pekerjaan yang mereka pilih. Itulah soalan saya. Sebab itu apabila kita meletakkan *center* sebagai penyelesaian sebenarnya itu bukan penyelesaian. Kita tidak boleh bandingkan dengan paun, YB. Padang Kota sudah buat paun saya rasa. Sudah pindahkan satu paun dari Jalan Badawi, paun anjing. Anjing lain, kita faham, paun kucing dan sebagainya sebab kita boleh menawarkan kepada orang ramai datang dan ambil dan bela, *adopt* kucing dan anjing ini tetapi kalau pengemis dan sebagainya, saya ingat tidak ada siapa yang sanggup hendak ambil dan sebagainya. Inilah satu penyelesaian yang sukar dicari sebenarnya.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sedikit sahaja Bertam. Saya hendak menyumbang pendapat saya. Mereka juga bermain atas psikologi...(gangguan).

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Seri Delima belum cakap lagi, nanti boleh cakap dalam...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Betul YB. Dato' Speaker tetapi ini berkongsi pengalaman dan juga dengan pihak Jabatan Kebajikan di mana mereka akan cuba mencari tempat yang berpusu-pusu dimana terdapat ramai orang dan keadaan pakaian yang di pakai oleh mereka juga adalah agak, dengan izin menggunakan perkataan menjijikan bukan berniat untuk tidak hormati mereka, untuk meraih simpati. Tetapi selepas mengutip kita lihat cara mereka berjalan, memang semua anggota badan berfungsi dan ada van yang datang membawa mereka balik. Jadi ini adalah perkara yang kita harus dan kebanyakan mereka adalah warga negara asing. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

YB. Dato' Timbalan Speaker, saya ingin meneruskan perbahasan saya hari ini, merujuk kepada soalan-soalan bertulis yang saya kemukakan kepada Kerajaan Negeri. Pertama ialah berkenaan dengan wifi percuma. Soalan saya nombor 21 berbunyi, perkhidmatan wifi percuma. Nyatakan lokasi yang menawarkan perkhidmatan wifi percuma di Pulau Pinang. Senaraikan mengikut daerah. Kedua, adakah kawasan DUN Bertam mendapat perkhidmatan wifi percuma, jika tiada tiada bagaimana pemilihan kawasan dibuat dan (c) jika ada rancangan perkhidmatan ini di kawasan DUN Bertam, bila akan dilaksanakan. Saya tertarik dengan jawapan tetapi saya hendak jawapan yang lebih mendalam. Pertama, 21 (a), sebanyak 1560 *hotspot*, *access point AP* perkhidmatan wifi percuma di bawah program *Penang Free Wifi* telah disediakan oleh Kerajaan Negeri. Senarai lokasi mengikut adalah seperti di Lampiran A. Saya hendak tanya Yang Berhormat semua ADUN-ADUN. Ahli-Ahli semua tahu tidak di mana *hotspot* di

kawasan masing-masing? *Detail?* Tentu tidak boleh *detail* sebab banyak. Kawasan DUN Bertam juga telah mendapat perkhidmatan *Penang Free Wifi* melalui 10 *hotspot* yang telah disediakan. Saya sebenarnya YB. Dato' Timbalan Speaker, ini adalah satu usaha yang murni membantu mereka yang ingin menggunakan khidmat wifi. Tetapi yang saya pertikaikan di sini adalah pemilihan *hotspot*. *Spot-spot* yang akan diberi perkhidmatan wifi percuma. Adakah pemilihan *hotspot* ini dibuat secara rambang, dirujuk kepada ADUN-ADUN tempatan sebab saya tengok, pengagihan, pemilihan, saya hendak rujuk kepada YB. Seri Delima dahulu. YB. Seri Delima ada 27 *hotspot* yang dapat wifi percuma. Tidak apa, bagus, *free*. Tetapi yang saya seronoknya, tengok ya, YB. Seri Delima, *hotspot* ada di mana? Saya pilih yang yang cantik-cantiklah. Cristal Height Library, sebab ramai budak-budak yang pergi, baca buku, pelajar university, pelajar sekolah. Kemudian kita ada Island Park Kopitiam. Kopitiam ini Melayu pun boleh masuk, India pun boleh masuk, semua pun boleh masuk dan berinteraksi. Kemudian di sambung dengan Delima Mas Café, Seri Delima tentulah Delima Mas Café, jangan kita tinggal. Itu saya kurang pasti tapi kita boleh *check* kemudian disambung dengan *Cathedral Of The Holy Spirit Church*, di Gereja ada *hotspot* kemudian ada mana ada lagi *Church Of Victory ELCM* ada *hotspot*, kemudian Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil ada *hotspot*, Taman Permainan, Food Court kemudian saya juga merujuk kepada ADUN-ADUN lain juga sebab apa bagi saya YB. Penaga pun ada semua cantik-cantik *hotspot* sebenarnya.

Dewan JKKK ada, surau ada, masjid ada dan sebagainya, yang menjadi masalah kepada saya ini saya nak merujuk kepada Bertam, Bertam tak minta 70 tak minta apa. Tapi dapat 10 Dato' Batu Maung, Dato' dengar kawasan depa bagi dekat saya ini dan saya nak baca okey kalau Telok Bahang dulu Farid, SHK Teguh Enterprise tak apalah kemudian Gerai Perniagaan, Dewan JKKK, Abd Halim Cafe kemudian Perpustakaan Komuniti sedap kita dengar kemudian Bayan Lepas pun ada Persatuan Penganut Dewa Tua Pek Kong tak apa, Kabin JKKK kita faham orang mai ramai tapi bila mai dekat Bertam ini saya nak cerita. Pertama Kedai Kopi Hock Aun, Jalan Bertam kedai ini tak besar mana pun tak ramai kemudian yang ini saya seronok sangat ini Kedai Kasut Lewah pun *honestly*. Kedai Kasut kemudian apa lagi UE Optical, kedai Cermin Mata berapa orang buat cermin mata. Saya rasa tempat-tempat macam ini walaupun di sekitar dan sebagainya kita kena pilih di mana penggunaanya adalah macam saya sebut tadi kalau *Cathedral* tentulah orang yang mai sembahyang dan sebagainya kalau di Sekolah tentulah para pelajar, Perpustakaan para pelajar. Ini kita pilih letak di kedai-kedai yang macam ini, kedai kasut yang *bestnya* saya tengok satu lagi ini *Top Inn Fashion Tailor* pun satu lagi depa pilih kat saya dan Sooi Hin kedai Basikal, saya tak tipu. Cuma ada sepuluh sahaja untuk Bertam tetapi pilih lah yang elok sikit. Saya nak habaq di Kepala Batas, tempat saya KADUN Bertam kita ada Dewan Millenium. Kan sedap dengar orang dok petang-petang *jogging*, kita ada Masjid, kita ada Hospital Kepala Batas, Perpustakaan Kepala Batas semua ada bagilah sedap sikit betul dak? Bagi sedap sikit. YB. Penaga dok gelak, mai nak baca YB. Penaga pulak, kedai Penaga Perabot Lee tau tak kat mana? Tak tau? Kemudian macam itu la jadi saya minta di sini supaya kalau boleh kita pilihlah tempat-tempat kita nak letak *hotspot* ini kita boleh diguna oleh orang ramai dalam skala yang besar dan satu lagi kita ambil kira orang yang nak pakai Wifi ini orang-orang yang tak mampu nak ada internet sendiri nak ada Streamyx dan sebagainya. Barulah berbaloi Kerajaan Negeri membelanjakan duit dan ini pun satu program yang mahal.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Tanya boleh?

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

YB. Penanti? Sila.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Nak tanya nak tahu sebab saya dulu ada memohon saya buat surat sebab wifi di tempat saya di Bangunan UMNO, saya minta dah dimohon di Kerajaan Negeri wifi yang baru yang YES itu kan letaklah dekat tempat lain tapi ditolak jadi saya nak tolak. Jadi saya nak minta di *check* betulkah *still* di bangunan UMNO ke?

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Nanti saya nak kena baca sebab permintaan YB. Penanti kita tak boleh tolak satgi dia menangis, dia ada 25 *hotspot*, 25 dia kawan saya. Yang Berhormat dia ada 25 *hotspot* di Penanti, pertama Yayasan Aman, kedua Morden Electrical, Selera Petang, YS Mega Electric, Pusat Khidmat ADUN Penanti yes tapi yang saya hairan dia sendiri tak tau, kemudian kita ada Dewan JKKK.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Yang dekat Guar Perahu bukan saya punya.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Ha? Bukan Pusat Khidmat ADUN Penanti Guar Perahu.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Bukan, itu ADUN yang dulu.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Okey, ADUN tu tak ada tapi dapat wifi tu kat dia, mana boleh yang persatuan Tan Sie Eng Chuan Pong, Chuan Seng Machinery, Yoo Huat Restaurant dan Art Wood itulah ada 25, Bangunan UMNO tak ada saya tak nampak. Tak ada Yang Berhormat tak sebut pun Yang Berhormat rajin ka pi Bangunan UMNO?

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Tak, saya ada buat rayuan supaya yang baru itu ditukar ke Pusat Khidmat saya, dalam senarai itu tak ada dah? Okey.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Tak ada, jadi saya mintalah kalau boleh saya dapat sedikit penjelasan dan juga kalau boleh kriteria-kriteria kedai-kedai ini dipilih mungkin dalam penggulungan saya minta kalau boleh dan saya seterusnya ke soalan saya yang nombor 8 yang telah pun dijawab oleh YB. Chow Kon Yeow. Pengwujudan Pusat *Cyber Cafe* dan Permainan Video di Kepala Batas, soalan saya berapakah jumlah pusat-pusat berkenaan dalam Kepala Batas, senaraikan nama premis dan alamat. Soalan dua, adakah pusat-pusat tersebut diberikan lesen? Soalan tiga, adakah ada pemantauan di setiap premis memandangkan ramai pelajar sekolah sering ponteng dan berada di premis berkenaan. Jawapan yang saya terima hasil pemantauan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) didapati sebanyak tujuh (7) pusat *Cyber Cafe* dan permainan video beroperasi di Kepala Batas dan perincian nama dan alamat premis adalah seperti berikut :-

1. Skyfire Computer Centre
2. Blitz Tech Dot Com
3. C World Enterprise
4. G Two World
5. Freedom Zone Enterprise
6. Cexex Seven Enterprise

7. Plan B. Ini jawapan yang kata ada tujuh (7).

Jawapan yang kedua jawab, sebanyak tiga (3) daripada tujuh (7) pusat *Cyber Cafe* dan permainan video yang beroperasi di Kepala Batas memiliki lesen. Bagi premis yang tidak memiliki lesen, MPSP telah mengambil tindakan penguatkuasaan dengan mengeluarkan kompaun. Senarai tiga (3) premis yang berlesen adalah seperti berikut :-

1. Skyfire Computer Centre
2. Blitz Tech Dot Com
3. C World Enterprise

dan soalan ketiga saya adakah ada pemantauan di setiap premis memandangkan ramai pelajar sekolah sering ponteng dan berada di premis berkenaan? Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa menjalankan tindakan pemantauan terhadap aktiviti pusat *Cyber Cafe* bagi memastikan syarat-syarat pelesenan dipatuhi oleh pengusaha *Cyber Cafe*. Antara tindakan diambil terhadap pengusaha yang melanggar syarat-syarat adalah seperti berikut :-

1. Pengeluaran surat tunjuk sebab kepada pengusaha perniagaan.
2. Pengeluaran kompaun kerana tidak mematuhi syarat-syarat pelesenan.
3. Pembatalan lesen
4. Memastikan setiap premis-premis ini beroperasi tidak melebihi masa yang telah ditetapkan.

Jadi persoalan saya ada tujuh (7) yang dijawab, tiga dikatakan berlesen dan empat tidak berlesen. Kenapa empat tidak berlesen ini masih beroperasi.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud bin Zakaria):**

Terima kasih YB. Permatang Berangan, YB. Dato' Timbalan Speaker saya cuma ingin dapat....(gangguan). YB. Bertam, maaf saya ingin mendapatkan penjelasan berkait dengan lesen, tadi YB. Bertam sebut ada yang ada lesen ada yang tak ada lesen. Ada yang berlaku di tempat saya katanya berlesen tapi difahamkan setelah semakan dibuat lesen itu merupakan lesen palsu jadi adakah benar wujudnya lesen palsu yang dikeluarkan secara sulit oleh pihak tertentu bagi pihak PBT atau MPSP dan sekiranya benar berlaku dan apakah tindakan susulan kepada keadaan ini? Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) :**

Saya harap EXCO akan menjawab dalam penggulungan dan saya seterusnya....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Yang Berhormat saya nak tanya sama ada ada bukti tak, ada bukti tak membuktikan kenyataan ini, tak boleh membuat kenyataan begitu sahaja kena ada bukti.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow) :**

Ada kes Polis pun.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

EXCO pun aware jadi saya rasa dia menjawab kesemuanya. Saya seterusnya Dato' Timbalan Yang di-Pertua kepada satu soalan yang saya tujukan kepada YB. Dato' Malik sebenarnya tapi YB. Dato' Malik baru keluar saya faham berkenaan dengan Zakat Pulau Pinang, saya bertanya berapakah jenis bantuan Zakat yang diberikan oleh Zakat Pulau Pinang senaraikan peserta berserta jumlah peruntukan dari tahun 2015 sampai 2016 senaraikan nama penerima berserta bantuan dan jumlah peruntukan dalam DUN Bertam dan berapakah tempoh kelulusan setiap permohonan dan kaedah penyaluran kepada penerima. Terima kasih kepada Dato' yang sudi kembali. Jadi jawapan yang saya terima adalah terdapat sebanyak 23 jenis Skim Bantuan Zakat Utama di bawah Zakat Pulau Pinang yang diagihkan kepada Asnaf Zakat di seluruh Negeri Pulau Pinang, senarai 23 jenis bantuan utama Zakat Pulau Pinang berserta jumlah yang diagihkan bagi tahun 2015 dan 2016 adalah seperti dilampirkan tak perlu saya baca sebab banyak cuma ingin saya merujuk kepada satu, saya nak bertanya kepada Yang Berhormat dalam kebanyakan dalam ini saya faham cuma ada satu sahaja mungkin saya perlukan penjelasan untuk saya boleh menerangkan iaitu bantuan kepada musafir putus belanja.

Jadi musafir ini macam kitalah bila kita ke mana-mana tempat dua marhalah musafirlah orang yang merantau dan dia putus belanja dan diberikan di sini bahawa jumlah agihan pada 2015 adalah sebanyak RM30,000 ya, 2016 setakat bulan Oktober pun RM30,000 dan jumlah musafir yang putus belanja mungkin satgi Yang Berhormat Dato' boleh jelaskan kepada saya maksud musafir putus belanja ini. Cuma di KADUN Bertam ditulis di sini ialah untuk tahun 2016 musafir yang putus belanja adalah seramai 20 orang, orang musafir yang mai ke KADUN Bertam tiba-tiba depa putus belanja tak sempat mai jumpa YB Bertam depa p kat Zakat dahulu, cerita dia macam itu ini cerita yang sebenar cuma peruntukan yang diberikan kepada 20 orang ini Dato' hanyalah sebanyak RM283, purata seorang RM14.00. Jadi itu saya nak tanya adakah ini satu amalan zakat negeri?.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Sila Dato'

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Terima kasih YB. Bertam, saya ingat sebagai wakil rakyat dalam Dewan ini menghadapi isu ini di mana kita berdepan dengan situasi orang tertentu datang terdampar dan selalunya terdampar ini dia dirujuk oleh orang Kampung dan ada banyak *instant* di mana Masjid suruh mai cari YB. Jadi di sini saya mintalah YB. Batu Maung, YB. Bertam pun bersetuju masjid-masjid semua ada tabung kita harus memberi arahan kepada Masjid guna tabung itu dulu untuk bantu masa jumpa Yang Berhormat, kalau tak jumpa Yang Berhormat terdampar sampai berapa hari jadi gunakan tabung masjid itu lepas itu *claim* la balik daripada Pusat Urus Zakat supaya isu ini supaya kita dapat membela orang-orang Islam yang memerlukan bantuan.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Tentang YB. Bertam yang bangkitkan tentang musafir putus belanja ini saya akan bagi secara terperinci saya pun tengok agak ganjil sikit kalau 20 orang RM283 yang saya kalau mai dekat saya saya bagi RM50 terus sekurang-kurangnya kan. Tentang berhubung dengan Telok Ayer Tawar memang ini *phenomenal* Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua lupa saya nak *address* Timbalan Yang di-Pertua memang ini *phenomenal* masjid-masjid kita suka nak tengok akaun yang berpuluh-puluh ribu beratus-ratus ribu simpan. So, sebab itu baru-baru ini selepas pemilihan Jawatankuasa Masjid baru ini, kita telah mulakan KPI-KPI tertentu. Diantara KPInya yang kita telah cadangkan ialah untuk kita wujudkan satu *Audit Committee* di peringkat negeri. *Audit Committee* di mana *every* setiap 3 bulan, masjid-masjid yang adakan mesyuarat-mesyuarat jawatankuasanya akan *submit* kepada akaun kepada *audit committee* ini dan tugas *audit committee* ini kita ada dua, tiga.

Satu adalah Audit Akaun (*Accounting Audit*), dua adalah *Management Audit* dan ketiga jika perlu *Forensic Audit*

Apabila datang ke management audit ini, kita hendak tengok bagaimanakah dia belanja duit itu, dia simpankah, dia tidak mahu belanjah sebab apa. Dan itu kita *under lining policy* dia, *Insya-Allah*, adalah kita akan berhentikan bantuan daripada Zakat, daripada MAIPP, daripada kerajaan negeri untuk *maintenance* masjid-masjid itu kerana duit ada pintu pecah hendak minta duit ganti pintu? Kita hendak buat macam itu dan baru-baru ini kita ada muzakarah. Muzakarah di peringkat masjid-masjid sebahagian daripada konvensyen Al-Islam Lil Alamin dan tajuknya kali ini adalah Pembangunan Ummah Dan Komuniti dan di situ kita tekankan sepertimana kata YB. Telok Ayer Tawar iaitu masjid-masjid kena *move on* bukan sahaja kepada orang Islam dan kepada juga bukan orang Islam dalam segi kebajikan ini dan diantaranya adalah dalam aspek musafir dan sebagainya tidak perlu minta balik daripada Zakat. Ala berapa sangat RM50 kalau bagi, *multiple effect* dia, *Insya-Allah*, Allah telah berjanji *multiple effectnya so*, itu adalah polisi kita yang kita akan wujudkan setelah pemilihan baru-baru ini, kita nak mempertingkatkan *the responsibility* dia kepada jawatankuasa masjid dengan kita wujudkan *audit committee* ini. 3 aspek, *accounting audit* mereka buat betul-betul; *management audit* yang tadi dikatakan dan *last* kali kalau perlu ada penyelewengan, *forensic audit*. Terima kasih Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Ulasan sikit lagi. Saya nak bawa perhatian kepada YB. Batu Maung. Cerita-cerita ini dah jadi kronik, ini cerita betul yang berlaku di kawasan saya bila dilaporkan ada seorang meninggal dunia dibawa ke kawasan kampung dia. Dia orang memang orang susah, masjid tidak mahu bantu, nak gali kubur, nak simpan, belanja dalam RM800.00. Waris tidak mampu bayar. Masjid tidak mahu beri bantuan, mayat disimpan di dalam peti ais di *mortuary* selama dua (2) hari sampai beku. Mayat itu beku, apabila dikeluarkan penuh ais, emak tersebut menangis-nangis cerita pada saya. Kenapa ini harus berlaku, walhal masjid itu berpuluhan-puluhan ribu duit tabung ada. Tetapi dia kena minta pula pada waris walhal dia boleh bantu dan kalau tidak mahu keluarkan duit langsung pun, beri pendahuluan dan *claim* balik. Ini mayat disimpan sampai beku sampai dua (2) hari di dalam peti ais. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):**

Sikit saja. Saya nak mintalah kalau perkara-perkara ini berlaku, minta dilaporkan segera oleh sebab baru-baru ini ada satu kes di mana satu tanah perkuburan yang tidak mahu mekebumikan seorang musafir. Dan kita ambil tindakan, ambil tindakan kepada jawatankuasa itu kerana tanah perkuburan ini untuk semua. Bukan untuk kariah itu sahaja. Kalau ada *spesific reason* macam musafir dan sebagainya *so*, saya mintalah pada YB. Telok Ayer Tawar supaya beri kita laporan dan kita ambil tindakan kerana ini adalah KPI-KPI kita untuk menambah baik pengurusan kariah di peringkat masjid, *Insya-Allah*.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Satu soalan, ringkas sahaja. Saya nak tanya. Saya dengar tadi.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Okey, tinggal 10 minit sahaja. Silakan.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Terima kasih Dato' Timbalan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada YB. Bertam kerana beri laluan kepada saya. Saya nak tanya Batu Maung tadi kalau tidak salah saya, saya ada dengar Batu Maung ada sebut Pusat Zakat ada beri bantuan kepada masjid. Ada tidak? Saya takut silap saya dengar atau apa, jika adalah saya hendak tahu adakah itu tahunan ke atau bulanan.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Memang ada dalam gulungan esok, nanti dia sebut.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Timbalan Dato' Speaker, saya nak minta....(gangguan).

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Berkenaan dengan masjid kah?

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Bukan. Nak bekalkan laporan saya nak minta izin daripada Timbalan Dato' Spekear untuk beri laporan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di sini berkenaan dengan apa yang telah dicatat dalam NST. Ini ada tunjuk dan bukti. Ini kenyataan bukan saya sahaja tetapi....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Benda dah lepas dah.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Sila.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Nak catit tidak apa, tiada masalah. Jadi, kepada soal saya tadi saya harap sangat EXCO YB. Batu Maung boleh lihat balik pasal musafir ini putus belanja ini. Takut Dato', Dato' di atas, di bawah keliru. Mereka ingat nama sahaja musafir, kita kategorikan sebagai pengemis. Pengemis tidak apalah RM10, RM20. Tetapi kalau musafir ini, mereka harus dilayan dengan lebih baik sebab kita menganggap mereka sebagai asnaflah.

Dan kemudian saya juga sebagai seorang Ahli Dewan Undangan Negeri yang berhemat, beretika saya kena hormat tuan rumah. Saya kalau ke mana-mana rumah, kalau tuan itu kata makan nasi sepinggan, saya makan separuh sahaja. Sebab menghormati tuan rumah, hari ini tuan rumah beri saya 10 minit, saya tidak mahu 10 minit. Saya sudah hendak berhenti. Dan hendak menghormati, jadi akhir kalam saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, rakan-rakan seperjuangan, penjawat-penjawat awam Persekutuan dan Negeri, Angkatan Tentera, Polis, yang menjaga keselamatan negara, ahli-ahli Bomba, JPAM, Rela dan para-para pendidik dalam terlibat didalam memastikan Pulau Pinang berada di dalam keadaan aman, damai, makmur dan harmoni, *wabillahitaufik walhidayah, Assalammualaikum warrahmatullahi wabarakatuh*.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

*Waalaikumussalam.* Seterusnya.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):**

Terima kasih.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

YB. Pengkalan Kota.

### **Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):**

Terima kasih. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi peluang untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2017 yang telah dibentangkan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang. Disini terdapat beberapa isu yang ingin saya menarik perhatian Dewan Yang Mulia ini. Isu yang pertama saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada kerajaan negeri kerana sekali lagi mengumumkan pengecualian cukai pintu untuk rumah kos rendah dan kos sederhana rendah. Apabila pengumuman Bajet tahun 2016, atas pengecualian tersebut saya dapat tahu bahawa terdapat flat-flat yang lama, dikawasan saya tidak dapat menikmati manfaat ini dan penduduk di kawasan tersebut memang merasa kecewa kerana mereka anggap boleh dapat pengecualian.

Oleh itu, saya sebagai ADUN Kawasan saya telah mewakili flat-flat tersebut untuk membuat rayuan kepada MBPP dan telah memberi sebab-sebab mengapa saya yang membuat rayuan tersebut, namun saya juga terima satu jawapan bertulis jawapan yang dewan pun ada. Jawapan surat daripada MBPP bahawa oleh Jabatan Penilaian MBPP iaitu bagi membuktikan flat-flat berkenaan adalah rumah kos rendah atau kos sederhana rendah akan dirujuk ke Jabatan Kawalan Bangunan MBPP untuk pengesahan kategori atau jenis bangunan berdasarkan pelan yang diluluskan sama ada perumahan kos rendah atau kos sederhana rendah atau sebaliknya.

Dan saya ingin berterima kasih kerana selepas saya menulis surat kepada MBPP dan Jabatan Penilaian tersebut telah menjawab surat saya dan dalam masa 1 bulan. Dan selepas dia cakap, dia juga kata dalam surat bahawa ini akan dirujuk ke Jabatan Kawalan Bangunan. Tetapi selepas surat ini yang beliau kata akan rujuk ke Jabatan Kawalan Bangunan MBPP, sampai hari ini sudah empat (4) bulan saya masih tidak terima sebarang maklumbalas dan minggu yang lalu, *a few days ago* ada pengumuman yang baru bahawa *next year* masih ada pengecualian.

So, saya ingin menarik perhatian dalam Dewan yang mulia ini, bahawa saya memang berharap jabatan yang berkenaan dapat menjalankan tugas mereka seperti Jabatan Penilaian dengan lebih efektif dan efisien kerana dalam satu (1) bulan saya punya boleh dapat jawapan daripada Jabatan Penilaian. Tetapi selepas mereka *forward* ke Jabatan Kawalan Bangunan sampai hari ini sudah empat (4) bulan, sebarang maklum balas masih belum terima dan semua rakyat dikawasan di seperti kawasan *Maccallum* masih tunggu jawapan yang saya mohon itu. Dan tujuan yang saya pohon atas permohonan flat-flat tersebut kerana saya mengikuti lawatan tengok mereka punya saiz mengikuti saiz dan keadaan diluar , di dalam bangunan tersebut memanglah dalam kategori macam dalam kategori rumah kos rendah atau rumah LMC kerana tempat letak kereta pun tidak ada, taman-taman pun tidak ada, tiada *swimming pool*.

Bukannya saya juga memberikan satu maklumat yang sangat penting ialah bahawa semua flat-flat yang tidak dapat terima pengecualian cukai tersebut, mereka pada masa sama mereka ada memohon program 80:20 untuk menaiktaraf lif dan menukar lif yang baru. Dan ini telah diluluskan oleh PDC untuk menukar lif tersebut, dan ini juga satu sebab yang saya juga ada tulis dalam surat saya mengapa saya buat rayuan tersebut. Dan rumah-rumah tersebut memang bukannya rumah macam *apartment so, there is a main reason I applied*.

So, saya memanglah berharap huraihan tersebut dapat dipertimbangkan oleh MBPP dan saya boleh mendapat maklumbalas dengan secepat mungkin supaya saya dapat menjawab kepada penduduk-penduduk di flat-flat yang tertentu dan saya memang berharaplah permohonan ini dapat diluluskan supaya semua pihak dapat meraihkan pengumuman yang sekali dibuat oleh Ketua Menteri itu bergembira bersama.

YB. Dato' Timbalan Speaker, isu yang seterusnya saya ingin menarik perhatian didalam Dewan yang mulia ini, adalah tentang isu perumahan pemberian rumah. Dalam beberapa tahun ini, kita pun tahu kerajaan negeri memang berusaha untuk merancang mendirikan banyak projek LMC dan *affordable house* supaya mencapai maklamat setiap orang mendapat satu unit rumah. Dan kebelakangan ini saya terima aduan tentang ada suara negatif tentang pemaju-pemaju enggan menjual rumah LMC dengan harga yang ditetapkan oleh kerajaan kepada pembeli.

LMC adalah RM72,500.00 dan apabila pemohon itu dapat surat daripada kerajaan negeri, mereka memang gembira kerana sudah tunggu lama dan mereka macam kena satu loteri tahu. Apabila mereka sampai ke pejabat pemaju, pemaju memberitahu bahawa tiada RM72,500.00 punya nak jual lebih

daripada RM150,000.00 dengan pakej-pakej yang datang seperti pengubahsuaian, pakej tambah *carpark* dan *legal fee* dan so on tambah kena beli dengan harga lebih RM150,000.00. Dan kes-kes macam ini tetapi bukan semua kes la ada beberapa kes sahaja. So, kes macam ini menyebabkan pembeli itu yang dapat surat daripada kerajaan itu merasa kecewa kerana mereka hanya berkemampuan untuk memberi LMC punya harga sahaja.

Tetapi apabila sampai ke pejabat pemaju, dan jawapan yang diterima oleh mereka ialah jika *you* tidak mahu terima pakej-pakej macam ini, *you* kena tunggu dahulu. Kami kena *settle* yang mahu terima pakej-pakej yang mereka sedia itu.

So, perkara ini telah menyebabkan kebanyakkan orang kerana gaji mereka tak cukup untuk mendapatkan *loan* daripada bank oleh itu boleh berlaku juga kita yang bagi itu surat tawaran kepada pembeli selepas itu mereka gagal mendapatkan *bank loan* dan tak dapat beli dan selepas, saya ada bertanya di dalam soalan bertulis dan ada dapat jawapan daripada YB. Datok Keramat bahawa memang Kerajaan Negeri sememangnya memandang serius aduan orang awam berhubung tindakan segelintir pemaju yang dilaporkan menjual secara paksa unit yang dilengkapi pakej pada harga yang lebih tinggi sehingga mengakibatkan masalah kepada pembeli untuk mendapatkan pembiayaan. Susulan daripada itu Jawatankuasa Pembersihan Dan Peningkatan Mutu proses pemilihan perumahan SPEKS telah bertindak memanggil pemaju-pemaju yang terlibat untuk memberikan penjelasan pemaju juga telah diarahkan supaya berhubung dengan segara dengan setiap pengadu bagi menyelesaikan masalah yang timbul di antara masalah yang dicapai termasuk penjualan pada harga asas rumah mampu milik RM72,500 atau penurunan harga pakej pada tahap yang boleh dipersetujui oleh pembeli dan ini kita faham Kerajaan Negeri sudah mengambil tindakan tapi di sini saya ingin bertanya kepada kerajaan adakah Kerajaan Negeri mempunyai kuasa atau sebarang *by law* untuk menghadkan pemaju jika dengan harga pakej pun tentu ada satu sampai tahap *what price* seperti LMC RM72,500 tapi jika tambah *car park* boleh memang kena ada *by law* untuk tahap mereka tidak melebih beberapa kos itu kerana semua orang di sini adalah penurunan harga pakej pada tahap yang boleh dipersetujui oleh pembeli di sini boleh mendarangkan satu insiden ialah setiap orang punya tahap pembelian tidak sama ada yang berkemampuan untuk meminjam duit sampai *loan* sampai RM100,000 hingga RM150,000 yang hanya mampu untuk memohon *loan* yang boleh *approve* RM100,000 saja so dengan rumah yang sama pakej yang sama tahap persetujuan memang tidak sama oleh itu ini akan membawa *backfire* kerana jika Kerajaan Negeri tak buat satu tak *limit* kan, tak ada garis panduan untuk kontrol, ini orang yang beli itu selepas mereka keluar cakap dengan kawan mereka bahawa saya beli LMC tapi dengan harga macam ini, orang lain akan mengatakan Kerajaan Negeri berpaktat dengan syarikat pemaju kerana ini pembeli memberitahu, pembeli itu pergi ke syarikat pemaju, pemaju bagi tahu ini pakej *you* kena beli dan kerajaan sudah tahu.

Bagi rakyat biasa mereka tak akan, apabila mereka dapat rumah mereka memang gembira dan mereka takut rumah yang mereka dapat itu hilang atas sebab enggan terima tawaran daripada pemaju itu, oleh itu kebanyakan mereka diam-diam akan *be tolerate* dengan pemaju dan biar pemaju tolong mereka *apply* itu *loan*. Walaupun boleh seperti saya ada satu contoh satu LMC pemaju pernah *offer* kepada pembeli bersama pakej satu tempat letak kereta dan sikit *renovation* dan *free legal fees* untuk S & P kena bayar lebih daripada RM150-RM160 lebih so ini memang jauh lebih daripada kos yang sepatutnya mereka beli LMC, LMC RM70,000 saja tapi kita tengok mereka tambah lebih dekat RM100,000 so ini memang macam kerajaan berniat baik untuk menjaga rakyat tapi kerena pemaju mengambil peluang itu telah membawa kerajaan dalam situasi yang mungkin akan disalah faham oleh pembeli-pembeli rakyat jelata.

#### Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Minta laluan, terima kasih YB. Pengkalan Kota. Kita sebagai wakil rakyat kita memang prihatin tentang masalah yang dihadapi oleh rakyat jelata kita. Tentang isu pakej, pakej ubah suai dan tempat letak kereta, saya pun ada satu soalan bertulis. Jawapan yang diberi itu pada dasarnya Kerajaan Negeri memberi kelonggaran kepada pihak pemaju untuk menjual rumah mampu milik berserta pakej ubah suai dan tempat letak kereta kepada pemohon yang telah diluluskan untuk penawaran. Namun begitu, pakej yang melibatkan penambahan kos ini perlulah dipersetujui pembeli dan pemaju atas prinsip *willing seller willing buyer*, tapi saya nampak daripada apa yang dihujahkan oleh YB. Pengkalan Kota, kita masih nampak pemaju yang engkar mengikuti garis panduan atau nasihat daripada Kerajaan Negeri. Jadi, walaupun saya nak tanya adakah berapa kes lagi? memang pejabat saya juga ada terima aduan bahawa mereka dipaksa membeli dengan mengambil pakej. Kalau tidak, sorry kamu kena tunggu lagi.

Jadi, walaupun kita buat aduan kepada YB. EXCO Perumahan, tapi saya nampak ia tidak *stop*, tidak menghentikan tindakan pemaju yang engkari nasihat atau daripada Kerajaan Negeri. Dengan ini saya juga bersetuju kalau tindakan yang lebih tegas atau kita *blacklist*. Adakah YB. Pengkalan Kota bersetuju bahawa kita kena ambil tindakan yang lebih tegas supaya kebajikan rakyat dan pembeli rumah kos rendah atau kos sederhana rendah dijamin? Terima kasih

#### Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

Terima kasih saya memang setuju bahawa *that's why* saya mencadangkan adakah Kerajaan Negeri ada sebarang garis panduan atau sebarang undang untuk mengambil tindakan terhadap kes-kes seperti macam ini dan jika masih Kerajaan Negeri boleh terima boleh dapatkan S & P telah *sign* oleh pembeli dengan pemaju dan *check* balik itu perbezaan harga antara mereka, harga yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri berapa harga mereka telah jual kepada pembeli itu dan bagi saya *enforcement for by law is very important...*(dengan izin) kerana jika tak dapat *enforcement* tak ada garis panduan tak *enforecemat* atas *by law* memang tak ada gunanya kerana seperti sebelum kita membuat permohonan rumah kita, bersama di sini pun juga ada satu pengakuan "bahawa saya juga berjanji bahawa saya dan keluarga akan menduduki unit yang diperuntukkan itu sekiranya didapati saya dan keluarga tidak menduduki rumah unit yang diperuntukkan itu tanpa apa-apa sebab munasabah atau disewa atau diduduki oleh orang lain maka Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan berhak membatalkan tawaran dan menarik balik unit yang diperuntukkan tanpa sebarang ganti rugi".

Ini pun ada tulis dalam perakuan dan sudah di *sign* dan ini ialah *form* yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri untuk memohon satu unit rumah kos rendah, kos sederhana rendah atau mampu milik. Dalam perakuan sudah ada tulis tapi adakah kita mengambil *enforcement* kerana kita masih tahu kerana dalam Pulau Pinang masih banyak LMC-LMC baru atau lama pun terdapat banyak LMC yang diduduki oleh pemilik tersebut dan disewa kepada pekerja warga asing dan ini telah, masalah ini telah lama berlaku dan mengambil banyak masalah hidup *local people....(dengan izin)*, oleh itu saya berharaplah Kerajaan Negeri, EXCO Bahagian Perumahan memberi satu garis panduan supaya kita dapat mengehadkan pemaju menjual rumah dengan sesuka hati menjual LMC dan *affordable house* dengan suka hati berapa kos yang mereka mahu jual tanpa mengira apa arahan daripada Kerajaan Negeri mereka kena sepatutnya kena ikut arahan Kerajaan Negeri tersebut. Di sini saya Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya juga ingin membahas satu isu tentang soalan bertulis saya No. 11. Pada mulanya saya perlulah mengucapkan terima kasih kepada PDC kerana telah meluluskan lebih satu RM1 juta untuk menaik taraf lif di Pangsapuri Pelangi dan saya ada 50 dan 10 unit lif telah dinaik taraf dan saya telah menulis saya menanya soalan kerana sampai hari ini selama satu tahun selepas persiapan kerja masih tak ada sebarang saya terima maklum balas daripada PDC bahawa lif ini sudah boleh serah dan saya ada tanya lif Pangsapuri Pelangi yang telah dinaik taraf oleh PDC.

Namun masih terdapat aduan kerosakan lif apakah punca yang menyebabkan perkara ini berlaku dan mengapakah upacara penyerahan tak dapat dilangsungkan dan PDC menjawab melalui YB. Datok Keramat bagi pihak Y.A.B. Ketua Menteri bahawa PDC telah membuat semakan ke atas aduan-aduan yang diterima oleh syarikat MS Elevator oleh tempoh 6 bulan iaitu dari bulan Mei 2016 hingga Oktober 2016 terdapat sebanyak 26 aduan direkodkan oleh 5 blok yang terlibat. 6 bulan ada 26 aduan direkodkan bagi 5 blok terlibat maksudnya ke 5 blok yang dinaik tarafkan tersebut dalam 6 bulan masih ada 26 aduan yang telah direkodkan oleh MS Elevator saja, ini ialah lif nya sendiri punya *company*, tak kira lagi penduduk yang *complain* di pejabat saya, *complain* Pejabat Setia Urus PDC dan ini merupakan satu projek yang baru siap sahaaja.

PDC menggunakan kos membayar RM1 juta lebih untuk menaikkan taraf lif 10 unit di 5 blok. Sebelum penyerahan, dalam enam bulan pun boleh dapat 26 aduan kerosakan. *Cannot make sense*, tidak boleh terima kan. Sebelum kerja penaikan taraf tersebut, tidak begitu banyak kerosakan tetapi selepas penaikan taraf, apabila saya beritahu Pegawai PDC semasa *last term*, saya hanya menolong mereka memohon satu unit lif di satu blok sahaja, semua penduduk tepuk tangan dan kata *thank you*. Tetapi kali ini, PDC keluarkan RM1 juta untuk menambah baik taraf 10 lift, 5 blok, setiap kali saya pergi melawat orang membuat aduan dan marah, dulu tidak begitu banyak rosak tetapi sekarang sana rosak, sini rosak. RM1 juta sudah keluar tapi satu kredit pun tidak dapat. Saya ingat apabila RM1.0 juta sudah keluar bila saya pergi lawat mesti ada satu berita yang bagus, mungkin akan dapat pujian, mana nak tahu kredit pun tak dapat, kena marah lagi. Inilah laporan yang diberi oleh MS Elevator sendiri, dalam masa 6 bulan mereka terima 26 aduan. Kerajaan Negeri patut mengambil tindakan terhadap kes-kes seperti ini kerana bila kita menggunakan duit rakyat, kita kena menggunakan dengan lebih tepat.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Minta penjelasan. Saya terlalu hairan dan hendak faham dengan lebih baik sedikit. Laporan daripada MS Elevator, apakah kandungan laporan itu sebenarnya, jika lif itu adalah lif baru mengapa asyik rosak dan apa pandangan MS Elevator, saya hendak tahu pada pandangan Yang Berhormat, apakah punca masalah-masalah ini. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):**

11 daripada 26 aduan kerosakan dikenalpasti berpunca daripada komponen lif yang tidak berfungsi seperti komponen elektronik pada pintu, sensor dan suis pada sistem lampu dalam lif. Saya sendiri pun ada pengalaman bila pergi ke sana, sebelum saya pergi buat lawatan, saya ada beritahu bila saya akan buat lawatan. Apabila saya pergi buat lawatan ke sana, lampu di dalam lif tidak bernyala.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Minta penjelasan. Masalah produk MS Elevator atau pun masalah PDC?

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):**

MS Elevator adalah award daripada PDC, jawapannya adalah PDC beri, so saya mahu katakan di sini Kerajaan Negeri perlu mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak. PDC sepatutnya perlu memantau kerana PDC sehingga hari ini belum buat lagi penyerahan kerana masih ada masalah. Maksudnya bila ada kesalahan siapa, PDC perlu memberi laporan yang lebih terperinci bahawa ini adalah salah PDC atau salah MS Elevator. Jika salah kontraktor, PDC patut mengambil tindakan yang sepatutnya. Yang pasti RM1 juta ini adalah wang yang dikeluarkan oleh PDC. Oleh itu saya memang menghargai kerja-kerja yang dibuat oleh PDC kerana telah meluluskan peruntukan untuk menaik taraf lif di 5 blok tersebut tetapi *it is very upsetting to see this happens*, dengan izin. Sebagai sebuah kerajaan yang adil, sepatutnya we need to look on it seriously, supaya tidak berlaku pada projek yang lain pula.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Minta laluan. YB. Pengkalan Kota, saya juga tertarik dengan isu-isu penyelenggaraan lif sebab tadi YB. Pengkalan Kota sentuh supaya ia tidak berlaku di projek-projek lain. Saya ada kebimbangan bahawa atas permintaan kami supaya tabung penyelenggaraan maksimum 80% dipertingkatkan, didapati penyelenggaraan yang banyak permohonan adalah ke atas penyelenggaraan lif. Kita kena tahu dengan lebih terperinci dan lebih berhati-hati bahawa yang manakah kontraktor atau syarikat lif yang *more reliable*. Saya juga ingin tahu YB. Pengkalan Kota, lima lif yang diselenggara itu, apakah skop kerja mereka, sama ada ianya *modernize facelift* atau apakah sebenarnya skop kerja lif tersebut dan berapakah caj penyelenggaraan tersebut? Lima lif berjumlah RM1 juta? Maaf, 10 lif. Ia mempunyai harga yang berbeza dengan berapakah tingkat rumah pangsa tersebut. Saya rasa kita perlu kaji, saya rasa ini adalah satu pengalaman yang sangat baik. Dalam kalangan jadi komuniti, tabung penyelenggaraan maksima 80% itu memang banyak permohonan. Jadi kita kena lebih teliti dan berhati-hati. Kerajaan Negeri berhasrat baik untuk membantu rakyat tetapi atas kegagalan kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor atau syarikat, maka kita juga akan dijadikan kambing hitam. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):**

Terima kasih YB. Sungai Pinang. Saya ingat kawasan Sungai Pinang lebih kurang sama dengan kawasan Pengkalan Kota kerana mempunyai banyak flat-flat di situ. Projek Pangsapuri Pelangi adalah 100% yang dibayar oleh PDC dan bukan 80:20 kerana pangsapuri ini masih di bawah PDC dan belum ada MC. Kerja-kerja tersebut adalah upgrading, menaik taraf lif dan bukan macam projek lain, tukar yang baru. Tukar yang baru bermaksud walaupun satu skru mesti guna yang baru. Menaik taraf lebih kurang 80%, modernisasi, kita masuk tengok macam lif baru, lif baru tidak sepatutnya mempunyai banyak masalah, oleh itu kita berharap Kerajaan Negeri dapat mengambil tindakan dengan lebih tegas terhadap perkara ini. PDC pun perlu mengambil tindakan yang tegas jika kontraktornya tidak dapat melaksanakan tugas mereka.

YB. Yang di-Pertua, di George Town, saya masih ingat di Dewan yang mulia ini saya pernah berbahas, di kawasan saya terutama George Town mempunyai banyak rumah usang yang telah dibiarkan begitu sahaja, tidak dijaga dengan baik, ada yang mahu runtuh, ada yang setengah runtuh tetapi tidak mahu runtuh tetapi tidak ada orang mahu duduk, menyebabkan semakin lama George Town sudah bukan macam George Town, bila waktu malam bila kita lalu macam *ghost town* kerana kebanyakannya rumah sudah kosong, ada yang macam lepas perang sahaja. Lepas beberapa tahun, mengapakah mereka tidak membuat pengubahsuaihan, ada pemilik yang beritahu kepada saya bahawa mereka tidak mampu kerana unit-unit tersebut bukannya unit yang mereka beli, mereka mewarisi dari datuk moyang mereka, bila mereka memperolehi rumah tersebut sudah berusia hampir 100 tahun, mereka tidak mampu dan tidak ada duit untuk mengubah suai unit tersebut. Seperti di kawasan Lebuh Magazine sehingga Lebuh Sandiland, rumah-rumah itu ada ciri-ciri *heritage* WHI dan bila pemilik-pemilik hendak mengubah suai rumah-rumah tersebut, perlu mematuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh WHI dan MBPP. Kos-kos bahan-bahan untukkekalkan bangunan itu supaya *the same structure* memang lebih mahal berbanding dengan bahan-bahan yang biasa. Oleh itu mereka telah menghadapi masalah kewangan untuk membuat pengubahsuaihan atau menaik taraf unit-unit mereka. Akhirnya mereka terpaksa membiarkan rumah mereka tersebut.

Kerajaan Negeri pun ada setkan satu *limit* bahawa *landed property*, orang luar negara jika hendak beli, kena beli harga lebih daripada RM2.0 juta. Walaupun sudah set RM2.0 juta tetapi pada masa sekarang, pada *currency* RM yang selalunya, bukan sekarang sahaja yang tidak stabil, ekonomi negara luar baik, tidak ada kaitan dengan ekonomi negeri kita, ekonomi negara turun, ekonomi kita pun turun sama. Dengan status yang tidak stabil, *currency* kita yang begitu rendah memang senang kepada warga dari luar negara boleh membeli rumah-rumah di unit-unit kita. *These few years* kita boleh nampak ada beberapa pembangunan baru seperti di tempat-tempat UNESCO Heritage, warga asing ini telah membeli unit-unit tersebut dan mereka telah mengubah suai, selepas mengubah suai, sewa unit-unit itu menjadi lebih tinggi berbanding dengan dahulu. Kita boleh nampak situasi macam ini, walaupun harga telah dihad oleh Kerajaan Negeri, memang tidak begitu banyak keuntungan kepada orang tempatan kerana orang tempatan masih tidak mampu membeli rumah tersebut. Dahulu, rumah itu lebih kurang RM300,000.00 tidak ada orang mahu beli, sekarang sudah mencécah RM1.2 juta. Ini yang kita nampak, RM300,000 orang tempatan tidak mampu beli,

So jika kita sebagai pemilik kita pun mahu jual kita punya rumah dengan harga yang lebih tinggi dan bukan harga yang lebih rendah so oleh itu memang / tengok bahawa begitu banyak manfaat kepada *local people*, dan saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya bolehkah kita keluarkan satu di *especially* di *heritage* punya tempat George Town *Heritage* punya tempat, yang *building* kategori itu dulu kita *offer* kan mereka bagi mereka masukkan permohonan kita *prepare* kan satu dana peruntukan untuk mereka memohon peruntukan tersebut untuk menaikkan taraf atau membaiki rumah yang sedia ada mereka dengan syarat-syarat yang ditentukan seperti selepas mereka mendapat peruntukan tersebut dan kerja-kerja penaikan taraf sudah dibuat mereka sendiri kena duduk di dalam rumah tersebut. Jika tidak mereka kena bayar balik ganti tiga kali ganda kepada Kerajaan Negeri, *amount* yang mereka dapat peruntukan mereka dapat tersebut. Ini dengan ini barulah boleh kita menarik balik itu penduduk-penduduk yang sedia ada yang sudah pindah keluar balik ke tempat yang asal dan menjadikan tempat tersebut dengan lebih banyak orang duduk dan bukannya di macam cakap disapu oleh orang-orang negara yang luar untuk pemaju negara luar negara untuk membeli rumah-rumah tersebut. Justeru ini saya satu soalan, soalan bertulis yang nombor 22. Soalan ini ialah "Sila nyatakan dengan teliti berapakah unit rumah warisan kategori dua dari Lebuh Magazine sampai Lebuh Sandiland yang telah diberi oleh syarikat luar negara. Saya ada masuk soalan macam ini dan jawapan yang telah diterima ialah "Berdasarkan rekod George Town World Heritage In Cooperated (GTWHI), terdapat sebanyak 844 premis rumah warisan kategori itu terletak di Lebuh Magazine sehingga Lebuh Swettenham". 844 premis rumah kuantitinya di *from* Lebuh Magazine sampai Lebuh Swettenham, 8 jalan di sanalah, ada 800 lebih.

Walau bagaimanapun setakat ini tiada rekod untuk menunjukkan pemberian oleh syarikat atau individu luar Negara ke atas rumah warisan kategori itu di kawasan tersebut. Maksudnya langsung satu pun tak ada rekod pun, so tapi kita boleh nampak *that is main reason* selalunya kita boleh nampak dalam berita. Ada yang cakap luar negara punya orang datang ke beli rumah dan surat khabar kita boleh nampak tapi apabila saya bertanya soalan, saya nak dapatkan jawapan yang lebih teliti, jawapan yang saya dapat tak ada rekod, tiada rekod maksudnya tak ada, maksudnya semua yang ada punya ialah syarikat *local* punya syarikat yang beli dan *local* punya orang yang beli itu dan bukan di kawasan di kawasan tersebutlah. So, tak sentuh. Sampai syarikat di luar negara so oleh itu saya ingin saya berharap Kerajaan Negeri kena tengok macam mana memikir satu cara atau garis panduan untuk mengatasi

masalah seperti ini. Supaya *local people* boleh dapatkan manfaat boleh dapatkan untuk baiki rumah dan dapat untuk di kawasan tersebut lebih baik daripada yang selalunya orang kita nampak dalam surat khabar penduduk yang duduk di sana sudah lebih 150 tahun dihalau keluar oleh pemaju atau syarikat persendirian dan tak ada rumah duduk, kita kena elakkan kes macam ini sering berlaku dan kerajaan perlulah mencari satu jalan untuk *balance up this situation*.

YB. Dato' Speaker, Dewan satu isu tentang *apps* iaitu aplikasi yang pernah saya bahas di Dewan sebelum ini pada bulan Mei tentang saya mencadangkan Kerajaan Negeri supaya mengadakan satu *apps* atau dengan izin aplikasi untuk Pulau Pinang supaya kemudahan orang penduduk-penduduk Pulau Pinang atau *tourist* Pulau Pinang saya juga bertanya soalan dalam Dewan yang kali ini dan sudah dapat satu jawapan seperti berikut, Aplikasi pintas *Penang Intelligent Traffic and Transport System* telah dilancarkan oleh Kerajaan Negeri pada 19 Ogos 2016 yang lalu. Fasa pertama aplikasi ini merangkumi 4 komponen utama iaitu:-

- a) *Rest A Bus* - di mana pengguna dapat mengetahui waktu sebenar bas akan tiba di mana-mana lokasi perhentian bas pada masa ini hanya untuk bas di bahagian pulau sahaja. Mereka ada perancang bagi pelaksanaan fasa kedua melibatkan kawasan Seberang Perai sedang diluluskan.
- b) Aduan Trafik - boleh berkongsi apa saja berkaitan dengan trafik dan tiga ialah;
- c) Menjadi *Navigator*- membantu yang menggunakan *platform google maps* pengguna boleh menggunakan *navigator* ini secara mudah dan cepat keempat komponen ialah;
- d) Berita dan Program – memberikan pengumuman dan program rasmi Kerajaan Negeri untuk dikongsikan dalam aplikasi ini bagi makluman semua pengguna.

Kita boleh nampak inisiatif Kerajaan Negeri ini memang bagus dan saya juga berharap bahawa Kerajaan Negeri boleh teruskan sentiasa *update* dan *upgrade* itu *apps* dengan lebih banyak lagi komponen boleh *link* dengan lebih banyak *department – department* dan seperti contoh saya berharap *apps* ini pada masa yang akan datang supaya boleh bagi penduduk atau rakyat di Pulau Pinang bayar cukai pintu, membayar saman-saman atau membeli tiket bas dan selanjutnya yang *apps* yang boleh membawa lebih banyak manfaat dan kemudahan kepada penduduk-penduduk di Negeri Pulau Pinang dan inilah saya berharap bahawa ini tidak akan berhenti dan boleh merangkumi termasuk jabatan pelancongan juga boleh berkongsi kerana pada tahun ini EXCO Pelancongan kita ada kutip itu caj-caj hotel *levi-levi* hotel dan kita pun boleh gunakan tersebut supaya *upgrade* itu *apps* dengan lebih keluasan dengan kemudahannya.

YB. Timbalan Dato' Speaker, ada satu lagi isu yang lama yang sudah pernah saya bahas dalam Dewan yang mulia ini adalah bertentangan masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk kawasan saya, *I think* bukan penduduk di kawasan saya saja, di pengguna Lebuhraya Dr. Tun Lim Chong Eu dulu dipanggil sebagai JE Express Way. Masalah kesesakan di lebuh raya tersebut memanglah sudah berlaku lama, dan walau bagaimanapun kerajaan pun banyak kali berusaha mencadangkan dan membuat sesuatu supaya dapat *smooth* kan itu *traffic slow* tapi sampai sekarang masih belumlah mencapai kejayaan yang lebih sempurna kerana atas kereta-kereta, kuantiti kereta-kereta pun sudah semakin naik dengan cepat dan di sini memanglah jika bagi masalah ini kita bagi penduduk Express Way, penduduk-penduduk di kawasan Macallum yang begitu pada ada lebih 20 blok di sana di kawasan Macallum mereka setiap hari dari pagi nak keluar kerja sampai nak balik daripada tempat kerja mereka pun menghadapi masalah tersebut dan penduduk-penduduk di sana pun ada merangkumi warga tua pun ada pekerja pun banyak ada. So, oleh itu saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri adakah sebarang cadangan atau adakah sebarang projek yang tengah dikaji supaya dapat mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh pengguna jalan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu dan juga penduduk-penduduk di kawasan Macallum, kerana / selalunya apabila kawan saya tanya macam mana nak pergi ke pejabat saya, saya cakap dengan mereka melalui Express Way, tapi selalunya / pun rasa malu selepas saya cakap melalui Express Way, Jelutong Express Way datang kerana ini Express Way selalunya boleh cepat punya kan, tapi kita punya Express Way tersumbat punya, so saya berharap kita Express Way kena buat bagi jalan bagi kereta semua boleh jalan lebih *smooth* dan *express* lah dan ada satu lagi di itu Express Way selalunya kita nampak Express Way jarang ada *traffic light*, tapi di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu, tersebut sudah *especially* ke akhirannya, sudah ada banyak buat *traffic light* dan ini kita saya ingin

cadangkan kepada Kerajaan Negeri atau PBT supaya mengkaji tengok macam mana untuk mengatasi masalah kesesakan dan saya berharap kerajaan ada sesuatu cadangan seperti yang saya pernah cadangkan seperti mendirikan menambah satu *fly over* di persimpangan-persimpangan di Lebuh Cecil atau Gat Lebuh Macallum atau Jalan Dr. Lim Chong Eu.

So oleh itu saya berharap dan pengumuman saya boleh dapat berita baik daripada EXCO yang berkenaan atau berita baik daripada Kerajaan Negeri tentang cadangan yang untuk mengatasi masalah tersebut dan sebelum saya abiskan perbahasan saya, saya ingin mengucapkan sekali lagi dengan kepada Kerajaan Negeri dan juga PDC yang telah meluluskan permohonan saya untuk menukar lif-lif di *flat* lama Macallum, bukan tadi di Pangsguri Pelangi punya, tapi di *flat* lama depan tadi ialah *face one* punya, itu *face two* blok PDC telah meluluskan peruntukan lebih daripada RM3 juta lebih untuk 7 blok bagunan menukar lif yang baru dan saya haraplah ini akan berlancar dengan berjalan dengan lebih lancar dan semuanya kita yang tentu kita boleh dapat kredit yang baik kerana maksudnya selepas 100% permohonan tersebut dan telah diluluskan maksudnya di kawasan saya 100% lif sudah ditukar baru. Dan saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri dan juga *especially* PDC yang meluluskan permohonan tersebut. Dengan ini saya mohon menyokong.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Seterusnya. Ada tak Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian? Tak ada kita buat pergulungan saja. Sudah tidak ada mahu bahas lagi? Sekali, dua kali. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan kita tangguhkan dan akan sambung semula hari Isnin jam 9.30 pagi dengan sesi pengulungan.

*Dewan ditangguhkan pada jam 5.00 petang.*